05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KAJIAN TERHADAP FUNGSI CERITA BINATANG MELAYU-ARAB DALAM PENDIDIKAN KESUSASTERAAN AWAL KANAK-KANAK

FARRA HUMAIRAH BINTI MOHD
M20092000805

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Projek Ilmiah ini dikemukakan sebagai keperluan bagi memenuhi syarat penganugerahan Sarjana Pendidikan Kesusasteraan Melayu.

Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris

APRIL 2011

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

SESI APRIL 2011

DENGAN INI MENGESAHKAN

PELAJAR: FARRA HUMAIRAH BINTI MOHD
NO. MATRIK: M20092000805

TELAH MEMENUHI SEGALA SYARAT YANG TELAH DITETAPKAN OLEH JAWATANKUASA KHAS YANG DILANTIK OLEH FAKIULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI, UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

MENERIMA HASIL KERJA INI PADA
23.5.2011
.....

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DIHADAPAN PENYELIA

PROF. MADYA DATO' PADUKA DR. ROSLI BIN SALUDIN

.....
(TANDATANGAN)

DEKAN

PROF. MADYA DR. NOR AZMI BIN MOSTAFA

.....
(TANDATANGAN)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGAKUAN

"Saya mengaku bahawa kajian ilmiah ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, pendapat dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya."

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

20 Mei 2011

.....

FARRA HUMAIRAH BINTI MOHD

M20092000805

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DEDIKASI

Syukur kepada Allah S.W.T
Keizinan dan limpah kurniaan-Mu
mengizinkan laporan ilmiah ini direalisasikan.
Pengabdiaanku pada-Mu Tuhan buat selamanya
Tidakkan ada henti tiada hujungnya.
Sembah salam ke atas Junjungan Besar
Nabi Muhammad S.A.W

Buat Ayah & Bonda tercinta
(Mohd Bin Nik & Che Norihan Binti Harun)
Penghasilan laporan ilmiah ini
Bukti kasih dan sayang anakanda kepada kalian.
Jasa dan semangat yang dibekalkan, mimpi anakanda menjadi nyata.
Hanya Tuhan sahaja yang dapat membalas pengorbanan kalian berdua kerana
membesar & mendidikku
dengan ikhlas dan sabar, tanpa penat dan jemu
demi sebuah kejayaan & kebahagiaan buat anakmu ini.

Adik-beradikku yang dikasihi dan Insan Teristimewa,
(Abang U, Fazly, Faiz, Syazwan, Norafizah Ismail dan Mohd Nuzul Haqimiazim)
Sokongan dan dorongan akan kuabadikan selagi hayat dikandung badan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Untuk seluruh warga UPSI yang ku kasihi...
Dorongan dan semangat yang kalian sematkan ke dalam diri ini
akan ku ingati selamanya. Moga kejayaanku akan menjadi inspirasi untuk kalian
meneruskan perjuangan dalam hidup.

Seluruh Pensyarah Fakulti Bahasa dan rakan-rakan...
Budi & jasamu tak akan ku lupakan

Penyeliaku...
(Prof. Madya Datuk Paduka Dr. Mohd Rosli Bin Saludin)
Jasa, bimbingan dan budi baik tetap menjadi ingatanku.
Terima kasih diucapkan...

Hanya doa restu yang tulus ikhlas ku mohon dariNya...
Agar kalian sentiasa dirahmati dan diberkati olehNya...
Hanya itu yang mampu ku lakukan
Demi jasa dan pengorbanan yang kalian curahkan padaku...
Kejayaanku juga adalah kejayaan untuk kalian semua.

Farra Humairah
UPSI...2011

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

BISMILAHIRAHMANIRAHIM

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah
Dan Maha Penyayang.

Segala Pujian ke Hadrat Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.
Selawat dan Salam Kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W.

Dengan rasa kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya jua, penulisan laporan ilmiah ini telah dapat disempumakan. Dalam usaha menyiapkannya pengkaji telah mendapat kerjasama, bantuan, sokongan serta doa daripada pensyarah, keluarga, rakan seperjuangan serta pelbagai pihak yang mahukan impian ini menjadi kenyataan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu Prof. Madya Datuk Paduka Dr. Mohd Rosli Bin Saludin yang sentiasa memberi bimbingan, nasihat serta tunjuk ajar yang sangat berguna dalam usaha menyiapkan kajian ilmiah ini. Pengkaji juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak pentadbiran Yayasan Islam Negeri Terengganu dan pihak Sekolah Tadika Yayasan Islam Cawangan Chendering, Kuala Terengganu yang sungguh baik hati memberi bimbingan dan bantuan yang tidak berbelah bahagi, jasamu tetap dikenang dan segala jasa baik kalian sesungguhnya tidak terbalas oleh pengkaji yang kerdil ini. Hanya kepada Allah S.W.T dipohonkan doa semoga segala kebaikan diberi ganjaran sama ada di dunia mahupun di akhirat nanti.

Selain itu, terima kasih juga ditujukan kepada para pensyarah di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UPSI Tanjung Malim yang telah banyak memberi kerjasama dan tunjuk ajar dalam usaha pengkaji menjalankan kajian ilmiah ini. Buat rakan-rakan seperjuangan (Salsabiila, Diana, Huda, Kak Hayati, Kak Sal, Kak Siti, Cikgu Faizul, Cikgu Azaman, Cikgu Shahil dan Cikgu Zul) dan insan teristimewa iaitu Mohd Nuzul Haqimiazim Husin

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang telah memberi sokongan dan dorongan sepanjang pengkaji menyempurnakan kajian ini. Budi kalian tidak dapat ku lupakan.

Rasa bangga dan penuh hormat pengkaji dambakan buat kedua insan yang telah meluangkan masa mereka untuk ditemuramah iaitu Puan Fauziah Wan Jaafar (Penggiat dan Pakar Sastera Kanak-kanak di Terengganu) dan juga Encik Hassan Mutalib (Pengarah Filem Animasi Tempatan). Jutaan ribuan terima kasih yang tidak terhingga pengkaji rakamkan buat mereka berdua kerana telah banyak membantu dan memberikan pandangan berkaitan dengan kajian ini. Segala kebaikan mereka tidak dapat pengkaji lupakan.

Akhir sekali buat insan-insan tersayang seperti bonda, ayahanda dan seluruh ahli keluarga segala pengorbanan, suka dan duka yang diharungi bersama-sama tidak mampu digambarkan dengan kata-kata. Hanya hati dan jiwa kita sahaja yang merasainya. Jadikan kejayaan ini sebagai dorongan untuk lebih maju lagi di masa-masa yang akan datang. Terima kasih yang tidak terhingga di atas nasihat, dorongan serta doa restu daripada kalian yang tidak putus-putus memberiku semangat dan inspirasi untuk meneruskan usaha sehingga terhasilnya kajian ilmiah ini.

Sekian, terima kasih.



.....

FARRA HUMAIRAH BINTI MOHD

Program Sarjana Pendidikan Kesusasteraan Melayu
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjung Malim, Perak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KAJIAN TERHADAP FUNGSI CERITA BINATANG KANAK-KANAK MELAYU-ARAB DALAM PENDIDIKAN KESUSASTERAAN AWAL KANAK-KANAK.

Abstrak

Sastera kanak-kanak atau dalam bahasa Arabnya *Adab al-Atfal* merupakan pengucapan indah yang merangkumi pelbagai bentuk puisi dan prosa sama ada secara lisan mahupun bertulis digubah khusus untuk kanak-kanak. Kanak-kanak mempunyai kecenderungan semulajadi terhadap cerita-cerita yang menarik antaranya cerita binatang. Kajian ilmiah ini bertujuan mengetengahkan cerita binatang Melayu dan Arab. Kajian ini menggunakan metod analisis tinjauan kesusasteraan, temuramah dengan pakar sastera kanak-kanak di Terengganu dan pembikin filem animasi tempatan, kaedah pemerhatian di Sekolah Tadika Yayasan Islam Cawangan Chendering, Kuala Terengganu dan perbandingan antara cerita binatang Melayu dan Arab. Fokus kajian ini lebih menjurus kepada fungsi cerita binatang Melayu-Arab, keberkesanan fungsi cerita binatang Melayu-Arab dalam memberikan manfaat atau kesan positif kepada proses pembelajaran dan pengajaran kanak-kanak dan interpretasi simbol bagi watak dan nama binatang itu sendiri. Hasil kajian yang diperolehi mendapati cerita-cerita binatang Melayu-Arab memiliki persamaan dari segi bentuk dan struktur penceritaannya, malahan turut mempunyai fungsi yang terpenting dalam pendidikan kesusasteraan awal kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

STUDY ON THE ROLE AND FUNCTION OF ANIMAL STORIES FROM MALAY AND ARABIC LITERATURE IN THE EARLY EDUCATION OF CHILDREN.

Abstract

Children's literature in the Arabic language, known as *al-Adab Atfal,* is a beautiful literary expression that includes various forms of poetry and prose, whether oral or written, that has been especially composed for children. In this way, children develop a natural tendency to appreciate interesting stories such as those involving animals. The purpose of this study is to highlight the story of animals in Malay and Arabic for the user of literary stories, and especially, the Malaysian people. The methodology of this study is that of analysis; literature review and interviews with children's literature specialists in the country; local animation filmmakers; observation of the Islamic Foundation School Kindergarten in Chendering, Kuala Terengganu, and the comparison between the animal stories in Malay and Arabic. The main focus of this study is the emphasis of the functions of the Malay-Arab animal stories and their effectiveness in benefitting or giving a positive impact to the teaching and learning capabilities of children. Furthermore, the study will focus on the interpretation of the symbolic nature of the characters and the names of the animal in the story. The results to be obtained will show that the stories of the Malay-Arab animals have similarities in their form and narrative structure and that they have important roles to play in the early education of children involving literature.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ISI KANDUNGAN

	Halaman
PENGESAHAN	**i**
PENGAKUAN	**ii**
DEDIKASI	**iii**
PENGHARGAAN	**iv-v**
ABSTRAK	**vi**
ABSTRACT	**vii**
ISI KANDUNGAN	**viii-xii**
SENARAI RAJAH	**xiii**
SENARAI JADUAL	**xiv**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1	**PENGENALAN**	
	1.1 Pendahuluan	1-4
	1.2 Latar Belakang Kajian	4-6
	1.3 Pernyataan Masalah	6-8
	1.4 Persoalan Kajian	8
	1.5 Objektif Kajian	9
	1.6 Kepentingan Kajian	9-10
	1.7 Batasan Kajian	10-11
	1.8 Definisi Istilah	11-15
	1.9 Rumusan	15-16

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB II TINJAUAN KAJIAN YANG LALU

2.1 Pengenalan 17-18

2.2 Tarifan Konsep 18-21

2.3 Hubungkait Teori dengan Kajian 22

2.3.1 Teori Pembelajaran (Model Peniruan) 22-24

2.3.2 Teori Psikologi (Psikoanalisis) 24-25

2.4 Kajian Masa Lalu 26

2.4.1 Kajian Ilmiah (Tesis) 26-32

2.4.2 Jurnal/Majalah/Kertas Kerja Seminar 32-33

2.4.3 Buku Ilmiah 34-35

2.5 Fungsi Cerita Binatang 36

2.5.1 Cerita Binatang Sebagai Alat Hiburan 36-38

2.5.2 Cerita Binatang Untuk Menyampaikan Pengajaran dan Didikan Moral 38-40

2.5.3 Cerita Binatang Sebagai Media/Saluran Kritikan atau Sindiran Sosial 40-41

2.5.4 Cerita Binatang Sebagai Medium Mendekatkan Kanak-kanak dengan Bahasa Sastera dan Menerangkan Sesuatu 42-43

2.6 Rumusan 43-44

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan 45-46

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Reka Bentuk Kajian 47

3.3 Instrumen Kajian 48

3.3.1 Kajian Perpustakaan 48-49

3.3.2 Pemerhatian 49-48

3.3.3 Temuramah/Interview 51-52

3.4 Kaedah Analisis Maklumat 52-54

3.5 Rumusan 55

BAB IV HASIL KAJIAN

4.1 Pengenalan 56-57

4.2 Bentuk dan Struktur Cerita Binatang Melayu-Arab 57

4.2.1 Bentuk Cerita Binatang Melayu-Arab 57-59

4.2.1 (i) C. Binatang Berbentuk Asal Usul 59-62

4.2.1 (ii) C. Binatang Berbentuk Epik 62-64

4.2.1 (iii) C. Binatang Berbentuk Sambut Menyambut 64-65

4.2.1 (iv) C. Binatang Berbentuk Fabel (Teladan) 65-68

4.2.2 Struktur Cerita Binatang Melayu-Arab 68-69

4.2.2 (i) Tema C. Binatang Melayu-Arab 69-74

4.2.2 (ii) Plot C. Binatang Melayu-Arab 75-88

4.2.3 (iii) Latar C. Binatang Melayu-Arab 88-90

4.3 Fungsi/Peranan C. Binatang Melayu-Arab dalam Proses Pembelajaran dan Pengajaran Kanak-kanak 91-92

4.3.1 Cerita Binatang Sebagai Alat Hiburan 92-103

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.2 C. Binatang Untuk Menyampaikan Pengajaran dan Didikan Moral 103-111

4.3.3 C. Binatang Sebagai Media/Saluran Kritikan/Sindiran Sosial 111-116

4.3.4 C. Binatang Sebagai Medium Mendekatkan Kanak-kanak dengan Bahasa Sastera & Menerangkan Sesuatu 116-121

4.4 Keberkesanan Fungsi C. Binatang dalam Memberikan Manfaat atau Kesan Positif kepada Proses Pembelajaran dan Pengajaran Kanak-kanak 121-122

4.4.1 Mengamalkan Tingkah Laku yang Baik dan Menghindari Tingkah Laku yang Buruk 123-128

4.4.2 Menanam Sikap Rajin Membaca dan Kuat Berusaha 128-133

4.4.3 Menerima Pelajaran dengan Lebih Mudah dan Berkesan 133-138

4.4.4 Melatih dan Mengajak Kanak-kanak untuk Mengingat dan Berfikir 138-142

4.4.5 Memperkayakan Pembendaharaan Kata 142-144

4.5 Interpretasi Simbol bagi Watak-watak Binatang yang diketengahkan dalam Cerita Binatang Melayu-Arab 144

4.5.1 Watak Binatang dalam Cerita Binatang Melayu-Arab 144-146

4.5.2 Binatang Sebagai Lambang 147-148

4.5.2 (i) Cerita *Sang Kancil Mengira Buaya* 148-151

4.5.2 (ii) Cerita *Arnab dan Kura-Kura* 152-155

4.5.2 (iii) Cerita *Gagak Mencari Air* 155-158

4.5.2 (iv) Cerita *Pengorbanan Ikan Nun* 158-161

4.5.2 (v) Cerita *Lembu Betina yang Suci* 161-164

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5.2 (vi) Cerita *Tongkat Menjadi Ular* 164-167

4.6 Rumusan 168-170

BAB V RUMUSAN

5.1 Pengenalan 171

5.2 Ringkasan Dapatan 172-178

5.3 Dapatan Kajian 178-179

5.3.1 Teknik Pengajaran dan Pembelajaran Di Prasekolah 179-181

5.3.2 Sastera Kanak-Kanak Di Malaysia Masih Belum Berkembang 181-182

5.4 Saranan dan Cadangan 182

5.4.1 Ibubapa 182-186

5.4.2 Guru/Pihak Sekolah 186-189

5.4.3 Penerbit Karya Sastera Kanak-kanak 189-193

5.4.4 Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) 193-199

5.4.5 Institusi Penyelidikan (IPTA/IPTS) 199-200

5.5 Kesimpulan 200-202

BIBLIOGRAFI **203-208**

LAMPIRAN **209-**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
3.2.	Carta Aliran Kajian Metodologi Pengkaji	54
4.1.	Aspek Bentuk Cerita Binatang	58
4.2.	Aspek Struktur dalam Cerita Binatang Melayu-Arab	69
4.3.	Fungsi/Peranan Cerita Binatang Melayu-Arab	92
4.4.	Kesan Positif Cerita Binatang kepada Proses Pembelajaran dan Pengajaran Kanak-kanak	122
4.5.	Proses Peniruan dalam Teori Pembelajaran	125
5.1.	Kedudukan Pelajar dan Guru Ketika Sesi Bercerita Dijalankan di dalam Kelas	181

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
3.1.	Cerita Binatang Melayu-Arab yang dipilih pengkaji	47

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di dalam bab ini, pengkaji menganalisis mengenai pendidikan kesusasteraan awal kanak-kanak yang diteliti melalui fungsi cerita binatang Melayu-Arab. Kajian ini akan tertumpu kepada beberapa buah buku cerita binatang kanak-kanak yang popular khususnya cerita binatang Melayu dan Arab yang digunakan dalam sistem pendidikan kesusasteraan awal kanak-kanak iaitu kanak-kanak yang berada diperingkat pra persekolahan. Kajian ini merupakan salah satu usaha pengkaji untuk mengenali dan memahami cerita binatang kanak-kanak Melayu dan Arab yang dikatakan menjadi salah satu fungsi untuk menyampaikan mesej dan sebagai pengekalan warisan tradisi masyarakat Melayu. Justeru, dalam bab ini pengkaji akan menerangkan secara terperinci mengenai cerita binatang kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seperti mana yang diketahui, perkembangan awal kesusasteraan kanak-kanak dalam masyarakat Melayu dan dalam masyarakat lain dapat dikesan daripada tradisi sastera lisan. Sastera lisan atau lebih dikenali sebagai sastera rakyat walaupun ditujukan khas untuk golongan dewasa, namun ianya lebih tersebar luas dan turut diminati oleh golongan kanak-kanak umumnya. Namun begitu, dalam masyarakat Melayu terdapat pelbagai jenis sastera lisan yang diketengahkan dan antaranya ialah cerita binatang, cerita jenaka, cerita penglipur lara, cerita teladan, cerita mitos dan cerita legenda. Oleh sebab itu, pengkaji hanya memfokuskan cerita binatang dalam kajian ini kerana cerita binatang amat diminati dan menjadi salah satu fungsi yang berguna untuk kanak-kanak apabila mereka mendengar dan membaca cerita terbabit.

Di dalam proses pembesaran dan pertumbuhan fikiran, kanak-kanak sebenarnya membentuk dunianya yang tersendiri. Pada diri kanak-kanak mereka merasakan alam mereka adalah suatu dunia yang indah dan harmoni. Andainya mereka lapar, mereka menangis dan meminta makanan dari ibu mereka. Mereka juga bebas untuk berkawan, bermain dengan rakan-rakan sebaya tanpa mengira lelaki ataupun perempuan. Beginilah yang dikatakan dengan dunia kanak-kanak, dunia yang tersendiri dan penuh dengan keriangan. Hal ini selaras dengan pandangan Karl C. Garrison (1975: 206) dalam penyelidikannya mengenai tabiat kanak-kanak. Baginya, "kanak-kanak sememangnya gemar bercampur gaul antara rakan-rakan sebaya dan dunia mereka sentiasa diliputi oleh rasa kegembiraan".

Selain itu, kanak-kanak yang berada dalam proses perkembangan fikiran dan pertumbuhan fizikal ini kerap kalinya membentuk atau mempunyai cita-cita yang tinggi melangit. Di waktu begini, fikiran mereka dikatakan begitu mudah dipengaruhi oleh alam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sekeliling. Sekiranya alam sekeliling kanak-kanak itu adalah panorama sawah padi, maka kanak-kanak tersebut ingin mengikuti jejak langkah bapanya untuk ke sawah bersama. Begitu juga sekiranya alam sekeliling kanak-kanak itu ialah perkampungan nelayan maka keinginannya untuk mengikuti bapanya ke laut dilihat menebal dalam dirinya.

Sebagai mana yang kita sedia maklum, kanak-kanak diumpamakan sebagai kain putih yang bersih dan sangat memerlukan bimbingan dan pedoman sebagai persediaan bagi mereka menghadapi hidup yang penuh dengan cabaran apabila mereka meningkat dewasa kelak. Dalam konteks ini, perkembangan kesusasteraan kanak-kanak dianggap selaras dengan proses tumbesaran kanak-kanak kerana terdapatnya hubungan yang mesra dan sebati antara sastera dengan kanak-kanak. Lantaran itu, buku cerita kanak-kanak amnya memainkan peranan yang penting dalam perkembangan mental dan peribadi kanak-kanak. Namun, buku kanak-kanak juga boleh membantu ke arah pembentukan keperibadian kanak-kanak secara keseluruhannya. Hal ini kerana melalui buku kanak-kanak maka kanak-kanak dapat menanam dan memupuk nilai-nilai yang disangjung dan disenangi oleh masyarakat. Nilai-nilai seperti akhlak dan budi bahasa yang baik, menghormati orang yang lebih dewasa daripada mereka, ketaatan terhadap agama dan sebagainya dapat dipupuk dan diresapkan ke dalam jiwa kanak-kanak yang sedang membesar melalui buku cerita kanak-kanak.

Namun begitu, apa yang berlaku kini adalah sebaliknya. Misalnya puisi kanak-kanak, didendengkan dalam bentuk nyanyian atau irama kanak-kanak amat kurang diwarisi, dikenali dan dinyanyikan oleh kanak-kanak ketika mereka bermain pada masa kini berbanding dahulu. Selain itu, mereka juga tidak lagi didodoikan oleh ibubapa atau pengasuh dengan pelbagai irama atau puisi ataupun pelbagai cerita rakyat ketika hendak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tidur. Masa dan perubahan corak hidup masyarakat telah mengikis tradisi sastera lisan dalam masyarakat Melayu dan menukar bentuk dan sifat hubungan antara sastera dengan kanak-kanak. Hari ini, tempat sastera lisan telah diambil alih oleh sastera tulisan dan sastera elektronik.

Oleh yang demikian, dalam kajian ini pengkaji mengupas mengenai tema cerita binatang kanak-kanak dalam bahasa Melayu dan Arab serta melihat perbandingan atau persamaan di antara kedua-dua cerita binatang yang dikatakan dapat memartabatkan pendidikan kesusasteraan awal kanak-kanak itu sendiri. Selain itu, pengkaji juga cuba melihat sejauh mana peranan atau fungsi cerita binatang dapat memberikan manfaat ataupun kesan positif kepada proses pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak. Seterusnya, pengkaji turut mengetengahkan mengenai interpretasi pengkaji terhadap simbol atau makna-makna yang tersirat pada nama dan watak-watak binatang dalam cerita binatang Melayu-Arab.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2 Latar Belakang Kajian

Dunia sastera mempunyai keindahannya yang tersendiri sebagai salah satu daripada cabang seni. Keindahan dalam kesusasteraan itu cuma dapat dinikmati oleh mereka yang benar-benar mempunyai jiwa seni dan mengerti hakikat kesusasteraan itu sendiri. Seperti yang dinyatakan oleh Yahya Ismail (1967: viii) bahawa;

> "Kesusasteraan bukanlah suatu lapangan yang sudah sebagai tempat untuk mendeguk pengalaman pada tingkat-tingkat umur tertentu, tetapi ianya harus ditinjau, diteroka,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> dicintai selama-lamanya seperti kita menyedut udara bersih untuk hidup".

Sejajar dengan pandangan tersebut maka dapatlah dikatakan bahawa dunia kesusasteraan yang sememangnya indah dan perlulah diresapkan ke dalam jiwa kanak-kanak agar semakin bertambah kuat mereka cinta dan minat terhadap dunia kesusasteraan. Lantaran itu, sastera ini haruslah diresapkan ke dalam jiwa kanak-kanak sejak mereka diayun dalam buaian lagi. Seterusnya seni sastera ini akan bertambah subur ke dalam naluri kanak-kanak sebagaimana bertambahnya usia mereka dari sehari ke sehari.

Setiap bangsa di dunia kini mengenali cerita dongeng tentang binatang atau disebut juga sebagai mergastua. Cerita-cerita binatang sebenarnya dituturkan melalui lisan dan disebarkan dikalangan masyarakat yang belum mengenali huruf untuk membaca. Oleh kerana cerita-cerita binatang ini berkembang melalui lisan, maka cerita-cerita binatang menghadapi proses perubahan dengan tokok tambah yang dilakukan oleh penutur-penuturnya, sama ada disedari ataupun tidak. Justeru, lahirlah pelbagai versi dan corak cerita binatang dalam bahasa Melayu dan Arab. Cerita binatang adalah salah satu bentuk cerita yang menjadi kegemaran dalam masyarakat sederhana khususnya dikalangan kanak-kanak.

Kanak-kanak secara semulajadinya memang memiliki kecenderungan terhadap cerita. Penggunaan cerita dalam proses pengajaran dan pembelajaran merupakan salah satu metode yang efektif untuk mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran. Hal ini kerana cerita boleh dianggap sebagai wadah yang dapat membantu ke arah membimbing, mendidik dan melatih tumbesaran minda kanak-kanak. Sehubungan itu, kecenderungan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kanak-kanak terhadap genre sastera ini boleh kita perhatikan sejak dari peringkat awal proses perkembangan umur mereka lagi. Lazimnya, kanak-kanak yang cuba untuk memahami isi cerita, menunjukkan minat untuk mendengar cerita yang disampaikan, mengikut plot-plotnya dan mengimaginasikan watak-watak dalam cerita tersebut melalui minda dan pemikiran mereka.

Selain itu, pemilihan watak dalam cerita sering kali diberi perhatian khusus oleh seseorang pengarang ataupun pencerita. Watak haiwan telah digunakan secara meluas kerana ianya mempunyai daya tarikannya yang tersendiri. Menurut Muhammad Ali al-Harafi (1996: 97), kanak-kanak lebih mudah mengasimilasikan watak haiwan lebih daripada watak manusia. Oleh yang demikian, sebahagian besar cerita yang disukai oleh kanak-kanak adalah cerita binatang sebagai watak utama dalam cerita terbabit.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3 Pernyataan Masalah

Kesusasteraan adalah karya kreatif yang merupakan salah satu dokumentasi bangsa dan negara yang murni dan penting. Kesusasteraan Melayu menjadi pengucap tentang cita-cita, impian dan harapan yang tulus ikhlas dan unggul kepada bangsa Melayu umumnya dan Malaysia khususnya. Namun begitu, dalam pendidikan kesusasteraan awal kanak-kanak tempatan masih lagi menghadapi kemerosotan terutamanya membabitkan soal corak penerbitan buku kanak-kanak yang dikatakan telah sedikit tersasar dari lantasan matlamat asal untuk mendidik kanak-kanak dengan tidak mengetengahkan corak penceritaan dan tema yang menarik dan berkesan. Justeru, kajian yang hendak dilakukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ke atas corak penceritaan dan tema sedikit sebanyak dikatakan dapat membantu pihak penerbitan buku dan pengarang bagi mengangkat sistem pendidikan kesusasteraan awal kanak-kanak.

Selain itu, kebanyakan masyarakat hanya menganggap cerita bintang adalah sebagai alat hiburan semata-mata. Oleh yang demikian, kajian perlu dilakukan untuk memperbetulkan tanggapan tersebut kerana cerita binatang sebenarnya banyak mengandungi fungsi untuk mengkritik atau memberi sindiran tajam terhadap golongan-golongan tertentu terutamanya golongan atasan seperti pembesar-pembesar negeri, pemerintah dan sebagainya. Hal ini bertepatan dengan kata-kata Ismail Yusof (2008: 22), yang menyatakan bahawa;

> "...jelaslah bahawa cerita binatang walaupun dicipta pada zaman dahulu tetapi mengandungi pemikiran yang agak mendalam"

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tegasnya lagi, di samping dicipta untuk hiburan, cerita binatang juga "bersifat didaktik dan membawa ajaran moral sesuai dengan zaman dahulu dan masih berharga pada masa kini." Oleh itu, bertepatan dengan persoalan kajian pengkaji yang ingin melihat keberkesanan peranan dan fungsi cerita binatang yang dapat memberikan manfaat atau kesan positif kepada proses pembelajaran dan pengajaran kanak-kanak.

Seterusnya, masalah yang dilihat ialah mengenai cerita binatang bukan sahaja dikenali dalam masyarakat Melayu, tetapi juga terdapat di seluruh dunia. Namun, untuk membezakan cerita-cerita binatang bagi sesebuah masyarakat atau tempat ialah dengan meneliti binatang pelakunya. Bagi pengkaji, masyarakat Melayu dahulu menggunakan watak-watak utama yang terdiri dari binatang seperti pelanduk (Sang Kancil) yang diberikan jiwa manusia iaitu pandai bercakap, berfikir, bertindak, menipu, tertipu dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebagainya di dalam cerita binatang tersebut bertujuan untuk menonjolkan tentang kecerdasan fikiran dan kebijaksanaan. Oleh itu, untuk membincangkan secara terperinci tentang perbezaan cerita-cerita binatang dalam sesebuah masyarakat atau tempat, sememangnya bersesuaian untuk pengkaji menjalankan kajian ini dengan melihat interpretasi simbol atau makna yang tersirat dalam cerita-cerita binatang terbabit.

1.4 Persoalan Kajian

1.4.1 Adakah perbandingan serta persamaan bentuk dan struktur penceritaan yang terdapat dalam cerita binatang Melayu dan Arab dapat memartabatkan pendidikan kesusasteraan awal kanak-kanak?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4.2 Sejauhmanakah peranan dan fungsi cerita binatang dapat memberikan manfaat atau kesan positif kepada proses pembelajaran dan pengajaran kanak-kanak?

1.4.3 Adakah simbol atau makna yang tersirat di sebalik pemaparan watak-watak binatang dan nama binatang yang diketengahkan dalam cerita binatang Melayu-Arab dapat memberi maksud yang tertentu kepada masyarakat atau golongan tertentu?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian yang dijalankan adalah untuk mengetahui dan memahami fungsi cerita binatang kanak-kanak Melayu-Arab dalam meningkatkan pendidikan kesusasteraan awal kanak-kanak. Berikut adalah objek kajian yang dijalankan;

1.5.1 Mengkaji bentuk dan struktur penceritaan cerita binatang Melayu-Arab dalam pendidikan kesusasteraan awal kanak-kanak.

1.5.2 Mengenalpasti peranan dan fungsi cerita binatang dalam memberikan kesan positif terhadap proses pembelajaran dan pengajaran kanak-kanak.

1.5.3 Menginterpretasi simbol atau makna yang tersirat terhadap pemaparan watak-watak binatang atau nama bagi watak bintang yang diketengahkan dalam cerita binatang Melayu-Arab.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini wajar dilakukan bagi mengenalpasti peranan dan fungsi cerita binatang yang dapat memberikan manfaat dan kesan positif kepada proses pembelajaran dan pengajaran kanak-kanak. Selain itu, persamaan atau perbezaan tema dan corak penceritaan cerita binatang Melayu-Arab dikatakan juga dapat meningkatkan pendidikan kesusasteraan awal kanak-kanak itu sendiri. Oleh yang demikian, melalui hasil kajian yang dilakukan ini diharapkan dapat memberikan maklumat-maklumat seperti berikut;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. Menjadi panduan dan sumbangan kepada pihak-pihak tertentu seperti kepentingan akademik, penerbitan buku kanak-kanak, pengarang atau penulis sastera kanak-kanak dan sebagainya yang bertujuan untuk mengkaji nilai pengajaran atau didaktik yang terkandung dalam cerita-cerita binatang.
2. Membantu mahasiswa dan mahasiswi universiti untuk melakukan kajian ilmiah pada masa akan datang dengan cuba memperbaharui atau menambahbaikan kajian dari aspek kesusasteraan awal kanak-kanak seperti yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji yang sebelum ini.
3. Bermanfaat dan berguna kepada masyarakat terutama ibubapa dan guru untuk mendidik minda dan perkembangan pendidikan awal kanak-kanak melalui karya kesusasteraan kanak-kanak. Di samping itu, membantu golongan masyarakat melihat karya kesusasteraan Melayu seperti sastera lisan khususnya cerita binatang dari sudut yang berbeza dan tidak hanya menganggap ianya sebagai cerita rekaan ataupun sebagai alat hiburan semata-mata.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7 Batasan Kajian

Terdapat beberapa batasan kajian yang dikenalpasti dalam kajian ini, iaitu dengan memberikan tumpuan kepada peranan dan fungsi cerita binatang Melayu-Arab dan persamaan atau perbezaan bentuk dan struktur penceritaan cerita binatang Melayu dan Arab. Kajian ini bergantung kepada kebolehan dan keupayaan pengkaji mengendalikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sesi temuramah dengan pakar/tokoh sastera kanak-kanak, guru sekolah ataupun golongan yang mahir mengenai cerita binatang. Bahkan itu juga, pengkaji turut menjalankan sesi pemerhatian terhadap proses pembelajaran dan pengajaran guru di sekolah tadika untuk memboleh pengkaji memilih dan menginterpretasi data agar ianya tidak terpesong dari objektif yang hendak dikaji. Oleh itu, bilangan peserta yang kecil adalah memadai untuk kajian ini. Namun begitu, dapatan kajian ini tidak akan digunakan untuk digeneralisasikan kepada semua kanak-kanak. Walau bagaimanapun, menjadi harapan pengkaji agar dapatan kajian ini berfaedah kepada guru serta mereka yang terlibat dengan perkembangan kesusasteraan kanak-kanak b agi memahami peranan dan fungsi cerita binatang terhadap proses pembelajaran dan pengajaran kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Definis Istilah

Pengkaji akan menekankan analisa terhadap fungsi cerita binatang Melayu-Arab dalam meningkatkan pendidikan kesusasteraan awal kanak-kanak. Di sini, pengkaji cuba mengemukakan definisi istilah berkaitan dengan kajian pengkaji seperti mana di bawah;

(i) Pendidikan

Pendidikan ialah "usaha sistematik" yang disengajakan, yang dibuat oleh sesuatu masyarakat untuk menyampaikan pengetahuan, nilai, sikap dan kemahiran kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ahlinya, usaha memperkembangkan potensi individu dan perubahan yang berlaku dalam diri manusia (Tirtarahardja, Umar dan S.L. La Sulo, 2005).

(ii) Kesusasteraan

Perkataan "kesusasteraan" merupakan salah satu perkataan tinggalan nenek moyang kita sejak dari zaman dahulu lagi. Perkataan "kesusasteraan" ini terbentuk daripada akar katanya iaitu "susastera". Perkataan ini berasal daripada perkataan *Sanskrit*. Tiap suku katanya ini mempunyai makna yang khusus, iaitu;

su	:	bermaksud indah, baik, bagus dan berfaedah.
sastera	:	bermaksud huruf atau buku.
Ke-susastera-an	:	bermaksud kumpulan buku-buku yang indah bahasanya dan baik isinya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, imbuhan *ke* dan *an* ditambah untuk melengkapkan bentuk kata terbitan yang dapat memberikan makna yang padu dan menyeluruh; iaitu segala yang tertulis, yang bernilai seni dan estetik serta dengan maksud memberikan panduan, petujuk dan pengajaran (Hashim Awang et al., 1984)

(iii) Kanak-Kanak

Menurut Othman Puteh (1989), istilah "kanak-kanak" dapat dirujukkan kepada kanak-kanak sama ada lelaki ataupun perempuan yang berada dalam lingkungan usia 6-12 tahun. Dengan kata lain, penggolongan ini dibuat dengan mengambil kira kanak-kanak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang tahu membaca, yang berada di sekolah rendah ataupun pra sekolah. Menurut *The New Encyclopedia Britannica* (1975: 228), kanak-kanak didefinisikan sebagai;

> *"All potential or actual young literates from the instant they can with joy leaf through a picture book or listen to a story read aloud, to the age of perhaps 14 or 15, may be called children. Thus "children" includes young people".*

Maksudnya di sini, kanak-kanak ialah peringkat manusia yang berkemungkinan atau sebenar kurang dalam kecekapan mereka terutama dalam menulis dan membaca. Mereka ini sangat gemar melihat buku-buku bergambar dan juga mendengar cerita-cerita yang disampaikan sehinggalah ke peringkat umur 14 atau 15 tahun. Golongan kanak-kanak ini termasuk dalam golongan orang muda. Sementara itu, mengikut *Webster's New Twentieth Century Dictionary* (1975: 313) menyatakan kanak-kanak sebagai mana berikut;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *"An infant, a boy; an unborn off spring; a boy or girl in the period before puberty; a son or a daughter, a male or female descendent in the first degree, in law, a legitimate son or daughter, a person like a child in knowledge exprience, judgment or attainment; as he is merely child; a person regarded as product of a specified places, time, ect".*

Di sini, ianya membawa makna bahawa kanak-kanak ialah janin yang baru lahir, bayi, anak kecil, lelaki dan perempuan dan belum mencapai peringkat baligh atau cukup umur. Mereka ini kurang dalam pengalaman, pendapat dan juga kepandaian. Kanak-kanak ini juga memerlukan perhatian ibubapa dan masyarakat lainnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(iv) Melayu

Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), menyatakan istilah "Melayu" ialah nama suatu bangsa dan bahasa (terutama di Semenanjung Malaysia); yang mengikut cara hidup orang Melayu. Manakala pengertian "Melayu" bagi Wan Abdul Kadir (2007), boleh dilihat dalam konteks yang sempit dan boleh juga ditinjau dalam konteks yang lebih luas. Melayu dalam konteks yang lebih luas berasaskan kepada sejarah budaya penduduk asal di Alam Melayu ini. Melayu di Semenanjung ini boleh dilihat dalam konteks yang sempit berasaskan keturunan, seperti Jawa, Bugis dan Minang; dan Melayu berasaskan kedaerahan.

(v) Arab

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perkataan "Arab" ialah (a) bangsa yang berasal dari semenanjung besar Barat Daya Asia, (b) bahasa yang dituturkan oleh bangsa ini, yang merupakan bahasa al-Quran (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Sehubungan itu, dalam kajian ini, perkataan Arab yang akan digunakan oleh pengkaji lebih menjurus kepada cerita-cerita binatang di dalam al-Quran (bahasa Arab).

(vi) Cerita Binatang

Cerita Binatang adalah cerita-cerita yang mengisahkan perhubungan di antara binatang dengan binatang atau manusia dengan binatang (Othman Puteh dan Abdul Ahmad, 1984).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi Annas Haji Ahmad (1988) pula mengatakan bahawa di setengah-setengah kalangan masyarakat, cerita yang berlaku di sekeliling binatang, dikenal dengan nama Cerita Mergastua. Baginya Ismail Hamid (1986), cerita-cerita ini sebenarnya dituturkan melalui lisan dan disebarkan di kalangan masyarakat yang belum mengenal huruf. Manakala Muhd. Mansur Abdullah (1984), cerita-cerita binatang yang berkaitan dengan binatang dan tokoh yang memainkan peranan dalam cerita ini ialah binatang yang diberikan sifat seperti manusia.

(vii) Fungsi

Melalui Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), fungsi ialah kerja (bahagian tubuh dan lain-lain), tugas dan peranan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Rumusan

Menerusi kajian ini, pengkaji berharap dapat mengenalpasti tujuan dan fungsi sebenar mengenai cerita binatang Melayu-Arab terhadap sistem pendidikan kesusasteraan awal kanak-kanak dengan jelas dan sekaligus menepati kehendak kajian.

Bagi mengenalpasti tujuan dan fungsi sebenar mengenai cerita binatang Melayu-Arab terhadap sistem pendidikan kesusasteraan awal kanak-kanak yang dikaji dan ianya dilihat melalui konteks buku cerita binatang yang popular khususnya cerita binatang Melayu dan Arab yang digunakan dalam sistem pendidikan kesusasteraan awal kanak-kanak iaitu kanak-kanak yang berada diperingkat pra persekolahan. Hal ini kerana untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendapat ketepatan dan kerasionalan mengenai fungsi cerita binatang Melayu-Arab dalam sistem pendidikan kesusasteraan awal kanak-kanak, pengkaji juga perlu mengkaji dan mendapat sumber bahan yang pelbagai dalam menghasilkan kajian ini dengan berkesan dan terbaik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB II

TINJAUAN KAJIAN YANG LALU

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Pengenalan

Melalui bab ini, pengkaji menjadikan kajian masa lalu sebagai cara untuk menambah informasi dan pengetahuan yang mendalam mengenai ilmu-ilmu yang berkaitan dengan bidang yang di kajian terutama membabitkan fungsi cerita binatang Melayu-Arab dalam pendidikan kesusasteraan awal kanak-kanak. Secara tidak langsung apabila kajian masa lalu dijalankan, pengkaji dapat mengetahui mengenai tajuk kajian ini ada tersenarai atau tidak sebagai bahan kajian ilmiah dalam bidang kesusasteraan Melayu. Di samping itu juga, kajian *literature* merupakan satu cara untuk melihat kemungkinan pengkaji memperolehi jawapan kepada tajuk persoalan yang hendak diperbincangkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, kajian kesusasteraan adalah satu bentuk penulisan yang digunakan oleh pengkaji. Tujuan bab ini adalah untuk meneliti *literature* yang berkaitan dengan kajian yang telah dilakukan atau melalui bahan-bahan bertulis yang dipeolehi daripada jurnal, artikel dari internet, ulasan dari buku-buku yang berkaitan dengan topik dan kajian yang pernah dijalankan sebelum ini sama ada dari dalam ataupun luar negara. Antara tujuan kajian kesusasteraan ini adalah untuk:

1. Berkongsi hasil kajian yang lalu dengan pembaca.
2. Mengisi kekurangan dan juga melanjutkan kajian yang terdahulu.
3. Menghubungkan sesuatu kajian itu kepada perbincangan yang lebih besar berkenaan topik yang dikaji.
4. Menyediakan satu kerangka kerja untuk memperlihatkan kepentingan sesuatu kajian dan juga menjadi titik tolak untuk membandingan dengan hasil kajian ini dengan kajian yang lepas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 Tarifan Konsep

Dalam era globalisasi sekarang, untuk mengekalkan warisan tradisi masyarakat Melayu kita terutama menerusi karya-karya kesusasteraan Melayu tradisional, pelbagai cara telah dilakukan agar karya tersebut tidak pupus dan dilupakan oleh generasi akan datang khususnya kanak-kanak. Antara cara yang dilakukan adalah dengan memperbanyakkan penghasilan karya-karya kesusasteraan Melayu tradisional amnya cerita binatang menerusi pengadaptasian ke dalam pelbagai medium seperti drama pentas, televisyen,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

filem dan buku iaitu novel dan cerpen. Berbalik kepada tajuk kajian ini, cerita binatang menurut Ismail Hamid (1986: 43) ialah;

> "Cerita-cerita binatang yang dinamakan cerita mergastua dan dituturkan melalui lisan dan disebarkan di kalangan masyarakat yang belum mengenal huruf (kanak-kanak)".

Selain itu juga, cerita binatang adalah satu genre cerita rakyat yang popular. Cerita-cerita ini ditokohi oleh binatang yang bertutur dan berakal budi seperti manusia. Cerita begini bukan sahaja terdapat dalam masyarakat Melayu, malah turut terdapat dalam kebudayaan negara-negara lain yang menjadikan tokoh binatangnya sendiri memegang watak utama dalam cerita-cerita binatang seumpama ini (Aarne dan Thompson, 1964: 19-20). Bagi Annas Haji Ahmad (1988: 20), beliau menyatakan bahawa cerita binatang ialah cerita yang berlaku di sekeliling binatang dan dikenali dengan nama 'cerita mergastua'. Selain itu, cerita binatang *(Beast Epic)* juga dikatakan sebagai;

> "Cerita yang watak-watak utamanya terdiri dari binatang yang diberi jiwa manusia iaitu pandai bercakap, berfikir, bertindak, menipu, tertipu dan sebagainya. Biasanya binatang-binatang ini berlakon sesama binatang. Walau bagaimanapun, terdapat juga watak binatang ini berlakon dengan makhluk lain seperti manusia, raksasa atau benda-benda yang tidak bernyawa seperti tikar, pokok, kukusan dan sebagainya".
>
> (Ismail Yusoff, 2008: 15)

Bahkan itu, cerita binatang bagi Ismail Hamid (1988: 21); ialah sebagai cerita yang tertua iaitu sama usianya dengan cerita asal usul. Seperti yang diketahui, cerita binatang merupakan hasil sastera yang diwarisi daripada masyarakat manusia sejak zaman purba iaitu semasa manusia hidup dan tinggal di dalam gua. Pada masa itu,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

manusia dikatakan masih lagi belum menguasai alam di sekeliling mereka. Oleh sebab mereka sering berhadapan dengan binatang dalam kehidupan mereka, maka mereka menganggap bahawa binatang itu sebagai kejadian serupa dengan mereka. Lantaran itu, timbullah cerita-cerita tentang binatang yang diberikan sifat manusia yang mempunyai kebolehan bercakap, berfikir dan berperasaan seperti manusia juga.

Dalam sesebuah masyarakat, pemikiran dan cara hidup masyarakat dipengaruhi oleh alam persekitaran. Bahkan itu, timbullah cerita-cerita yang berkait dengan kehidupan mereka pada waktu itu. Pengaruh alam sekitar juga dilihat kaya dengan flora dan fauna, gunung-ganang, bukit-bukau, sungai dan jeram, pengaruh iklim dengan kedudukannya dalam khatulisiwa telah mempengaruhi kehidupan mereka (S. Othman Kelantan, 1984: 107). Malah, turut sama mempengaruhi kehidupan masyarakat Melayu ialah binatang-binatang yang pelbagai jenis iaitu sekecil-kecil semut sampailah ke sebesar-besarnya gajah, mempunyai hubungan yang rapat dengan kehidupan manusia. Dalam kehidupan masyarakat dahulu, binatang-binatang yang terdapat di persekitaran masyarakat digunakan sebagai bahan perburuan untuk meneruskan kehidupan dan dijadikan juga sebagai haiwan ternakan.

Selain itu, S. Othman Kelantan (1984: 106) menyatakan "Masyarakat dahulu telah membuat pemerhatian terhadap perangai binatang lemah yang berjuang untuk *survival* melawan manusia dan binatang yang lebih gagah terutama binatang *carnivorous* seperti harimau, beruang, anjing" dan sebagainya maka dari situlah timbulnya berbagai-bagai cerita tentang binatang yang berbagai bentuk dalam masyarakat Melayu amnya. Kebanyakan cerita tersebut adalah digunakan untuk tujuan mendidik terutama bagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pendidikan moral pada kanak-kanak. Cerita binatang ini diulang-ulang sehingga akhirnya menjadi satu kegemaran dan diterima oleh generasi selepasnya iaitu kanak-kanak.

Seterusnya, Najib al-Kilani (1998: 81) pula menyatakan bahawa "...cerita-cerita binatang ialah cerita yang menggunakan watak dan peranan haiwan dalam mengembangkan plot-plot cerita". Cerita jenis ini juga menggunakan haiwan sebagai simbolik dalam sastera. Hal ini kerana terdapat sebahagian haiwan mempunyai sifat-sifat yang sudah dimaklumi karakternya. Antaranya ialah seperti berani seperti singa, lambat seperti kura-kura dan bermuslihat seperti musang.

Kebiasanya cerita binatang adalah lebih pendek berbanding dengan cerita rakyat yang lain dan wataknya adalah terdiri dari binatang-binatang yang tinggal di rimba raya. Bahkan itu juga, watak-watak binatang tersebut turut diberi sifat atau peranan seumpama manusia dan sebagainya (Zuber Usman, 1975: 71). Misalnya, watak haiwan tersebut diberikan peranan seperti cerdik, bodoh dan takbur. Bagi Ismail Hamid (1988: 21) pula mempunyai pendapatnya yang tersendiri iaitu;

> "Cerita-cerita binatang kebanyakkan menggambarkan binatang yang berlagak seperti manusia. Binatang-binatang tersebut dikatakan mempunyai akal fikiran, dapat berturur malah berhujah seperti manusia biasa".

Muhammad Ali al-Harafi (1996: 153) berpendapat bahawa cerita binatang ialah cerita yang banyak memberi pengajaran dan dikatakan menyerupai cerita didaktik. Namun perbezaan antara unsur pengajaran dan cerita didaktik ialah cerita binatang selalunya melangkaui lebih daripada jangkaan dan kemungkinan, sedangkan cerita yang bersifat didaktik ialah cerita yang berpaksikan kenyataan dan realiti. Cerita binatang juga satu kenyataan namun disertai dengan unsur realiti yang bercanggah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3 Hubungkait Teori Dengan Kajian

Kajian yang dilakukan ini adalah berpandukan kepada beberapa buah teori dan pendekatan yang berkaitan dengan tajuk kajian yang dijalankan. Seperti yang kita sedia maklum, teori dan pendekatan merupakan satu idea atau pendapat yang dikemukakan oleh seseorang tokoh yang dipercayai untuk dijadikan sumber rujukan dan sokongan terhadap sesuatu kajian yang dijalankan. Melalui kajian ini, pengkaji menggunakan dua buah teori untuk dijadikan panduan dalam menjelaskan setiap hujahan yang dikemukakan terhadap sesebuah perkara. Antara teori dan pendekatan yang digunakan ialah teori Pembelajaran (Model Peniruan) dan teori Psikologi. Namun begitu, terdapat juga kemungkinan teori serta konsep-konsep teori lain yang akan digunakan di dalam kajian ini sekiranya pengkaji mendapati kesesuaian teori atau pendekatan lain untuk dihubungkaitkan dengan kajian supaya ianya berfungsi sebagai bahan sokongan untuk menjelaskan setiap hujahan dengan sejelas-jelasnya.

2.3.1 Teori Pembelajaran (Model Peniruan)

Teori pembelajaran ini adalah pertama kali diperkenalkan oleh Garl Jung dan kemudiannya diikuti oleh ahli psikologi lain seperti B. F. Skinner, Bandura, Miller dan lain-lain. Mengikut teori pembelajaran ini sesuatu tingkah laku yang terdapat pada seseorang itu adalah diperolehi hasil dari belajar (Carl G. Jung, 1977: 172). Baginya lagi, semua manusia berupaya untuk belajar dan proses belajar ini diperolehi melalui

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sosialisasi ataupun melalui alam sekitar. Selain itu, pembelajaran akan terjadi apabila seseorang itu menggunakan kelima-lima pancaindera yang terdapat pada dirinya.

Bertitik tolak daripada teori pembelajaran yang dikemukakan oleh Jung ini lalu muncul beberapa ahli psikologi yang lain yang memperkukuhkan lagi teori pembelajara ini dengan mengemukakan beberapa model yang dapat menunjukkan pembelajaran itu mempengaruhi tingkah laku seseorang khususnya kanak-kanak. Antara modelnya ialah seperti;

1. Model Peneguhan yang diperkenalkan oleh B. F. Skinner.
2. Model Peniruan yang diperkenalkan oleh Albert Bendura.

Lantaran itu, dalam kajian ini pengkaji hanya mengambil satu model sahaja untuk diaplikasikan dengan kajian ini iaitu pengkaji mengambil model peniruan yang diperkenalkan oleh Albert Bendura. Seperti yang kita ketahui, model peniruan ini dikemukakan adalah untuk menerangkan pembentukan tingkah laku yang terhasil daripada model terbabit. Menurut Barbara Engler (1979: 222-225), peniruan terhadap perbuatan orang lain yang dilihat adalah satu aspek dari kegiatan belajar manusia atau respon yang dipelajari. Peniruan ini dipandang oleh ahli psikologi bukan sebagai ciri pembawaan manusia melainkan sebagai suatu proses sosial yang merupakan cara interaksi sosial yang memungkinkan bertambah besarnya pengaruh seseorang dalam kelompok atau masyarakat.

Proses peniruan ini dimulai sejak dari masa kanak-kanak belajar berbicara dengan menirukan orang lain. Proses peniruan ini terjadi sepanjang hayat manusia dengan dua bentuk iaitu secara langsung dan secara tidak langsung. Peniruan secara langsung ialah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melihat dari objek-objek yang wujud nyata, sementara peniruan secara tidak langsung ialah melalui pembacaan, tontonan filem, gambar-gambar dan lain-lain. Secara amnya, kanak-kanak merupakan golongan yang paling banyak meniru dari orang lain dan juga dari sumber-sumber bacaan untuk membentuk tingkah laku mereka. Selain dari tingkah laku positif, terdapat juga tingkah laku naratif dalam peniruan ini. Manusia meniru tingkah laku orang atau objek lain disebabkan oleh;

1. Mereka memang sedang melakukan proses belajar.
2. Mereka secara sedar mengambil secara langsung sesuatu bentuk tingkah laku orang lain kerana semata-mata mengandung nilai sosial.

2.3.2 Teori Psikologi (Psikoanalisis)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seorang tokoh antropologi iaitu Edward Tylor berpendapat bahawa cerita-cerita lisan adalah sebagai warisan dari zaman primitif yang dipertuturkan kepada generasi yang akan datang atau terkemudiannya. Pendapat Tylor ini telah disokong oleh Andrew Lang. Oleh yang demikan, muncul teori psikologi yang dipelopori oleh Sigmund Freud lebih kurang pada tahun 1920-an yang berpendapat bahawa sumber sastera lisan bukan dari fenomena alam tetapi dari sokongan seks dan urutan bawah sedar yang dikaji oleh ahli psikiatri mengenai mimpi, penyakit jiwa dan lain-lain fenomena fikiran manusia. Teori ini telah berkembang dan mempengaruhi tradisi lisan buat beberapa waktu lamanya (Ismail Hamid, 1986:8).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teori psikoanalisis merupakan satu teori daripada golongan *polygenesis*. Teori ini dikemukakan oleh Carl Jung yang berasal daripada teori psikologi Sigmund Freud. Teori ini merupakan idea terhadap penekanan kepada sistem pengalaman yang lalu dan tenaga yang berada di alam tidak sedar manusia serta membawa pembentukan personaliti atau tingkah laku seseorang. Bagi Calvin S. Hall dan Gardner Lindzey (1970: 33), psikoanalisis mengidentifikasikan pengalaman awal di zaman kanak-kanak dan pengalaman ini menyebabkan seseorang itu mengalami penyakit dan perubahan dalam dirinya. Selain itu juga, teori ini turut menekankan pengalaman dan naluri yang menyebabkan berlakunya perubahan tingkah laku pada seseorang individu. Dalam teori ini, Freud telah memberi tiga peringkat tingkah laku manusia iaitu *id*, *ego* dan *super ego*. *Id* ialah naluri rasa yang merupakan dorongan untuk seseorang itu memuaskan kehendaknya. *Ego* pula ialah peringkat di mana seseorang itu belajar untuk menghadapi dan mengawal dorongan. Sementara *super ego* pula ialah peringkat kata hati yang bertanggungjawab pada rasa bersalah, mengikut undang-undang dan peraturan.

Melalui teori psikoanalisis yang dikemukakan ini, pengkaji menggunakan idea-idea tertentu dalam perspektif psikoanalisis ini dan akan mengaplikasikannya ke dalam kajian ini. Antara idea-idea yang akan diketengahkan dalam kajian ini berkaitan dengan teori psikoanalisis ialah mengenai persoalan *supernatural* dan magis yang terdapat dalam cerita binatang yang dikaji. Selain itu juga, pengkaji akan meneliti dan menjalankan kajian dari sudut realiti atau metamorfosis terhadap simbol atau maksud tersirat yang ditonjolkan pada watak-watak binatang dalam cerita binatang yang dikaji oleh pengkaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 Kajian Masa Lalu

Dalam kajian ilmiah masa lalu ini, pengkaji mendapati terdapat beberapa kajian ilmiah yang telah dilakukan dari dalam negara mahupun luar negara berkaitan dengan cerita binatang yang dapat membentuk perkembangan pembelajaran dan pengajaran awal kanak-kanak. Antara kajian masa lalu yang dirujuk dan diteliti oleh pengkaji ialah melalui (i) kajian ilmiah (tesis), (ii) jurnal/ majalah/ kertas kerja seminar dan (iii) buku-buku ilmiah.

2.4.1 Kajian Ilmiah (Tesis)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Di sini, pengkaji mendapati kajian ilmiah masa lalu yang berkaitan dengan cerita binatang yang dapat membentuk perkembangan pembelajaran dan pengajaran awal kanak-kanak banyak dilakukan oleh para pengkaji yang sebelumnya. Antara kajian masa lalu yang dirujuk pengkaji ialah kajian ilmiah yang dilakukan oleh Masri Haji Abdul Rashid dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau membincangkan mengenai *Cerita Kanak-kanak Terpilih DPB: Satu Tinjauan Tentang Tema dan Struktur* (1978). Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati bahawa penulis kajian ilmiah ini melakukan kajian lebih menjurus kepada aspek tema dan struktur yang terdapat pada cerita kanak-kanak yang terpilih dari buku DBP serta menyentuh serba sedikit mengenai keberkesanan yang diperolehi kanak-kanak melalui cerita kanak-kanak iaitu menerusi cerita binatang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya juga, pengkaji turut merujuk kepada kajian ilmiah masa lalu yang bertajuk *Perkembangan Novel Kanak-kanak di Malaysia: Perbicaraan Tentang Tema dan Permasalahan* yang dikaji oleh Dee Bin Nen (1980) dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Dalam kajian ilmiahnya, pengkaji mendapati penulis berkenaan menyentuh aspek tema yang terdapat dalam novel kanak-kanak di Malaysia. Selain itu juga, beliau turut menganalisis permasalahan yang terjadi kepada perkembangan novel kanak-kanak di Malaysia sekitar era 1970-an hingga 1980-an dalam kajian ilmiahnya itu. Kemudiannya pengkaji turut melihat beberapa kajian yang berkaitan dengan pendidikan kesusasteraan awal kanak-kanak yang dilakukan oleh pengkaji dalam negara mahupun luar negara. Antara kajian luar negara yang dirujuk oleh pengkaji untuk kajian ini ialah *Pendidikan Sastera Melayu di Singapura: Renungan Terhadap Sastera Kanak-kanak dan Remaja* yang telah dihasilkan oleh Kartini Anwar (2008) dari Universiti Teknologi Nanyang, Singapura. Melalui kajian yang dilakukan Kartini, pengkaji mendapati beliau hanya membicarakan bahan pengajaran dalam kurikulum pendidikan serta matlamat pengajaran sastera Melayu di Singapura yang melibatkan sastera kanak-kanak dan remaja. Lantaran itu, hasil kajian yang diperoleh oleh Kartini mendapati antara masalah pendidikan sastera Melayu di Singapura ialah melalui 3 perkara iaitu aspek (a) pemilihan teks, (b) penggubalan soalan penilaian dan (c) keterampilan tenaga pengajar.

Bahkan itu juga, pengkaji turut membuat rujukan ilmiah di Universiti Malaya. Di sini, pengkaji mendapati tidak banyak kajian ilmiah yang berkaitan dengan topik cerita binatang dilakukan oleh mahasiswa di sana. Antara kajian yang dirujuk oleh pengkaji ialah kajian yang berjudul *Nilai Moral dan Pemikiran dalam Cerita Binatang*. Kajian ini telah dihasilkan oleh Masira Kariman pada tahun 1986. Meskipun begitu, pengkaji

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendapati kajian tersebut hanya menjurus mengenai aspek nilai moral dan pemikiran yang terdapat melalui cerita binatang. Oleh itu, pengkaji mendapati terdapatnya sedikit persamaan kajian yang dilakukan oleh beliau dengan kajian pengkaji kerana beliau melihat fungsi yang terdapat dalam cerita binatang. Namun begitu, pengkaji mendapati penulis kajian ilmiah itu tidak memfokuskan kesemua fungsi yang terdapat dalam cerita binatang melalui kajian ilmiahnya itu. Selain itu, pengkaji mendapati Masira Kariman hanya memberikan fokus utama terhadap fungsi cerita binatang iaitu melalui nilai moral dan pemikiran yang terkandung di dalam cerita binatang terbabit kepada khalayak pembaca. Berbalik kepada kajian pengkaji, pengkaji sebenarnya memfokuskan ke semua fungsi cerita binatang yang terkandung dalam cerita binatang Melayu-Arab dan sekaligus akan menyatakan manfaat atau kesan yang diperolehi oleh kanak-kanak bagi meningkatkan sistem pembelajaran dan pengajaran. Bahkan itu, kajian ini mampu memberikan faedah yang berguna kepada diri pengkaji sendiri mahupun pengkaji yang akan datang.

Kemudiannya, pengkaji turut meneliti kajian ilmiah masa lalu yang dilakukan oleh Chew Fong Peng dari Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. Kajian ilmiah yang dilakukan oleh Chew Fong ialah berjudul *Pendidikan Kesusasteraan Melayu di Malaysia dan Permasalahannya* (2006). Dalam kajian tersebut, pengkaji amat tertarik dengan hasil kajian yang diperolehi oleh Chew yang mengatakan permasalahan pendidikan kesusasteraan Melayu di Malaysia tercetus disebabkan oleh pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu yang telah menghadapi hambatan dari kelemahan-lemahan seperti berikut; (1) ketiadaan falsafah pendidikan kesusasteraan Melayu sebelum abad ke-21, (2) perubahan kurikulum pendidikan sastera selepas tahun 1984 dan 2000,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(3) tidak mempunyai sukatan pengajaran yang dapat memberikan garis panduan kepada guru-guru sastera, (4) masalah dari segi alat bantu mengajar dan (5) pandangan atau tanggapan masyarakat terhadap mata pelajaran kesusasteraan yang dikatakan tidak menjaminkan peluang pekerjaan atau tidak penting. Oleh itu, penulis kajian ini menyatakan saranannya supaya suatu falsafah, perancangan, kaedah atau pendekatan yang harus atau perlu diperbaharui oleh ketiga-tiga pihak yang utama iaitu pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, pihak sekolah dan masyarakat.

Seterusnya, kajian ilmiah masa lalu yang dirujuk oleh pengkaji ialah kajian mengenai *Pendidikan Kesusasteraan Awal Kanak-kanak: Isu dan Masalah* yang telah dianalisis oleh Mahzan Arshad (2004) dari Universiti Malaya. Bagi Mahzan, isu dan masalah yang terjadi dalam pendidikan kesusasteraan awal kanak-kanak ialah melalui masalah pembinaan bahan karya sastera kanak-kanak yang dikatakan kurang bermutu dan kekurangan penggunaan bahan sastera kanak-kanak di rumah dan tadika. Melalui hasil kajian yang dilakukan oleh Mahzan maka pengkaji mendapati isu dan masalah tersebut dapat dijadikan fokus atau bahan penting untuk pengkaji melihat fungsi cerita binatang Melayu-Arab ke atas sistem pendidikan kesusasteraan awal kanak-kanak. Malahan, satu lagi kajian yang diteliti pengkaji ialah kajian ilmiah yang bertajuk *Cerita Binatang: Kajian Intertekstualiti Dalam Hikayat Kalilah dan Dimnah*. Kajian ini telah dilakukan oleh Thamilselvi Muthuswamy (1986) dari Universiti Malaya.

Seterusnya juga, pengkaji turut merujuk kajian ilmiah masa lalu dari Idrus Jasin (1983), UKM yang bertajuk *Peranan dan Posisi Watak-watak Binatang di dalam Cerpen-cerpen Melayu Selepas Tahun 1960-an*. Dalam kajian ilmiah tersebut, pengkaji mendapati beliau banyak menyentuh aspek peranan yang dimainkan oleh watak-watak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

binatang dalam cerpen-cerpen Melayu. Bagi pengkaji, walaupun kajian ilmiah tersebut tidak banyak berkait dengan kajian ilmiah pengkaji namun terdapat beberapa pendekatan ataupun maklumat yang boleh diguna pakai oleh pengkaji secara langsung atau tidak bagi membantu pengkaji mendapatkan maklumat yang terbaik dan berkesan. Selain daripada itu, pengkaji mendapati aspek peranan atau posisi watak-watak yang diketengahkan oleh penulis ini dapat digunakan untuk pengkaji menganalisis persoalan kajian pengkaji iaitu berkaitan dengan interpretasi pengkaji terhadap makna atau simbol yang terdapat pada watak-watak binatang yang diketengahkan dalam sesebuah cerita binatang.

Malah, terdapat juga kajian ilmiah masa lalu yang menyentuh aspek *Cerita Binatang, Peranan dan Kesan ke atas Pemikiran dan Tingkahlaku Kanak-kanak: Kajian Kes di Mukim Titi Gajah Kota Setar, Kedah* (1987). Kajian ilmiah ini telah disempurnakan oleh Rusli Jaafar dari Fakulti Sastera, UKM. Dalam kajian ilmiah tersebut, beliau telah mengkaji serta mengenalpasti bahawa peranan dan kesan yang terdapat dalam cerita binatang Melayu dapat memberi manfaat atau faedah terbaik ke atas pemikiran dan tingkahlaku kanak-kanak. Selain itu, berdasarkan hasil kajian yang diperolehi oleh Rusli, beliau dikatakan telah berjaya merungkai persoalan kajiannya dengan mendapati pemikiran dan tingkahlaku kanak-kanak di Mukim Titi Gajah Kota Setar, Kedah dipengaruhi oleh kesan dan peranan yang berguna melalui cerita binatang Melayu yang diketengahkan kepada kanak-kanak di peringkat awal persekolahan.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Roshani Abdullah (2007) dari Universiti Kebangsaan Malaysia turut menarik perhatian pengkaji kerana beliau menjalankan kajian ilmiah dari sudut *Kajian Unsur-unsur Pembentukan Sahsiah dalam Novel-novel kanak-kanak.* Di sini, penulis kajian ini menyatakan bahawa unsur-unsur pembentukan sahsiah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seperti sifat baik atau sikap positif seseorang dilihat terkandung dalam karya novel kanak-kanak. Selain itu, dalam kajian ilmiah ini pengkajinya menyatakan pembentukan sahsiah yang terkandung dalam novel kanak-kanak terhasil daripada unsur-unsur positif yang diketengahkan penulis novel terbabit. Malah, Roshani juga mengemukakan beberapa buah teori yang dikatakan dapat terhasil daripada unsur-unsur pembentukan sahsiah seperti teori humanistik dan teori pembelajaran.

Kemudiannya, pengkaji turut membuat penelitian terhadap kajian yang telah dilakukan oleh mahasiswa dari Universiti lain iaitu kajian mengenai *Fungi Cerita Binatang dalam Sastera Kanak-Kanak Arab*, dihasilkan oleh Rosni Samah (2008) dari Universiti Sains Islam Malaysia. Dalam kajian ini, penulisnya menyatakan bahawa fungsi cerita binatang Arab amat penting dalam pendidikan kanak-kanak kerana cerita-cerita binatang lebih mengisahkan tentang aspirasi, nilai dan perjuangan hidup sesuatu masyarakat yang melahirkannya, bahkan sarat dengan nilai-nilai murni yang sesuai sebagai wadah untuk mendidik kanak-kanak. Selain itu, antara kajian yang lainnya pula dirujuk pengkaji ialah kajian ilmiah yang dilakukan oleh Hadijah Rahmat (1984), dari Universiti Kebangsaan Malaysia dengan tajuk; *Sastera Untuk Kanak-Kanak Dalam Bahasa Melayu: Satu Tinjauan dan Analisa Tentang Perkembangan dan Peranannya Sebagai Alat Pendorong Pencapaian.*

Oleh yang demikian, daripada ke semua kajian ilmiah yang dirujuk dan diteliti oleh pengkaji, maka dapat pengkaji katakan bahawa kajian yang dilakukan oleh pengkaji sebenarnya masih belum dikaji atau dijalankan oleh mana-mana pengkaji yang terdahulunya. Sehubungan itu, dapat dikatakan bahawa kajian berkaitan dengan "Sastera

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kanak-Kanak" sememangnya masih belum dikaji dengan meluas di dalam institusi pengajian tempatan kita mahupun luar negara.

2.4.2 Jurnal/ Majalah/ Kertas Kerja Seminar

Selain itu juga, pengkaji turut merujuk artikel-artikel tempatan mahupun luar negara untuk dijadikan sumber rujukan. Antara artikel yang dirujuk ialah; "*Pendidikan Moral Menerusi Bacaan Sastera Kanak-kanak*" yang ditulis oleh Misan Rokimin (November 2005). Dalam artikel ini dinyatakan bahawa ibubapa secara langsung atau tanpa disedari sebenarnya telah melaksanakan fungsi menanamkan bibit-bibit bagi menggemari sastera ke dalam jiwa anak-anak mereka menerusi nyanyian berirama. Seterusnya, penulis ini juga menyatakan bahawa pendidikan moral yang terdapat dalam bahan bacaan kanak-kanak mampu menjadikan kanak-kanak tersebut sebagai insan yang berguna. Namun begitu, dalam ruangan *Kisah-Kisah Naratif Di Dalam Al-Quran* melalui jurnal dari internet (http://ianaja.multiply.com/journal) pula menyatakan bahawa "sastera naratif Arab adalah cerita, riwayat, hikayat atau apa saja yang bersifat cerita, baik dalam bentuk puisi mahupun prosa. Sastera yang berbentuk naratif ialah hasil sastera rakyat seperti cerita pelipur lara, cerita binatang (*fabel*), cerita jenaka (anekdot), cerita-cerita legenda dan sebagainya". Kemudiannya pula, pengkaji menggunakan rujukan dari beberapa buah kertas kerja seminar yang telah dihasilkan dalam *Seminar Sehari Kesusasteraan Kanak-Kanak dan Remaja 2009*. Antara artikel yang dirujuk ialah artikel bertajuk *Minda Melayu dalam Sastera Kanak-Kanak* ditulis oleh Nik Rafidah Nik Muhammad Efendi (2009).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam artikel berkenaan, didapati penulisnya menyatakan bahawa kebanyakan karya sastera kanak-kanak dibentuk berdasarkan minda masyarakat Melayu kerana kisah-kisah yang ditulis dalam kebanyakan cerita kanak-kanak dapat memberikan sumbangan besar kepada pembentukan moral kanak-kanak. Selain itu Nik Rafidah juga menyatakan bahawa golongan kanak-kanak sebenarnya mempunyai pemikiran yang masih bersih dan mudah menerima sebarang maklumat atau pengajaran yang disampaikan kepada mereka.

Satu lagi artikel yang ditulis oleh Normaliza Abdul Rahim (2009), membincangkan mengenai *Sastera Kanak-Kanak dan Remaja: Apa Kata Mereka?* Menurut Normaliza, masyarakat Melayu sebenarnya bukan baru menerima sastera dalam kehidupan mereka. Baginya lagi, dalam konteks kanak-kanak, pendidikan perlu dilihat sebagai satu proses yang berterusan berkembang serentak dengan perkembangan individu seorang kanak-kanak yang mempelajari apa sahaja yang ada di persekitaran dan dengan 'ilmu' atau kemahiran yang diperolehi ia akan mengaplikasikannya dalam konteks yang pelbagai samada dalam kehidupan sehariannya di ketika itu ataupun sebagai persediaan untuk kehidupannya di masa yang akan datang. Seterusnya artikel yang ditulis oleh Faezanordiana Salleh dengan tajuk *Transformasi Kognitif Cerita Kanak-Kanak Berunsur Humor* (2009) turut menjadi sumber rujukan pengkaji kerana dalam artikel ini, penulis menyatakan bahawa "cerita kanak-kanak banyak berkembang dalam sastera lisan masyarakat Melayu tradisi". Menurutnya lagi, cerita-cerita ini memainkan peranan penting untuk memberikan hiburan dan di samping itu diberikan pula penekanan kepada aspek pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.3 Buku Ilmiah

Selain itu, pengkaji turut melihat pandangan-pandangan yang dikemukan oleh para sarjana mengenai hal yang berkaitan dengan tajuk kajian pengkaji. Antara sumber ilmiah yang dirasakan sesuai untuk pengkaji menggunakannya ialah melalui sumber rujukan dari buku. Pengkaji telah merujuk beberapa buah buku untuk melengkapkan lagi kajian ilmiah ini. Antara buku yang dirujuk ialah seperti buku hasil tulisan Ismail Hamid (1986). Dalam buku ini, pengkaji mendapati banyak maklumat yang boleh digunakan untuk dijadikan sumber rujukan kerana Ismail membicarakan mengenai sastera lisan, definisi cerita binatang, fungsi cerita binatang dan kajian dengan cerita binatang. Sementara itu, antara buku-buku lain yang menjadi sumber rujukan pengkaji ialah buku hasil karya Ismail Yusoff, (2008). Dalam buku ini, pengkaji tertarik kepada perbincangan mengenai asal-usul cerita binatang Melayu, corak sastera rakyat iaitu hanya difokuskan kepada cerita binatang, tujuan cerita binatang disebarkan dan jenis-jenis cerita binatang Melayu.

Kemudiannya pula, pengkaji menggunakan sumber rujukan dari hasil tulisan Jamilah Haji Ahmad, (1992: 85-113). Dalam bukunya ini, Jamilah membincangkan mengenai latar belakang penyelidikan sastera rakyat Melayu, cerita rakyat berbentuk cerita iaitu cerita binatang dan fungsi-fungsi cerita binatang Melayu. Selain itu, pengkaji turut melihat maksud sastera rakyat dan cerita binatang itu sendiri. Di sini, pengkaji mendapatkan sumber rujukan mengenai maksud cerita binatang melalui buku yang ditulis oleh Muhd. Mansur Abdullah (1984; 14). Sebagai contoh, menurut Mansur cerita binatang adalah;

> "Merupakan cerita-cerita yang berkaitan dengan binatang. Tokoh yang memainkan peranan dalam cerita ini ialah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> binatang yang berlagak seperti manusia, bertutur dan berfikir seperti manusia. Tokoh-tokoh binatang ini termasuklah binatang perliharaan, binatang liar, burung, binatang perliharaan, binatang yang melata, ikan dan serangga".

Seterusnya juga, pengkaji turut melihat definisi cerita binatang, fungsi cerita binatang, dan melihat aspek tema atau corak penceritaan dalam sesebuah cerita binatang. Di sini antara buku ilmiah yang digunakan oleh pengkaji ialah seperti buku hasil tulisan Harun Mat Piah et. al (2006). Antara fungsi cerita binatang yang dinyatakan dalam buku ilmiah ini ialah (i) sebagai bahan hiburan, (ii) sebagai alat didikan moral, (iii) untuk menyampaikan pengajaran dan penerangan dan sebagainya lagi. Malahan, buku ilmiah hasil tulisan Annas Haji Ahmad (1988) turut menjadi rujukan kepada pengkaji. Dalam buku ini, pengkaji mendapati cerita binatang dikelompokkan ke dalam 3 kelompok yang utama iaitu cerita binatang yang berkaitan dengan asal-usul atau kejadian, cerita binatang yang berbentuk teladan (*fabel*) dan berbentuk epik (sejarah).

Oleh yang demikian, pengkaji merasakan bahawa pengkaji mampu atau berupaya memahami mengenai definisi yang sebenarnya yang menggambarkan cerita binatang. Daripada ke semua sumber rujukan ilmiah yang pengkaji perolehi maka pengkaji mendapati bahawa pengkaji menjadi semakin cenderung untuk mendalami sastera rakyat (cerita lisan) terutama melibatkan cerita binatang Melayu kerana belum ada satu pun kajian ilmiah setakat ini yang mengkaji fungsi cerita binatang Melayu-Arab dalam pendidikan kesusasteraan awal kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5 Fungsi Cerita Binatang

Dalam kajian yang ingin dilakukan ini, pengkaji turut melihat kepada fungsi atau tujuan sebenar cerita binatang itu terhasil. Seperti yang kita sedia maklum, fungsi atau tujuan itu sendiri adalah satu matlamat atau hala tuju atau peranan yang ingin diperolehi oleh seseorang dalam mencapai apa yang dikehendakinya.

Melalui kajian yang dijalankan, pengkaji cuba melihat beberapa fungsi atau tujuan cerita binatang dihasilkan pada zaman dahulu. Selain itu, melalui fungsi dan tujuan cerita binatang yang dinyatakan ini, maka ianya dapat dijadikan panduan dalam menjelaskan setiap hujahan yang dikemukakan terhadap sesuatu perkara. Antara fungsi-fungsi utama cerita binatang dihasilkan adalah (i) sebagai sumber hiburan, (ii) untuk menyampaikan pengajaran dan didikan moral kepada masyarakat tradisi, (iii) sebagai media atau saluran kritikan atau sindiran sosial dan (iv) sebagai medium untuk mendekatkan serta membiaskan kanak-kanak dengan bahasa sastera.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5.1 Cerita Bintang Sebagai Alat Hiburan.

Sesuai dengan namanya sastera rakyat, corak penceritaan bagi cerita binatang jelas memperlihatkan fungsinya sebagai sumber hiburan kepada masyarakat khususnya kanak-kanak yang mendengarnya. Aspek hiburan yang terdapat pada cerita binatang dapat dilihat berdasarkan kepada isi, struktur, gaya persembahan dan gaya bahasa yang banyak mengandungi nilai-nilai estetik. Masyarakat manusia yang hidup pada zaman dahulu atau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

golongan yang masih mengamalkan cara hidup yang bercorak primitif tidak mempunyai media untuk memberi hiburan kepada anggota masyarakatnya itu. Justeru, untuk memenuhi tujuan tersebut, maka cerita-cerita yang diciptakan dalam bentuk seni sastera iaitu cerita binatang dipersembahkan untuk menarik perhatian kepada para pendengar (Ismail Hamid, 1985: 4). Misalnya, sudah menjadi kebiasaan kepada masyarakat Melayu pada zaman dahulu menghabiskan masa rehat mereka untuk mendengar cerita-cerita rakyat (lisan) yang dipertuturkan oleh pencerita yang professional.

Menurut Jamilah Haji Ahmad (1992: 92), dari segi persembahan cerita-cerita binatang disampaikan secara bersahaja dan menggunakan gaya pertuturan seharian. Selain itu, penutur cerita binatang tidak memerlukan kebolehan luar biasa selain kebolehan mengingat jalan cerita yang disampaikan. Manakala dalam istilah Amin Sweeney, mereka ini dikenali dan dianggap sebagai penutur amatur. Secara tidak langsung, cerita binatang juga menjadi bahan hiburan sebelum tidur. Menurut Jamilah lagi, sesi bercerita sebelum tidur juga dapat merapatkan hubungan kekeluargaan. Dengan sifat kesederhanaannya, baik dari segi struktur ataupun penyampaiannya, cerita-cerita binatang sering memberi kesan yang mendalam di jiwa kanak-kanak.

Seterusnya, Ismail Yusoff (2008: 9) turut menerangkan bahawa cerita rakyat amnya bercorak cerita binatang yang dihasilkan adalah untuk menghiburkan kepada masyarakat yang mendengarnya. Misalnya, dengan mendengar cerita-cerita yang indah-indah, ajaib dan berkesudahan dengan kebahagian (*happy ending*) dan berbentuk kelucuaan (jenaka) maka pendengar akan merasai riang dan terhibur. Oleh itu, mereka dapat melupakan seketika tentang penderitaan, kekusutan dan ketegangan batin akibat penat dengan pekerjaan, kemeskinan, pemerasan pembesar negeri dan suasana liar di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sekeliling mereka. Hal ini turut dipersetujui oleh Ismail Hamid (1985: 4) yang menyatakan bahawa kegiatan mendengar cerita rakyat ini sering diadakan di sebelah malam sesudah masyarakat Melayu membanting tulang bekerja seharian di sawah atau di ladang. Oleh sebab tidak banyak media hiburan seperti sekarang, maka cerita-cerita rakyat menjadi kegemaran masyarakat Melayu pada waktu dahulu. Bagi Ismail Yusoff (2008: 9), cerita-cerita rakyat dengan bentuknya yang tersendiri itu bolehlah dianggap sebagai pengganti radio, televisyen dan wayang gambar pada zaman moden kini. Tegasnya lagi, cerita rakyat adalah merupakan satu alat bagi masyarakat Melayu dahulu menyempurnakan kehendak-kehendak jiwa mereka yang sesuai dengan pemikirannya pada zaman itu.

Lantaran itu, cerita yang dicorakkan dengan watak haiwan biasanya lebih menarik berbanding dengan corak cerita-cerita yang lain. Pada masa kini, cerita-cerita binatang dihasilkan dalam bentuk bercetak (buku) selalunya diserikan dengan ilustrasi dan gambar-gambar yang menarik. Oleh yang demikian, secara tidak langsung kanak-kanak dapat menikmati sesi pembacaan dengan minda yang terhibur.

2.5.2 Cerita Binatang Untuk Menyampaikan Pengajaran Dan Didikan Moral.

Seperti yang diketahui, cerita binatang memainkan peranan penting untuk menyampaikan pengajaran dan didikan moral kepada masyarakat tradisi dahulu dan kini. Jamilah Haji Ahmad (1992: 92) juga menyatakan bahawa "sesuai dengan fungsi umumnya sebagai saluran pendidikan moral, cerita-cerita binatang yang menjadikan haiwan sebagai watak-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

watak menggambarkan berbagai-bagai pengajaran yang baik seperti mengisahkan tentang akibat orang yang tamak, takbur, sombong dan bongkak. Ajaran utama yang dipentingkan ialah balasan baik terhadap setiap kebaikan dan sebaliknya". Sebagai contoh melalui cerita *Gagak dengan siput* yang jelas memperlihatkan bagaimana sifat takbur gagak yang telah membawa kebinasaan ke atas dirinya sendiri. Selain itu, terdapat juga cerita yang mengisahkan watak orang yang sombong dan sentiasa bersikap angkuh kepada orang lain seperti cerita *Arnab dan Kura-kura.*

Namun, Ismail Hamid (1985: 5) menerangkan bahawa cerita binatang Melayu telah menjadi media yang paling penting untuk memberi nasihat dan pengajaran yang baik agar menjadi panduan kepada anggota masyarakat. Ismail juga menyatakan contoh mengenai cerita binatang yang menjadikan haiwan sebagai watak-watak yang menggambarkan berbagai-bagai pengajaran yang baik seperti mengisahkan tentang akibat orang tamak, takbur, sombong dan bongkak. Baginya lagi, cerita-cerita binatang memainkan peranan untuk mendidik khususnya bagi kanak-kanak dalam masyarakat sederhana yang belum mengetahui sistem pengajian yang bercorak formal. Hal ini turut dipersetujui oleh Annas Haji Ahmad (1988: 9) yang menegaskan bahawa "cerita-cerita binatang yang mengisahkan sesuatu peristiwa dan bertujuan mendidik kanak-kanak terutama melalui cerita binatang bercorak asal-usul seperti *Hikayat Pelanduk Jenaka, Hikayat Sang Kancil, Hikayat Nabi Sulaiman* dan lain-lain lagi. Malahan, melalui cerita seumpama ini juga ianya dapat mendidik dan memberi pedoman kepada masyarakat yang mendengarnya".

Dengan sifat kesederhanaan yang terdapat dalam cerita binatang, baik dari segi struktur atau penyampaiannya, cerita-cerita binatang sering membawa kesan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendalam dalam jiwa kanak-kanak. Tidak keterlaluan kalau dikatakan bahawa jarang sekali kanak-kanak Melayu tidak mengenali cerita *Sang Kancil*, *Anjing Dengan Bayang-bayang, Arnab dan Kura-kura, Katak Membunuh Gergasi* dan sebagainya. Walaupun kanak-kanak sekarang lebih terdedah kepada cerita-cerita binatang Inggeris namun usaha penerbitan cerita bintang Melayu sedikit sebanyak telah menimbulkan kesan yang positif. Sebagai contoh, cerita-cerita rakyat Melayu khasnya cerita-cerita dongeng/teladan dan cerita-cerita binatang telah mendapat tempat dihati mereka kini (Jamilah Haji Ahmad, 1992: 92).

Walaupun penggunaan watak haiwan diaplikasikan, namun pada hakikatnya cerita binatang membawa kepada nilai-nilai moral yang terdapat di dalamnya dan cerita jenis ini juga mempunyai ciri interaktifnya yang tersendiri. Malah, cerita jenis ini sangat sesuai untuk kanak-kanak dan contoh teladan yang hendak disampaikan secara tidak langsung melalui watak bintang dapat memberi kesan ke dalam jiwa kanak-kanak (Fatimah Md. Yasin, 1991: 161).

2.5.3 Cerita Binatang Sebagai Media/ Saluran Kritikan Atau Sindiran Sosial.

Di samping itu, cerita-cerita binatang juga digunakan sebagai media atau saluran untuk membuat kritikan atau sindiran terhadap raja atau orang yang berkuasa yang mendapat kedudukan dalam masyarakat (Ismail Hamid, 1985: 5).

Menurut Jihaty Abadi, Azran Rahman dan Amida Abdulhamid (1979: 5), menerangkan bahawa cerita-cerita binatang ini mampu menjadi kritikan atau sindiran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terhadap golongan atasan dan alim ulamat. Menurutnya lagi, cerita-cerita yang mengandungi sindiran adalah seperti cerita *Sang Kancil* yang secara terus untuk mengkritik golongan atasan yang bodoh serta bertindak kejam terhadap masyarakat sehingga memakan dirinya sendiri. Namun begitu, cerita binatang juga dilihat mengandungi pengajaran dan sindiran terhadap golongan atasan dan alim ulamat seperti cerita *Harimau, Monyet dan Semut.*

Seterusnya pula, cerita-cerita binatang ini juga dicipta adalah untuk mengkritik golongan-golongan tertentu. Oleh sebab keadaan masyarakat pada masa dulu tidak memungkinkan mereka mengkritik secara terbuka, maka mereka menyalurkan kritikan tersebut melalui cerita-cerita binatang. Antara golongan yang selalu ditegur ialah golongan pemerintah yang zalim dan golongan masyarakat bawahan yang tamak. Hal ini dapat dilihat dengan jelas dalam cerita-cerita binatang Melayu (Ismail Yusoff, 2008: 9).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Namun begitu, Ismail Hamid (1985: 5) memiliki pendapat yang sama dengan Ismail Yusoff iaitu menyerangkan bahawa "cerita-cerita rakyat yang dicipta itu dengan menggunakan alegori binatang adalah bertujuan untuk membuat sindiran terhadap mereka yang berkuasa dalam masyarakat khusunya masyarakat Melayu". Menurutnya, sebagai contoh cerita jenaka yang bertujuan untuk membuat sindiran terhadap orang yang bakhil, tamak dan orang yang gila kuasa atau orang yang mengambil kesempatan untuk mencari kepentingan diri dengan memuaskan nafsunya sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5.4 Cerita Binatang Sebagai Medium Mendekatkan Kanak-kanak Dengan Bahasa Sastera dan Alat Untuk Menerangkan Sesuatu.

Cerita binatang bukan sahaja hasil dari pengucapan sastera bagi sesuatu masyarakat, tetapi juga dikatakan berperanan sebagai wadah mendekatkan sastera kepada kanak-kanak. Sebagai contoh, haiwan dalam cerita-cerita binatang berperanan sebagai pengantara antara sastera dan kanak-kanak. Hal ini kerana naluri dan jiwa kanak-kanak yang tanpa dipaksa atau secara semulajadinya memang menyukai haiwan dalam dunia realiti. Justeru, tidak menjadi masalah atau kesukaran bagi kita untuk memupuk minat kanak-kanak terhadap sastera jika watak haiwan diketengahkan serta dipindahkan ke dalam bentuk karya penulisan dan cerita seumpama cerita binatang.

Bahkan itu juga, cerita binatang yang dihasilkan oleh sesuatu masyarakat dikatakan mampu menjadi alat untuk menerangkan sesuatu perkara terutamanya berkaitan dengan perihal binatang itu sendiri seperti asal-usul dan tingkah laku binatang tersebut. Kebiasaannya, cerita binatang yang banyak menerangkan hal yang sedemikian dikenali sebagai cerita binatang bercorak asal-usul. Melalui cerita yang sedemikian, masyarakat akan mendapat pengetahuan tentang binatang di samping mendapat hiburan. Misalnya, cerita binatang yang menerangkan tentang asal usul ialah seperti *Cerita Mengapa Puyuh Tiada Berekor* dan *Mengapa Harimau Makan Tujuh Hari Sekali*.

Selain daripada menerangkan perihal binatang, cerita binatang juga dikatakan dapat menerangkan corak kehidupan masyarakat Melayu lama. Misalnya gambaran keadaan kehidupan masyarakat dahulu yang tinggal di gua-gua dan tertutup dari budaya luar dikatakan mempunyai hubungan yang rapat dengan alam dan haiwan. Bahkan itu, haiwan yang terdapat di sekitarnya juga digunakan sebagai makanan ataupun sebagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

haiwan ternakan. Seterusnya, penggunaan watak haiwan dalam cerita binatang bagi sesebuah masyarakat juga menunjukkan betapa kreatifnya masyarakat lama dengan menghasilkan karya-karya tentang cerita binatang yang tinggi nilai pemikirannya. Pemikiran yang disampaikan itu merupakan satu corak pemikiran masyarakat lama di mana mereka menghadapi masalah harian, mereka bergaul setiap hari dengan binatang dan menganggap binatang adalah sama dengan manusia.

Bagi Asdi S. Dipodjojo (1966: 4), cerita binatang juga secara tidak langsung mampu memberitahu kepada masyarakat tentang projeksi tingkah laku manusia yang pelbagai ragam. Selain itu, sifat-sifat manusia yang digambarkan dengan menggunakan perwatakan binatang adalah ditujukan kepada manusia sendiri. Tingkah laku yang baik dan buruk semuanya turut diceritakan di dalam cerita binatang. Misalnya sifat sombong, dengki, tamak, tinggi diri dan sebagainya. Oleh yang demikian, fungsi cerita bintang yang dikatakan sebagai alat menerangkan sesuatu dapat menambahkan lagi pengetahuan masyarakat tentang alam binatang, manusia dan alam sekitar. Malahan, kanak-kanak yang mendekati cerita binatang ini dapat mendekatkan dan membiaskan diri mereka dengan bahasa sastera.

2.6 Rumusan

Melalui cerita binatang yang dikaji, maka dapat dikatakan bahawa cerita binatang adalah antara bukti kebijaksanaan masyarakat lama yang menjadikan cerita tersebut sebagai medium mendidik dan mengkritik masyarakat. Cara mengkritik dalam cerita binatang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

adalah selari dengan konsep kritikan masyarakat Melayu seumpama "menarik rambut dari tepung; rambut tidak putus, tepung tidak berselerak". Oleh sebab itu, mengambil bahan cerita dari kehidupan rakyat biasa iaitu melalui cerita-cerita rakyat khasnya cerita bintang yang disalurkan ke dalam pelbagai medium terutama bahan bercetak (buku cerita kanak-kanak) mampu menyampaikan mesej yang hendak disampaikan dengan lebih cepat, mudah difahami dan mampu diterima umum. Selain dari unsur pengajaran dan sebagai alatan kritikan sosial masyarakat, cerita binatang yang diterjemahkan ke dalam buku cerita kanak-kanak juga mampu memberikan unsur hiburan. Sebagai contoh, ibubapa banyak menggunakan cerita binatang untuk menghiburkan anak-anak mereka di waktu malam dan di waktu lapang.

Secara keseluruhannya, cerita binatang merupakan gambaran sesebuah masyarakat. Walaupun ianya dilihat tidak berbentuk ilmiah, dongeng dan tidak masuk akal tetapi adalah tidak adil jika kita hanya menganggap ianya tidak berguna dan tidak berfungsi. Untuk menilainya, kita hendaklah menggunakan ukuran golongan masyarakat yang melahirkan cerita-cerita tersebut. Hal ini penting kerana Kesusasteraan Melayu dilahirkan dari daya sastera manusia dan pancaran fikiran yang asasi tetapi tetap bernilai kepada manusia secara umumnya. Oleh itu, untuk mengekalkan warisan tradisi dan fungsi yang terdapat dalam cerita binatang, maka tidak salah sekiranya warisan ini diadaptsikan ke dalam medium-medium yang lain agar ianya tidak pupus dan dilupakan oleh generasi masa kini. Tuntasnya, dengan adanya tinjuan kajian masa lalu ini, maka ianya dapat memberikan pelbagai faedah dan kepentingan kepada pengkaji untuk mengetahui keadaan kajian yang dijalankan serta dapat merangka tugasan dengan lebih baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1 Pengenalan

Di dalam bab ini, pengkaji menyatakan tentang beberapa kajian metodologi yang digunakan bagi membantu pengkaji menjalankan penyelidikan. Metodologi kajian yang bersesuaian adalah penting untuk memudahkan pengkaji memperoleh maklumat bagi melengkapkan lagi kajian ilmiah ini berdasarkan kepada prosedur yang betul. Metodologi merupakan satu ilmu atau kaedah untuk mengkaji sesuatu tajuk yang berkaitan dengan bidang ilmiah. Menurut Azizi Yahya et al. (2007), metodologi dapat didefinisikan sebagai; kaedah atau cara. Oleh itu, melalui bab ini metodologi dilihat berfungsi sebagai cara untuk mendapatkan maklumat dan pengumpulan data yang seterusnya dianalisis atau diproses untuk menentukan ketepatan hasil kajian pengkaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sehubungan itu, pengkaji telah memilih untuk menggunakan kaedah kualitatif bagi keseluruhan kajian ini. Selain daripada itu, bagi mendapatkan maklumat yang bersesuaian dengan kajian ini, pengkaji turut memilih dan menentukan sendiri siapa yang akan dipilih untuk ditemuramah bagi melengkapkan lagi kajian ilmiah pengkaji. Seperti yang dinyatakan dalam bab satu, persoalan bagi kajian pengkaji ialah:

3.1.1 Adakah perbandingan serta persamaan bentuk dan struktur penceritaan yang terdapat dalam cerita binatang Melayu-Arab dapat memartabatkan pendidikan kesusasteraan awal kanak-kanak?

3.1.2 Sejauhmanakah peranan dan fungsi cerita binatang dapat memberikan manfaat atau kesan positif kepada proses pembelajaran dan pengajaran kanak-kanak?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1.3 Adakah simbol atau makna yang tersirat di sebalik pemaparan watak-watak binatang dan nama binatang yang diketengahkan dalam cerita binatang Melayu-Arab dapat memberi maksud yang tertentu kepada masyarakat atau golongan tertentu?

Dalam bab ini, kaedah dan prosedur yang digunakan oleh pengkaji secara tidak langsung dapat menjawab kepada persoalan kajian yang diterang secara terperinci menerusi hasil/ dapataan kajian di bab yang seterusnya (bab 4).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Reka Bentuk Kajian

Pengkaji menggunakan kajian kualitatif iaitu menggunakan kaedah pemerhatian, kaedah pengumpulan maklumat dan kaedah temuramah. Seperti yang kita sedia maklum, kajian kualitatif merupakan penyelidikan yang melibatkan kepada banyak sumber pembacaan dan pemahaman yang berkaitan dengan bidang yang ingin dikaji iaitu fungsi cerita binatang Melayu-Arab terhadap perkembangan kesusasteraan awal kanak-kanak. Selain itu, kaedah kualitatif yang pengkaji lakukan dalam konteks kajian ini sememangnya data yang diperolehi dapat membantu menjawab kepada persoalan-persoalan kajian pengkaji.

Seterusnya melalui penggunaan kaedah kualitatif, pengkaji turut menggunakan kaedah analisa kandungan cerita yang terhadap dalam beberapa buah buku cerita binatang kanak-kanak Melayu-Arab. Antara buku cerita binatang kanak-kanak yang digunakan pengkaji ialah seperti berikut;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

CERITA BINATANG MELAYU	CERITA BINATANG ARAB
1) Cerita *Sang Kancil mengira Buaya.*	1) Cerita *Pengorbanan Ikan Nun*
2) Cerita *Burung Gagak mencari air*	2) Cerita *Tongkat menjadi Ular*
3) Cerita *Kura-kura dan Arnab.*	3) Cerita *Lembu Betina yang suci.*

Jadual 3.1: Cerita Binatang Melayu-Arab yang dipilih pengkaji

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3 Instrumen Kajian

Menurut Chua Yan Piaw (2006: 45), instrumen kajian ialah kualiti data yang ditentukan oleh kualiti alat pengambilan data atau alat pengukur yang digunapakai oleh pengkaji. Sekiranya alat pengambilan data cukup releven dan lengkap, maka data yang diperolehi juga cukup lengkap dan releven. Sehubungan itu, data-data yang diperolehi adalah berdasarkan kepada beberapa cara yang digunakan oleh pengkaji. Antaranya ialah;

3.3.1 Kajian Perpustakaan.

Rujukan perpustakaan adalah satu kaedah yang turut berkepentingan dalam membantu pengkaji mendapatkan serta mengumpulkan maklumat bagi meneruskan kajian ilmiah ini. Hal ini kerana ianya merupakan pencarian bahan-bahan dan sumber yang dilakukan terhadap sumber-sumber sekunder seperti buku, jurnal, kertas kerja, kajian ilmiah, majalah, risalah, bahan dari internet dan bahan-bahan lain yang berkaitan dengan kajian ini. Perisian maklumat yang diperolehi dari sumber-sumber ini juga digunakan di dalam bab 2 iaitu Kajian Masa Lalu seperti mana yang telah dikemukakan sebelum ini. Selain itu, pengumpulan maklumat kajian secara pembacaan dari kajian perpustakaan dianggap sebagai fakta sandaran memandangkan maklumat yang diperolehi adalah rujukan semula dari hasil kajian yang terdahulu (Chua Yan Piaw, 2006: 35). Namun begitu, masih terdapat maklumat-maklumat yang diperolehi akan digunapakai dan dijadikan sumber sokongan dan bukti bagi sesebuah pendapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang akan dikemukakan oleh pengkaji kelak. Oleh itu, melalui rujukan sumber seperti buku, jurnal, kajian ilmiah, majalah, risalah dan kertas kerja diambil dan diperolehi berkaitan dengan aspek sastera kanak-kanak, sejarah cerita binatang, ciri-ciri cerita binatang, fungsi cerita binatang dan pendekatan serta teori yang digunakan mampu diaplikasikan di dalam bab yang seterusnya iaitu bab 4 (hasil kajian) sekaligus dapat melengkapkan kajian ilmiah pengkaji.

3.3.2 Pemerhatian

Seperti yang kita ketahui, kaedah pemerhatian merupakan satu kaedah penyelidikan yang digunakan untuk mengukur pemboleh ubah penyelidikan. Bagi Flanders dalam (Aziz Yahya 2007: 72), pemerhatian adalah satu contoh kaedah merekod maklumat yang dapat dilakukan dengan mudah dan tepat. Di sini, kaedah pemerhatian digunakan pengkaji untuk menilai kesan positif daripada proses pembelajaran dan pengajaran kanak-kanak yang disampaikan oleh guru melalui teknik penceritaan dan bahan bacaan dari cerita binatang Melayu-Arab yang telah dipilih oleh pengkaji. Pemerhatian dibuat semasa proses pengajaran dan pembelajaran sedang berjalan di dalam bilik darjah iaitu melalui respon kepada soalan-soalan yang diajukan daripada proses penceritaan cerita binatang Melayu-Arab yang disampaikan oleh guru kepada para pelajar. Di sini, pengkaji memilih satu buah tadika untuk menjalankan pemerhatian berkaitan dengan proses pembelajaran dan pengajaran kanak-kanak berkenaan. Antara tadika yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dipilih ialah Sekolah Tadika Yayasan Islam Cawangan Chendering, Kuala Terengganu (sekolah di bawah naungan kerajaan Negeri Terengganu). Pengkaji memilih sekolah berkenaan kerana ingin melihat proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh sekolah berkenaan. Sehubungan itu, pengkaji memilih sekolah ini kerana memandangkan sekolah ini sahajalah yang masih mengamalkan sistem pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan kepada konsep bercerita di dalam bilik darjah. Bahkan itu juga, pengkaji mendapati sekolah ini adalah sebuah sekolah yang cermelang dalam sistem pengajaran dan pembelajaran (P&P). Hal ini turut terbukti kerana sekolah ini dipilih oleh Kerajaan Negeri Terengganu yang mempunyai visi besar dalam melahirkan generasi ulu albab yang terbilang menjelang 2020. Justeru, Yayasan Islam Terengganu bertindak sebagai badan penggerak dalam merealisasikan impian ini bagi menyahut seruan kerajaan. Rentetan daripada pemilihan ini, maka pengkaji melihat sekolah ini mampu menjana minda dan intelektual pelajar-pelajarya (kanak-kanak) yang terbilang menjadi lebih cemerlang dan gemilang. Oleh itu, dalam menjalankan kaedah pemerhatian ini, pengkaji memilih untuk menggunakan jenis pemerhatian yang bercorak peserta. Proses utama untuk menjalankan kaedah pemerhatian jenis ini ialah memerlukan penyelidik memainkan dua peranan iaitu sebagai peserta dan pemerhati. Tujuan utama pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian jenis ini ialah untuk mengalami sendiri aktiviti-aktiviti yang dirancangkan dan ini menjadikan dapatan pemerhatian lebih sah dan boleh dipercayai. Bahkan itu juga, dalam kaedah pemerhatian ini juga, pengkaji menggunakan rakaman video untuk merekod

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kesemua aktiviti pembelajaran dan pengajaran yang sedang dilaksanakan terutamanya melibatkan proses bercerita. Selain itu, menggunakan kaedah ini juga memungkinkan maklumat-maklumat yang tersembunyi atau yang tidak dijangka dapat diperhati di peringkat awal.

3.3.3 Temuramah/Interview.

Temuramah adalah salah satu bentuk instrumen kajian yang dilakukan oleh pengkaji untuk memperolehi data daripada orang yang ingin ditemuramah dan mempunyai perkaitan jelas. Malah, menerusi kaeah ini ianya dapat menjadikan sebagai salah satu wahana rujukan yang bermatlamat untuk membolehkan penyelidikan pengkaji lebih telus dan terperinci. Dalam pengendalian proses temuramah dengan orang yang ingin ditemuramah, pengkaji telah merancang soalan-soalan yang patut dan harus ditanya kerana ingin memberikan fokus yang mendalam bagi mengenalpasti proses kajian ini dapat diperolehi dengan lebih tepat serta berkesan. Di sini, pengkaji telah memilih dan menentukan 2 orang yang mahir mengenai sastera kanak-kanak dan cerita binatang untuk ditemuramah. Antara pihak yang menjadi responden pengkaji ialah Hassan Mutalib (Pembikin filem animasi) dan Fauziah Wan Jaafar atau lebih dikenali dengan gelaran kak Gie (pakar sastera kanak-kanak di Terengganu). Bagi pengkaji, individu-individu yang ditemuramah atau menjadi responden dalam kajian ini adalah terdiri daripada seseorang yang mempunyai ilmu pengetahuan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang mendalam dalam sesuatu bidang terutama berkaitan dengan bidang cerita binatang dan sastera kanak-kanak seperti mana yang dikaji oleh pengkaji melalui kaedah pengumpulan data di Bab 3 ini. Teknik temuramah yang dilakukan dalam kajian ini adalah dengan menemuramah secara "*face to face*" bagi mendapatkan "*feed back*" yang lebih kondusif dan sistematik. Maksudnya di sini, pengkaji menggunakan kaedah temuramah yang berbentuk struktur (temuramah perseorangan). Temuramah berstruktur ini merupakan temuramah yang dijalankan secara formal, dirancang secara teliti dan dilaksanakan mengikut satu senarai soalan yang perlu dijawab oleh responden. Tujuan utama temuramah jenis ini ialah untuk memberi rangsangan yang serupa kepada semua subjek supaya maklumat-maklumat yang dikumpulkan daripada mereka dapat dibezakan dengan tepat. Namun begitu, kaedah ini juga dikatakan dapat memberikan kelebihan kepada pengkaji kerana ia mampu memperolehi maklum balas yang tinggi dari responden, bahkan pengkaji juga berupaya mendapatkan penerangan lanjut daripada responden jika merasakan jawapan yang diberikan oleh responden adalah kabur dan kurang jelas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4 Kaedah Analisis Maklumat

Kaedah analisis maklumat merupakan kaedah untuk menganalisis data yang diperolehi dengan hanya memfokuskan kepada hasil maklumat yang paling bertepatan dengan keperluaan kajian serta menjawab kepada persoalan kajian pengkaji. Kaedah ini perlu


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dilakukan untuk membantu pengkaji dalam memilih maklumat yang benar-benar bersesuaian dan tepat serta tertumpu kepada objektif kajian pengkaji sepenuhnya. Maklumat yang telah dikumpulkan akan diproses dan dianalisis sebagaimana hasil pengumpulan maklumat iaitu dari kaedah temuramah dan pemerhatian yang akan dianalisis semula bagi memastikan fakta yang tepat untuk dinyatakan di dalam hasil kajian pengkaji nanti. Hal ini disebabkan kerana pendapat dan buah fikiran dari seseorang yang ditemuramah (responden) mengenai isu kajian pengkaji ini kadangkala mempunyai percanggahan atau perbezaan pendapat seseorang. Di sini, tindak balas perbezaan pendapat dari pihak yang ditemuramah (responden) adalah disebabkan oleh faktor *demographic* bagi seseorang individu. Hal ini kerana terdapatnya perbezaan berkaitan dengan persoalan peribadi seseorang individu yang melibatkan umur, tahap pendidikan, kerjaya dan pengalaman seseorang individu dengan individu yang lain. Oleh yang demikian setelah maklumat diproses dan dianalaisis, maka penelitian terhadap hasil analisis menunjukkan hasil kajian akan dilaporkan pada bab yang seterusnya. Berikut adalah carta aliran kajian metadologi yang digunapakai oleh pengkaji;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.2: Carta Aliran Kajian Metadologi Pengkaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5 Rumusan

Berdasarkan kepada BAB 3 (Metodologi kajian), pengkaji dapat meneruskan kajian secara teratur melalui setiap kaedah penyelidikan yang dirancang untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang lengkap dan tepat dalam menjayakan kajian ilmiah ini.

Justeru, dalam menjalankan kajian ini pengkaji perlu melakukannya dengan lebih terperinci. Hal ini kerana hasil kajian yang diperolehi akan lebih lengkap dan padat. Oleh yang demikian, kaedah yang digunakan ini merupakan antara kaedah yang terbaik dalam mendapatkan hasil kajian yang berlandaskan kepada objektif dan skop kajian ilmiah ini.

Kesimpulannya, pengkaji mengharapkan agar kaedah penyelidikan yang dijalankan ini dapat membantu dalam mendapatkan pelbagai maklumat kajian serta penganalisisan data bagi memperoleh maklumat yang tepat dan berkesan untuk hasil kajian nanti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB IV

HASIL KAJIAN

4.1 Pengenalan

Dalam bab ini pengkaji membincangkan dan mengemukakan mengenai hasil kajian yang telah diperolehi oleh pengkaji daripada pelbagai sumber dan kaedah yang digunapakai seperti mana yang dibicarakan sebelum ini di dalam bab 3 iaitu Metadologi Kajian serta melibatkan interpretasi pengkaji sendiri terhadap simbol atau makna bagi watak binatang yang diketengahkan dalam cerita binatang Melayu-Arab yang dikaji. Kesemua yang dikemukakan di dalam bab ini adalah untuk menjawab kepada persoalan kajian dan sekaligus untuk menepati objektif kajian pengkaji. Selain itu, hasil kajian ini juga turut tertumpu kepada skop kajian seperti mana yang dinyatakan oleh pengkaji di dalam bab 1 sebelum ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kandungan dalam bab ini merupakan satu kandungan yang terpenting dan utama kerana ianya dapat memperlihatkan segala data yang telah diperolehi oleh pengkaji melalui kaedah-kaedah penyelidikan yang digunakan seperti analisis kandungan maklumat dari buku-buku, jurnal, artikel dan sebagainya, analisis dari hasil pemerhatian dan analisis hasil temuramah yang telah dijalankan. Hal ini dapat menentukan sama ada pengkaji dapat menjawab kepada persoalan dari objektif kajian yang ingin dicapai ataupun sebaliknya. Selain itu, di dalam pengisian bab ini pengkaji turut memberi penjelasan terhadap hubungkait teori dan pendekatan yang digunakan dalam kajian ini seperti mana yang dinyatakan pada bab 2 iaitu Tinjauan Kesusasteraan.

4.2 Bentuk dan Struktur Cerita Binatang Melayu-Arab

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Setelah pengkaji melalukan penganalisisan data dengan menganalisis bentuk dan struktur cerita binatang menerusi kaedah tinjauan kesusasteraan (rujukan perpustakaan), maka pengkaji mendapati bentuk dan struktur cerita binatang Melayu-Arab adalah ringkas dan sederhana. Hal ini kerana cerita bintang adalah satu cara yang memudahkan untuk penyampai cerita (tukang cerita) menceritakan cerita berkenaan kepada khalayak umum bagi membolehkan khalayak lebih memahami cerita dan maksud sebenar yang terkandung dalam cerita binatang tersebut. Selain itu juga, cerita-cerita binatang sememangnya dituturkan melalui lisan dan disebarkan di kalangan masyarakat yang belum mengenali huruf. Kebiasaannya, bahasa yang digunakan dalam menyampaikan cerita ini adalah dengan menggunakan bahasa sehari-harian dan tidak mengandungi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahasa yang berirama seperti yang terdapat dalam cerita penglipurlara (Anas Haji Ahmad, 1988: 20).

Pada umumnya, setiap bangsa di dunia mengenali cerita dongeng tentang binatang atau dinamakan juga cerita mergastua. Oleh yang demikian, cerita binatang dikatakan terdapat dalam satu episod yang mempunyai satu motif (makna) sahaja. Kebanyakan cerita ini menerangkan dan menggambarkan unsur-unsur didaktik yang bertujuan untuk memberi pengajaran dan pelajaran moral terutamanya kepada kanak-kanak. Selain itu juga, cerita binatang ini digunakan untuk menyindir atau menerangkan sesuatu kepada khalayak pendengar dan pembacanya. Melalui motif yang hendak disampaikan dalam setiap cerita binatang itulah dapat kita bahagikan ceritanya mengikut kelompok atau penjenisan (corak cerita binatang) yang tertentu iaitu seperti; (1) cerita berbentuk asal-usul, (2) cerita epik binatang, (3) cerita sambut menyambut dan (4) cerita berbentuk *fable* (teladan). Berikut adalah gambar rajah bentuk cerita binatang Melayu dan Arab yang telah dianalisis oleh pengkaji untuk menjawab kepada persoalan kajian pengkaji.



Rajah 4.1: Aspek Bentuk Cerita Binatang Melayu-Arab

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lantaran itu, hasil penganalisisan data yang diperoleh dari kaedah tinjauan kesusasteraan yang melibatkan objektif pertama pengkaji mendapati bahawa cerita binatang Melayu dan Arab sememangnya memiliki persamaan dari segi bentuk dan strukturnya.

4.2.1 Bentuk-bentuk Cerita Binatang Melayu –Arab

4.2.1 (i) Cerita Binatang yang Berbentuk Asal Usul

Cerita binatang yang berbentuk sebegini adalah untuk menerangkan mengenai asal usul atau kejadian sesuatu sifat yang dimiliki oleh seekor binatang (Ismail Yusoff, 2008: 16). Menurut Ismail Yusoff lagi, "terdapat juga pendapat yang menyatakan cerita binatang berbentuk begini dicipta pada zaman primitif, di mana manusia berdampingan rapat dengan binatang sehinggakan mereka menganggap binatang boleh berfikir dan memiliki sifat-sifat seperti mereka". Walau bagaimanapun, pendapat tersebut dikatakan tidak dapat diterima disebabkan pemikiran yang terdapat dalam cerita-cerita binatang adalah terlalu tinggi buat masyarakat primitif. Seterusnya, penyampai cerita (tukang cerita) turut mengunakan cerita yang sebegini bagi memberitahu mengenai sifat-sifat yang dimiliki oleh binatang kepada khalayak masyarakat umumnya kanak-kanak.

Melalui cerita-cerita jenis ini juga kita diberitahu dan didedahkan mengenai asal usul kejadian binatang seperti harimau, buaya, ular, gajah, helang dan seumpamanya lagi. Selain menerangkan asal usul kejadian binatang tersebut, cerita-cerita jenis ini juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dikatakan memberi gambaran mengenai kejadian sesuatu sifat yang dimiliki oleh binatang seperti mengapa anjing bermusuhan dengan kucing; mengapa singa mengaum; kenapa belakang kura-kura menjadi retak; kenapa burung puyuh tidak berekor dan seumpamanya lagi.

Menurut kajian yang telah dilakukan, cerita binatang yang tertua telah dihasilkan di seluruh dunia ialah melalui cerita binatang bercorak asal usul. Malahan itu, C. Hooykaas (1965: 86) ada menyatakan bahawa sebahagian besar daripada cerita binatang Melayu yang berbentuk asal usul berasal daripada India dan kemudian melalui proses perubahan (tokok tambah) dan akhirnya tersebar ke Asia dan Eropah. Bahkah, ahli-ahli sejarah juga menyatakan bahawa cerita-cerita binatang Melayu jenis ini disebar oleh agama Hindu. Hal ini terbukti berdasarkan penemuan yang terpahat pada stupa-stupa di Pulau Jawa. Lantaran daripada pendapat-pendapat tersebut, dapatlah disimpulkan bahawa cerita binatang Melayu berbentuk asal usul ini memang sudah wujud sejak zaman pengalaman animisme lagi tetapi ianya ditokok tambah dengan pengaruh-pengaruh asing melalui penyebaran agama Hindu, Buddha, Islam dan Barat yang datang kemudiannya. Antara cerita binatang Melayu yang bercorak asal usul ialah seperti *Hikayat Sang Kancil* dan *Hikayat Pelanduk Jenaka.*

Selain itu, cerita binatang Arab yang bercorak asal usul ini dikatakan bukannya dicipta oleh masyarakatnya, bahkan dilihat sama dengan cerita binatang Melayu yang turut mengalami proses perubahan (tokok tambah) sebelum cerita tersebut diakui menjadi hak milik masyarakatnya. Sebagai contoh dalam sastera Arab, cerita bintang yang bercorak asal usul ialah seperti cerita soalan-soalan semut yang mengangumkan *(Asilah al-Namlah al-'Ajibah).* Isi ceritanya bukan sahaja berkisarkan tentang persoalan-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

persoalan yang berlegar di minda seekor semut kepada dinding, tikus, tongkat, api, air, unta, pisau dan besi tetapi cerita ini turut menjawab kepada persoalan mengapa komuniti semut berskala besar di alam ini.

Namun begitu, ada juga beberapa cerita binatang Arab yang dikatakan dipetik dan diambil daripada kisah-kisah yang terdapat dalam al-Quran. Misalnya mengenai cerita *Pengorbanan Ikan Nun, Qitmir dan Anjing yang Cerdik, Kisah Unta Betina, Tongkat Menjadi Ular* dan sebagainya lagi. Cerita-cerita sebegini tidak mengalami tokok tambah kerana ianya telah termaktub dalam al-Quran dan merupakan kisah benar yang diturunkan oleh Allah S.W.T kepada umatnya. Hal ini dapat dibuktikan menerusi surah asy-Syuura, ayat 17 yang membawa maksud;

> "Allahlah yang menurunkan kitab al-Quran dengan penuh kebenaran dan keseimbangan...."

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui maksud yang dinyatakan ini, maka dapatlah dikatakan bahawa al-Quran bukan sahaja bersifat universal bahkan al-Quran sebagai mukjizat yang hadir tidak dalam bentuk materi melainkan nonmateri (wahyu) yang dapat difikirkan dan dibuktikan kebenarannya oleh akal manusia dulu, kini, esok dan di masa akan datang (Ahmad Syarifuddin, 2004: 28).

Secara kesimpulannya, pengkaji dapat merumuskan bahawa cerita binatang yang bercorakkan asal usul ini dapat memberikan pengetahuan yang berguna berkaitan dengan binatang-binatang yang terdapat di sekitar kehidupan manusia kerana pada masa dahulu tiada sebarang kajian yang menerangkan perihal binatang kepada masyarakat. Lantaran itu, cerita binatang bercorak asal usul sekarang telah menjadi satu bahan cerita yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

popular dan diminati oleh kanak-kanak. Bahkan kini di zaman globalisasi, cerita-cerita seumpama ini telah dibukukan untuk bahan bacaan kanak-kanak di sekolah.

4.2.1 (ii) Cerita Bintang yang Berbentuk Epik

Cerita binatang yang berbentuk epik merupakan sejenis cerita binatang yang bermotifkan kebijaksanaan untuk memperdayakan lawannya. Umumnya cerita binatang berbentuk epik ini bukan sahaja terkenal dalam masyarakat Melayu tetapi turut terkenal dalam masyarakat lain di seluruh dunia. Bagi Annas Haji Ahmad (1988: 21), beliau menyatakan;

> "cerita binatang berbentuk epik adalah bersifat universal iaitu dikenali di beberapa benua, namun yang membezakannya ialah watak utama yang digunakan dalam cerita tersebut".

Hal ini kerana cerita sebegini selalunya berpusat kepada satu pelakon utama yang mempunyai kecerdikan dan kebijaksanaan. Keseluruhan cerita ini adalah berkisar kepada satu watak utama binatang itu sahaja.

Seterusnya, cerita berbentuk sebegini juga dikatakan mengandungi satu ciri cerita yang bersambung-sambung dan dikenali sebagai cerita berbingkai. Maksud utama yang terdapat dalam cerita ini adalah sebagai hiburan dan disebaliknya pula turut mengandungi unsur-unsur teguran dan penerangan yang amat mendalam. Contohnya dapat kita lihat menerusi cerita *Sang Kancil* iaitu seekor binatang yang kecil dan memiliki kebijaksanaan dengan dapat mengalahkan binatang-binatang lain yang lebih besar dan kuat daripadanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di sini, bentuk pengajaran yang dapat kita perolehi melalui cerita *Sang Kancil* ialah manusia seharusnya menggunakan akal fikiran sebelum bertindak atau melakukan sesuatu perkara. Hal ini turut diperakui oleh Annas Haji Ahmad (1988: 20) seperti berikut;

> "...bentuk pengajaran yang diperolehi disebalik watak bintang yang kecil ini *(Sang Kancil)* ialah untuk mendorong manusia supaya berfikir dan menggunakan otak dalam menjalankan tugas dan menghadapi masalah harian, juga berupa sindiran terhadap seseorang yang melakukan sesuatu yang zalim".

Sehubungan itu, cerita binatang berbentuk epik ini mengandungi unsur satira untuk mengkritik kehidupan politik manusia (Hashim Awang, 1986: 24). Dalam sastera lisan Melayu, cerita-cerita yang berbentuk epik bintang yang terkenal dalam masyarakat Melayu ialah *Hikayat Sang Kancil* dan *Hikayat Pelanduk Jenaka*. Cerita-cerita kancil yang cerdik ini sebenarnya telah tersebar luas sehingga bintang itu dikaitkan dengan sifat cerdik dan licik seumpama sifat-sifat yang ada pada manusia. Namun begitu, watak kancil dalam masyarakat Melayu membawa dua makna yang berbeza iaitu pertama sebagai watak cerdik yang dipuji, dan kedua sebagai watak penipu licik yang tidak digemari.

Bahkan itu, dalam sastera Arab juga terdapat cerita epik binatang yang terkenal dalam masyarakatnya ialah cerita *Singa dan Penghakiman Kelawar*. Isi cerita epik binatang Arab ini dikatakan menyerupai dengan cerita epik binatang Melayu kerana bagi masyarakat Arab, mereka menganggap singa adalah seekor binatang yang cerdik dan selalu menghakimi binatang-binatang lain. Justeru, dapat dikatakan bahawa cerita sebegini bukan sahaja terdapat dalam masyarakat Melayu, malahan dalam kebudayaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masyarakat lain yang turut memiliki binatangnya yang tersendiri dengan memegang watak utama dalam cerita-cerita tersebut. Oleh yang demikian, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa cerita binatang berbentuk epik bukan sahaja dihasilkan di Nusantara sahaja tetapi turut terdapat dalam setiap negara di Eropah.

4.2.1 (iii) Cerita Bintang yang Berbentuk Sambut Menyambut

Bagi Ismail Hamid (1986: 46), beliau menerangkan bahawa cerita binatang yang berupa cerita sambut menyambut ini adalah cerita yang mengisahkan rangkaian sebab dan akibat. Ceritanya menerangkan bagaimana sesuatu perkara itu berlaku dengan mengemukakan sebab-sebabnya sekali. Dengan mengemukakan hukuman sebab dan akibat, maka pertalian peristiwa ini dikatakan masuk akal atau munasabah.

Dalam cerita jenis ini juga dikatakan mengandungi dan mempunyai watak-watak binatang sebagai pelakunya yang banyak dan perbagai. Selalunya cerita ini disampaikan dengan menggunakan bahasa berirama dan dituturkan dengan cara yang menarik supaya dapat menghiburkan orang yang mendengar dan membacanya. Contoh cerita yang berbentuk sebegini ialah cerita *Bangau oh bangau,* cerita *Pelanduk dengan Memerang* dan lain-lain lagi. Malahan, isi ceritanya lebih menjelaskan kepada sebab dan akibat daripada pertanyaan seperti kenapa bangau itu kurus? mengapa pelanduk terpijak anak memerang? dan sebagainya lagi.

Secara kesimpulannya, pengkaji mendapati cerita binatang yang berbentuk sambung menyambung ini kurang dihasilkan dalam kalangan masyarakat Melayu dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Arab. Hal ini mungkin disebabkan tukang cerita (penglipurlara) merasakan sukar untuk menghasilkan cerita sedemikian kerana cerita ini memerlukan penjelasan kepada sebab dan akibatnya. Bahkan itu, kesukaran menggunakan bahasa yang berirama untuk menyampaikan cerita jenis ini juga dikatakan punca berlakunya masalah kekurangan penghasilan cerita binatang yang berbentuk sebegini. Lantaran itu, pengkaji mendapati kanak-kanak masa kini memang tidak dapat dan kurang mengenali cerita binatang berbentuk sambung menyambung disebabkan kekurangan penghasilan cerita yang sedemikian. Oleh itu, harapan agar cerita-cerita binatang berbentuk ini dapat dibukukan atau didokumentasikan ke dalam medium-medium lain supaya karya cerita binatang berbentuk sambung menyambung ini dapat dikenali dan tersemat dalam diri kanak-kanak masa kini dan akan datang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.1 (iv) Cerita Bintang yang Berbentuk Fabel (Teladan)

Dalam kumpulan cerita-cerita binatang sebegini terdapat juga cerita yang dikategorikan sebagai cerita fabel iaitu cerita yang bercorak memberi teladan atau disebut sebagai cerita perumpamaan. Cerita jenis ini dikenali dengan cerita perumpamaan kerana dalam setiap ceritanya akan berakhir dengan perumpamaan. Bagi Muhd Mansur Abdullah (1984: 19) menyatakan bahawa;

> "Setiap cerita binatang yang berbentuk fabel mempunyai unsur-unsur teladan yang di dalamnya tersirat pengajaran-pengajaran yang ditujukan untuk manusia".

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, dengan penggunaan watak-watak binatang dalam cerita-cerita fabel ini secara halus dan dengan lebih berkesan si pendengar dapat dipengaruhi oleh ajaran-ajaran yang terkandung dalam cerita terbabit. Dalam cerita-cerita jenis ini turut mengandungi amanat kritikan terhadap masyarakat dan sindiran terhadap tingkah laku manusia. Malahan, cerita yang berbentuk fabel ini selalunya mempunyai unsur kelucuan yang boleh menggelikan hati pendengar atau pembaca yang mendengar atau membaca cerita tersebut. Hal ini kerana watak utama dalam cerita ini selalunya ditonjolkan binatang yang pintar untuk mengenakan musuhnya dengan cara dan perwatakan yang kelakar dan lucu, tetapi ceritanya lebih berbentuk teladan dan kias ibarat semata-mata. Oleh yang demikian, cerita binatang yang berbentuk fabel sangat berkesan untuk pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak.

Seterusnya, cerita-cerita jenis ini juga dikatakan mengandungi idea-idea pemikiran dan mencerminkan falsafah yang tinggi, jadi ianya sering dipertikaikan corak sebenar cerita ini; sama ada cerita-cerita fabel berasal daripada tradisi lisan atau tulisan masyarakat tempatan ataupun disadurkan dari luar. Justeru, mengikut kajian yang dijalankan oleh ahli-ahli sastera rakyat, beliau menyatakan bahawa sumber bagi cerita *fabel* ini sebenarnya disadur dari India. Walau bagaimanapun, menurut Harun Jaafar (2004: 53);

> "...teori fungsional dalam tradisi lisan telah menolak pendapat yang menyatakan bahawa cerita binatang Melayu disadur atau dipinjam dari India".

Hal ini kerana Malinowski (Harun Jaafar, 2004: 53) mengatakan bahawa persamaan yang terdapat pada kebudayaan itu sebenarnya lahir secara kebetulan tanpa dipengaruhi oleh kebudayaan lain. Oleh sebab itu, cerita-cerita binatang dalam masyarakat Melayu telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dihasilkan oleh orang-orang Melayu itu sendiri. Bahkan itu, di Barat juga terdapat beberapa kumpulan cerita fabel terutama di Eropah yang dikenali dengan *Aesop Fables.*

Dalam kesusasteraan Melayu, cerita berbentuk fabel yang terkenal sekali ialah *Hikayat Kalila Wa Dimnah*, iaitu cerita fabel yang disadur dari Parsi karangan penulis India iaitu Baidaba. Hikayat ini dikatakan mempunyai unsur-unsur pengajaran yang tinggi dan telah dikenali sejak tahun 1736 lagi kerana pernah disebut oleh Werndly dalam buku berjudul *Maleische Spraakkunst* yang diterbitkan pada tahun 1736. Selain itu, hikayat ini dikatakan turut terkenal dan telah ditulis dalam kesusasteraan Melayu lama dan Arab.

Seterusnya juga, cerita-cerita binatang ini turut berkembang di zaman Renaissance dan pengikut-pengikut moralisme dan humanisme. Pada zaman dahulu, masyarakat feudal mengupah penutur cerita binatang ke istana mereka semata-mata meminta mereka mengajar anak-anak mereka tentang moral kerana terdapat pantang larang yang ketat dalam mendidik anak-anak golongan bangsawan khasnya anak-anak raja. Antara contoh-contoh cerita yang berbentuk fabel dalam masyarakat Melayu ialah *Cerita Anjing dengan Bayang-bayang*, *Cerita Arnab dengan Kura-kura*, *Cerita Anak Bayan Dengan Anak Cerpelai, Cerita Tikus dengan Singa, Cerita Burung Gagak Mencari Air* dan sebagainya. Malahan dalam masyarakat Arab pula antara cerita binatang yang berbentuk fabel ialah seperti kisah-kisah haiwan dalam al-Quran iaitu *Kisah Lembu Betina yang Suci*, *Kisah Unta Betina, Kisah Pengorbanan Ikan Nun* dan lain-lain lagi.

Secara rumusannya, pengkaji mendapati cerita binatang yang berbentuk teladan sebenarnya kurang menitikberatkan pemerian watak, struktur dan latar cerita. Namun begitu, cerita jenis ini hanya mengutamakan mesej yang ingin disampaikan kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

khalayak iaitu pengajaran moral dan didikan budi perketi yang baik. Unsur-unsur kelucuan yang ditonjolkan pada watak pelaku iaitu binatang utama dalam cerita berbentuk fabel ini membuatkan ianya menjadi lebih menarik, sementara unsur-unsur kebetulan pula mampu membantu melicinkan jalan cerita.

Oleh itu, pengkaji mendapati dengan menyelitkan unsur-unsur pengajaran ke dalam cerita binatang mampu menjadikannya sebagai pedoman kepada generasi yang mendukung karya-karya tersebut. Hal ini bersesuaian dengan motif penciptaan sesebuah cerita bintang itu sendiri iaitu untuk memberi pedoman kepada masyarakat tentang nilai dan norma yang wajar dipupuk bagi merentasi batasan zaman. Hal ini dapat diperkuatkan lagi menerusi kenyataan dari Mohd Sharifudin Hj. Yusop dan Mohd Lani Sobi (2003: 36); 'sejarah sering berulang kembali' mungkin dapat dihindarkan dengan mengambil iktibar daripada kritikan dan mesej yang dihasilkan oleh pengarang-pengarang kesusasteraan Melayu tradisional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


4.2.2 Struktur Cerita Binatang Melayu-Arab

Setelah menjalankan penelitian terhadap bentuk atau corak penceritaan dalam cerita binatang Melayu-Arab, pengkaji turut penelitian beberapa aspek struktur cerita bintang itu sendiri. Di sini, pengkaji membincangkan struktur cerita binatang Melayu-Arab berdasarkan kepada cerita-cerita yang telah pengkaji pilih, iaitu 3 buah cerita dari cerita binatang Melayu (*Sang Kancil Mengira Buaya*, *Burung Gagak Mencari Air* dan *Kura-kura dan Arnab*) dan 3 buah cerita dari cerita binatang Arab (*Pengorbanan Ikan Nun,*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tongkat Menjadi Ular dan *Lembu Betina yang Suci)*. Lantaran itu, antara perbincangan yang dilihat terkandung dalam struktur cerita binatang Melayu-Arab ialah melibatkan aspek (i) tema, (ii) plot dan (iii) latar yang akan dinyatakan dengan lebih terperinci oleh pengkaji di dalam bab ini. Berikut adalah gambar rajah struktur cerita binatang Melayu dan Arab yang dianalisis oleh pengkaji untuk menjawab kepada persoalan kajian pengkaji.



Rajah 4.2: Aspek Struktur Dalam Cerita Binatang Melayu-Arab

4.2.2 (i) Tema Cerita Binatang Melayu dan Arab

Seperti yang kita ketahui, tema ialah "pemikiran utama atau persoalan pokok yang ingin dikemukakan oleh seseorang pengkarya atau penulis itu sendiri" (Masri Haji Abdul Rashid, 1978: 74). Selain itu, tema merupakan pusat penceritaan dan perbincangan yang terdapat dalam sesebuah cerita itu. Selalunya tema yang dihubungkaitkan dengan masalah yang timbul untuk membangunkan sesebuah cerita yang ingin disampaikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setelah pengkaji melakukan penganalisisan maklumat dengan menganalisis tema cerita bintang Melayu-Arab maka pengkaji mendapati terdapat pelbagai tema yang terangkum dalam cerita-cerita binatang. Antara tema-tema utama yang digunakan oleh penglipur lara (tukang cerita) dan penulis buku cerita kanak-kanak ialah; **(i) cerita-cerita fantasi (*al-qasas al-khayaliyyah*), (ii) cerita-cerita bertemakan keagamaan (*al-qasas ad-diniyyah*), (iii) cerita-cerita rakyat (*al-hikayat al-sha'biyyah*)** dan **(iv) cerita-cerita aksi atau superhero**.

Bagi Tu'aymah (1998: 189) menyatakan bahawa cerita binatang yang bertemakan kepada cerita fantasi adalah sebuah cerita yang watak utamanya didominasikan oleh watak haiwan. Selain itu juga, cerita-cerita yang bertemakan kepada cerita fantasi ini juga merupakan sebuah cerita yang direka atau dicipta oleh pengarangnya dengan menggunakan idea pemikirannya yang tersendiri. Walaupun dikatakan cerita ini lebih menggambarkan kepada alam fantasi (alam khayalan), namun sebenarnya cerita ini sarat mengandungi nilai-nilai moral serta mesej yang baik seperti pengajaran, manfaat, iktibar dan peringatan. Seterusnya juga, pengarang cerita ini seringkali mengadaptasikan atau memasukkan sifat-sifat manusia untuk disuntik ke dalam watak binatang yang dikatakan sebagai simbolik kepada sifat-sifat tertentu seperti buaya untuk sifat khianat dan dusta seumpama dalam cerita *Tangisan Buaya* (*qissah dumu' al-tamasih*), kambing melambangkan sifat naif seumpama dalam cerita *Sembilan Ekor Biri-biri* (*qissah tis' na'jaat*), beruang pula disimbolkan kebodohan seumpama cerita *Beruang yang Menyelam* (*qissah al-dubb al-ghattas*) dan sebagainya.

Seterusnya watak binatang juga dikatakan terkandung dalam cerita-cerita yang berunsurkan keagamaan. Lantaran itu, maka lahirlah cerita-cerita binatang yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bertemakan keagamaan kerana binatang dalam cerita ini mewakili sastera dan agama serentak (al-Kilani, 1998: 80-81). Sebagai contoh yang paling jelas untuk menerangkan tema bagi cerita binatang yang berunsurkan keagamaan ini ialah melalui kisah-kisah yang berkaitan dengan haiwan yang terdapat dalam al-Quran dan kisah-kisah nabi (*qasas ambiya'*). Antaranya ialah kisah Nabi Sulaiman yang boleh berkomunikasi dengan pelbagai jenis binatang dan juga kisah Nabi Nuh yang telah dinaiki oleh binatang yang berpasang-pasang di dalam kapalnya. Selain itu juga, watak-watak binatang dalam cerita sebegini turut disandarkan kepada nama karekter atau individu tertentu seperti Unta Nabi Saleh (*Naqah Saleh*), Gagak Qabil dan Habil (*Qhurab Qabil wa Habil*), Serigala Nabi Yusuf (*Zi'b Yusuf*), Hudhud Nabi Sulaiman dan sebagainya. Pembaharuan dalam cerita-cerita binatang yang bertemakan keagamaan ini ialah penggunaan metode periwayatan cerita oleh binatang itu sendiri tanpa terkeluar daripada menyampaikan mesej peringatan dan pengetahuan yang hendak disampaikan kepada khalayak pendengar atau pembaca. Hal ini turut dipersetujui oleh Abdul Aziz Kamil (Abdul al-Tawwab Yusuf, 1992: 97) yang berpendapat bahawa;

> "...teknik penceritaan kisah Rasulullah S.A.W oleh watak-watak binatang, burung dan unsur-unsur semulajadi, bukanlah merupakan teknik baru dalam menyebarkan pengetahuan kepada golongan dewasa dan kanak-kanak, namun penulisan *sirah nabawiyyah* menggunakan teknik yang menarik ini menghasilkan pembaharuan dalam mendekatkan sastera kepada golongan kanak-kanak amnya".

Selain cerita binatang yang bertemakan keagamaan, terdapat juga cerita binatang yang bertemakan cerita rakyat (*al-hikayat al-sha'biyyah*). Seperti yang kita sedia maklum, cerita rakyat ialah cerita yang bersumberkan kepada hikayat-hikayat warisan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sesuatu bangsa yang diperturunkan daripada satu generasi ke satu generasi tanpa disandarkan kepada pengasasnya (Thu'aimah, 1998: 202). Bahkan itu, olahan dalam cerita rakyat dikatakan mampu membawa kepada signifikan tertentu. Misalnya, watak binatang yang diketengahkan dalam cerita-cerita sebegini adalah bertujuan untuk mengkritik golongan tertentu. Hal seumpama ini turut dibuktikan oleh Ismail Yusoff (2008: 9) seperti berikut;

> "Oleh sebab keadaan masyarakat pada masa dahulu tidak memungkinkan mereka mengkritik secara terbuka, maka mereka menyalurkan kritikan tersebut melalui cerita-cerita rakyat umumnya cerita binatang bertema cerita rakyat".

Selain itu, watak-watak binatang yang diketengahkan dalam cerita rakyat ini juga bertujuan untuk menghiburkan kanak-kanak secara amnya. Namun selain untuk memberi hiburan kepada kanak-kanak, penghasilan cerita binatang yang bertema cerita rakyat ini turut menyelitkan unsur pengajaran yang berguna menerusi jalan penceritanya. Sebagai contoh, dengan mendengar cerita-cerita yang indah-indah, ajaib dan berkesudahan dengan kejayaan (*happy ending*) dan berbentuk jenaka, pendengar atau pembaca akan merasa riang dan terhibur. Oleh itu, masyarakat dapat melupakan seketika tentang penderitaan, kekusutan dan ketegangan batin yang disebabkan oleh pekerjaan, kemiskinan, suasana liar di sekeliling mereka dan sebagainya. Malahan, bagi kanak-kanak mereka dapat mengasah daya imaginasi menerusi cerita-cerita binatang yang diketengahkan itu. Contohnya, melalui pembacaan atau penceritaan cerita *Itik yang Berwajah Hodoh* (*al-battah al-qabihah*) yang memiliki keperibadian yang mulia dan baik hati. Lantaran daripada cerita tersebut, keperibadian yang baik dan pembentukan tingkah laku kanak-kanak secara tidak langsung dapat dipengaruhi melalui cerita-cerita tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya ialah cerita binatang yang bertemakan cerita aksi atau superhero. Seperti yang kita ketahui, kanak-kanak seringkali dipengaruhi oleh ikon pilihan mereka sendiri. Kebiasaannya ikon-ikon ini dibentuk wataknya seperti perwira yang boleh menyelamatkan bumi daripada kejahatan. Antara elemen yang disuntik pada watak perwira tersebut telah diadaptasi daripada binatang-binatang tertentu dalam usaha untuk meraih minat golongan kanak-kanak. Justeru, watak yang mempunyai ciri kombinasi antara manusia dan binatang ini sangat mudah untuk kanak-kanak ingatinya.

Secara rumusannya, setelah pengkaji meneliti aspek tema yang terkandung dalam cerita binatang Melayu-Arab, maka pengkaji dapat menyatakan bahawa sememangnya cerita binatang Melayu dan Arab memiliki persamaan menerusi jalinan tema yang diketengahkan dalam cerita-cerita terbabit dan ajaran utama yang dipentingkan dalam cerita tersebut ialah nilai murni atau mesej pengajaran yang berguna kepada pendengar ataupun pembaca. Sehubungan itu, daripada keempat-empat tema yang dilihat terangkum dalam cerita binatang Melayu dan Arab, pengkaji mendapati hanya dua buah tema yang lebih cenderung digunakan oleh pengkarya dalam cerita bintang atau karya sastera kanak-kanak. Antara tema tersebut ialah cerita binatang bertema fantasi dan cerita binatang bertema keagamaan.

Walau bagaimanapun, bagi cerita binatang yang bertemakan cerita rakyat dan cerita aksi atau superhero, pengkaji mendapati bukanlah tema tersebut tidak digunakan langsung dalam cerita-cerita binatang atau karya sastera kanak-kanak tetapi kedua-kedua tema ini dilihat kurang diaplikasikan oleh pengkarya sastera kanak-kanak. Hal ini dikatakan kerana kedua-dua tema tersebut kurang diterima oleh pendengar atau pembaca di sebabkan tema terbabit dilihat berat dan tidak dapat berkembang dalam pemikiran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kanak-kanak. Seperti yang kita ketahui, lazimnya kanak-kanak suka kepada sesuatu yang dapat menarik hatinya untuk mendekati perkara tersebut. Sebagai contoh, kanak-kanak inginkan kebebasan dalam diri bagi melakukan sesuatu yang baru. Justeru, melalui kisah-kisah fantasi yang kadangkala melucukan dan penuh dengan aksi-aksi kembara yang dikatakan tidak masuk akal inilah yang menjadi jalan keluar bagi kanak-kanak tersebut. Bahkan itu juga, dilihat pengkarya sastera kanak-kanak lebih gemar menggunakan tema cerita fantasi dan cerita bertemakan keagamaan disebabkan kedua-dua tema ini banyak mengandungi unsur hiburan dan didaktik yang sangat berkesan. Sejajar dengan itu, dapat disimpulkan bahawa keempat-empat tema yang dinyatakan ini semamangnya menjadi pilihan utama bagi penglipur lara dan pengkarya sastera kanak-kanak dalam menghasilkan cerita-cerita binatang Melayu-Arab. Malah, melalui hasil analisis yang dilakukan oleh pengkaji terhadap keenam-enam buah cerita binatang Melayu-Arab yang menjadi pilihan dalam kajian ini, maka pengkaji menyimpulkan bahawa tiga buah cerita binatang Melayu iaitu cerita *Sang Kancil Mengira Buaya*, *Arnab dengan Kura-Kura* dan *Burung Gagak Mencari Air* adalah cerita binatang yang bertemakan cerita fantasi. Manakala tiga buah cerita binatang Arab iaitu cerita *Pengorbanan Ikan Nun*, *Lembu Betina yang Suci* dan *Tongkat Menjadi Ular* pula dapat dikategorikan sebagai cerita binatang yang bertemakan kepada cerita keagamaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.2 (ii) Plot Cerita Binatang Melayu dan Arab

Secara umumnya, plot adalah jalinan kepada sebab dan akibat yang menghubungkan kepada sesuatu peristiwa di dalam sesebuah cerita. Binaan plot pula terdiri daripada bahagian pengenalan, pertengahan dan pengakhiran. Seperti yang diketahui umum, cerita binatang ialah sebuah hasil sastera Melayu yang bercorak lisan dan mempunyai struktur plot yang agak berbeza di antara satu dengan yang lain walaupun ceritanya kelihatan sama. Hal ini terjadi kerana cerita tersebut disampaikan secara lisan dan dituturkan dalam suasana yang tertentu, maka berlakulah perubahan dari segi isi dan gaya persembahannya. Berdasarkan kepada beberapa buah cerita binatang yang telah dibukukan dan juga yang telah dirakam, ianya menunjukkan bahawa jalinan plotnya ringkas dan sederhana. Sehubungan itu, melalui struktur plot yang sederhana maka ianya dapat memudahkan pemahaman kepada orang yang mendengar atau membaca cerita tersebut amnya kanak-kanak. Lantaran itu, dalam cerita lisan terutamanya melibatkan cerita binatang, plotnya yang asal boleh dikategorikan kepada jenis plot yang kompleks yang mana pada tahap perkembangan di plot itu menunjukkan kronologi tetapi unsur-unsur penyelewengan atau deviasi seperti ironi, dilema dan seumpamanya lagi turut kelihatan dalam sesebuah cerita terbabit.

Sehubungan itu, untuk mengenalpasti struktur plot cerita binatang Melayu-Arab maka pengkaji cuba menganalisisnya dengan mengambil beberapa contoh cerita binatang yang telah pengkaji gunakan dalam kaedah pemerhatian iaitu cerita binatang Melayu (*Sang Kancil Mengira Buaya*, *Burung Gagak Mencari Air* dan *Kura-kura dan Arnab*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan cerita binatang Arab (*Pengorbanan Ikan Nun, Tongkat Menjadi Ular* dan *Lembu Betina yang Suci).*

(i) Cerita *Sang Kancil Mengira Buaya*

Seperti yang kita ketahui dalam cerita-cerita binatang Melayu, penggunaan watak Sang Kancil dilihat menjadi satu kegemaran bagi penglipur lara atau pengkarya sastera kanak-kanak tempatan. Hal ini terjadi kerana watak kancil dilihat lebih sinomin dengan sifat kepintaran seperti mana yang terdapat dalam fizikal (sifat) manusia itu sendiri. Hal ini dapat dibuktikan lagi melalui kenyataan Ismail Yusoff (2008: 19), seperti berikut;

> "Sang Kancil juga digambarkan sebagai seekor binatang yang bijak sehingga ia dilantik oleh Nabi Sulaiman menjadi Tok Hakim di rimba. Kepintarannya telah dapat mengadili masalah yang dihadapi oleh binatang dan manusia pada zaman Nabi Sulaiman. Perbuatan menipu dan memperdayakan mangsa-mangsanya adalah didorong oleh beberapa tujuan iaitu untuk keperluan dan kepentingan dirinya dan melepaskan diri daripada sebarang musuh".

Oleh itu, dalam cerita binatang Melayu penggunaan watak Sang Kancil adalah sebagai tokoh utama iaitu dilihat jalinan plotnya terus menggambarkan kepada masalah yang dihadapi oleh Sang Kancil dan bagaimana ia seterusnya berjaya menghadapi atau menyelesaikan masalah tersebut dengan menggunakan kepintarannya itu. Lantaran itu, untuk melihat bagaimana jalinan plot dalam cerita binatang Melayu, pengkaji memilih untuk menganalisis cerita *Sang Kancil Mengira Buaya.* Sebagai contohnya dapat kita lihat melalui gambaran jalinan plot cerita tersebut seperti berikut;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

'Suatu hari, kancil bersiar-siar ditepi sungai sambil menghirup udara segar dan melihat pemandangan yang indah di situ. Matanya asyik memerhatikan arus sungai dan tumbuh-tumbuhan yang menghijau di situ. Tiba-tiba kancil ternampak sebuah dusun buah-buahan di seberang sungai. Timbul keinginan dihatinya untuk memakan buah-buahan itu tetapi dia terfikir bagaimana untuk ia merentasi arus sungai yang luas dan deras itu. Tiba-tiba Kancil ternampak seekor buaya yang sedang berenang di dalam sungai dan akhirnya ia mendapat satu akal untuk menyeberangi sungai tersebut. Kemudian Kancil memanggil semua buaya yang ada di dalam sungai itu untuk membuat satu barisan. Kancil menyatakan ia telah diperintahkan oleh Raja Sulaiman untuk mengira kesemua buaya di situ kerana katanya Raja Sulaiman ingin memberikan daging percuma kepada semua buaya. Akhirnya Kancil mengira semua buaya tersebut sehingga ia tiba di seberang sungai. Kancil menyatakan ia sebenarnya berpura-pura mengira semua buaya itu supaya senang untuknya menyeberangi sungai. Maka Kancil dapat memakan buah-buahan yang masak ranum itu dengan hati yang gembira'.

(*Siri Kancil Bestari*, 2000: 1-15)

Melalui gambaran cerita *Sang Kancil Mengira Buaya* (seperti di atas), secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa penggunaan watak Sang Kancil adalah sebagai tokoh utama dalam cerita binatang Melayu yang dilihat mempunyai jalinan plot yang hampir sama dengan cerita-cerita Sang Kancil yang lain. Hal ini kerana plot bagi cerita *Sang Kancil Mengira Buaya* ini menceritakan terus kepada konflik yang dihadapi oleh watak utama dalam cerita ini iaitu Sang Kancil. Misalnya, di bahagian pengenalan diceritakan mengenai suasana dan keadaan tempat yang dihuni oleh watak utama dalam cerita ini. Selain itu turut digambarkan mengenai keinginan Sang Kancil untuk menyeberang sungai bagi mendapatkan makanan. Justeru, melalui penceritaan mengenai Sang Kancil itu sudah pasti kita (orang yang mendengar atau membaca cerita ini) akan meneka sama ada Sang Kancil berjaya ataupun tidak melepaskan diri ke seberang sungai bagi mendapatkan makanan yang diinginkannya itu. Hal ini dapat kita lihat melalui pergerakan watak Sang Kancil dan yang pastinya watak berkenaan adalah penggerak kepada plot yang seterusnya dalam cerita ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kemudiannya, jalinan cerita ini diperkembangkan pula dengan konflik yang dihadapi atau dilalui oleh Sang Kancil. Sebagai contoh, dilihat Sang Kancil cuba berfikir dan mencari idea untuk menyeberangi sungai terbabit. Persoalan dan konflik yang dihadapi oleh Sang Kancil berterusan apabila ia melihat arus sungai yang deras dan luas untuknya menyeberangi sungai tersebut. Sub-plot demi sub plot dikembangkan untuk menggambarkan watak Sang Kancil yang bijak dan pandai dalam menyelesaikan masalah yang terjadi ke atas dirinya.

Pada bahagian pertengahan cerita ini pula memperlihatkan mengenai Sang Kancil yang telah mendapat idea apabila ia terpandang seekor buaya di dalam sungai tersebut. Kemuncak klamiks bagi cerita ini ialah apabila Sang Kancil memanggil semua buaya yang ada di dalam sungai itu dan mengarahkan buaya-buaya tersebut supaya berbaris panjang sehingga ke tebing sungai. Melalui kemuncak klamiks dalam cerita ini, kita dapat mengandaikan pelbagai persoalan yang berlegar-legar di minda kita. Antara persoalannya; berjayakah kancil menipu buaya-buaya tersebut? adakah buaya akan mempercayai kesemua kata-kata kancil itu? mungkinkah kancil akan mati dimakan oleh buaya dan sebagainya.

Seterusnya di bahagian *ending* atau pengakhiran cerita ini pula menunjukan bahawa Sang Kancil berhasil memperdayakan buaya-buaya itu dengan mengira mereka semua sehingga Sang Kancil berjaya sampai di seberang sungai. Akhirnya Sang Kancil berjaya dan berhasil untuk makan buah-buahan yang terdapat di dusun tersebut.

Secara kesimpulannya, pengkaji mendapati plot dalam cerita ini mengikut kronologi dan terdapatnya perkembangan sub-plot demi sub-plot dengan memasukkan pelbagai konflik dan persoalan agar cerita ini menjadi menarik dan berkesan. Melalui

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peristiwa yang dinyatakan di dalam cerita ini secara jelasnya menggambarkan bagaimana Sang Kancil telah menggunakan akal fikirannya untuk menipu buaya bagi mendapatkan keperluan dan kemudahan ke atas dirinya. Oleh itu, pengkaji dapat menyatakan bahawa jalinan plot cerita ini adalah lebih ringkas dan sederhana iaitu bersesuaian dengan jiwa kanak-kanak itu sendiri. Hal ini turut dibuktikan melalui kata-kata Mc Kean (1971: 80-81) yang telah mengkaji struktur plot cerita binatang Melayu yang menggunakan tokoh Sang Kancil dan akhirnya beliau meringkaskan bahawa struktur plot cerita Sang Kancil adalah seperti berikut;

(i) Pengenalan cerita tentang penerangan alam sekitar yang berada dalam keadaan tenang dan damai.

(ii) Sang Kancil dan kawan-kawannya mula berhadapan dengan musuh-musuh yang lebih kuat darinya.

(iii) Sang K ancil membuat rancangan-rancangan untuk menipu musuh-musuhnya.

(iv) Musuh-musuh Sang Kancil menerima tindakan yang dibuatnya disebabkan oleh sifat tamak dan haloba.

(v) Keadaan alam sekitar yang kembali tenang dan aman seperti sediakala.

(ii) Cerita *Burung Gagak Mencari Air*

Selain dari penggunaan watak Sang Kancil yang menunjukkan struktur plot yang ringkas dan sederhana, penggunaan watak-watak lain juga turut menunjukkan struktur plot yang sedemikian. Misalnya, kita dapat lihat melalui cerita *Burung Gagak Mencari Air* yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

turut memperlihatkan struktur plot yang ringkas dan sederhana. Berikut adalah antara jalinan plot cerita tersebut;

'Suatu petang, seekor burung gagak terbang ke sana sini untuk mencari air. Cuaca pada hari itu sungguh panas kerana sudah lama hujan tidak turun. Burung gagak yang dahaga itu berasa sungguh kecewa kerana sudah beberapa hari ia terbang di merata-rata tempat untuk mencari air, namun sedikit air pun tidak kelihatan. Ia berasa sungguh letih dan tidak berdaya untuk terbang lagi. Burung gagak kemudiannya berhenti rehat di bawah sepohon pokok kerana tekaknya terasa amat kering. Tiba-tiba mata burung gagak ternampak sebuah jag kaca dan ia segera menghampiri jag kaca itu. Alangkah terkejutnya ia apabila melihat di dalam jag itu terdapatnya air. Gagak kemudiannya segera memasukkan paruhnya ke dalam jag itu untuk meminum air tersebut. Namun ia berasa kecewa kerana tidak dapat meminum air itu disebabkan terdapat sedikit air di dalam jag itu. Burung gagak cuba menolak jag itu bagi memecahkannya, namun ia tidak berdaya kerana jag itu terlalu berat. Burung gagak berfikir untuk mendapatkan idea dan ia terlihat batu-batu kecil yang tidak beberapa jauh dari situ. Ia akhirnya terbang berulang-alik bagi mengangkut batu-batu kecil dan dimasukkannya ke dalam jag itu. Lama-kelamaan paras air di dalam jag naik sehingga ke permukaan jag. Burung gagak berasa sungguh gembira kerana akhirnya ia dapat meminum air itu dengan sepuasnya'.

(Harjit Kaur, 2009: 2-9)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui jalinan plot cerita *Burung Gagak Mencari Air* seperti mana yang dinyatakan di atas, maka dapat dianalisiskan bahawa struktur plotnya ringkas dan sederhana kerana cerita ini dihasilkan adalah untuk diketengahkan kepada kanak-kanak. Sehubungan itu, jalinan plot dalam cerita ini memperlihatkan secara terus konflik yang dihadapi oleh 'burung gagak' selaku watak utama dalam cerita ini.

Dalam cerita ini dimulakan dengan pengenalan cerita yang menceritakan mengenai suasana dan keadaan sekeliling di dalam cerita tersebut. Malah, diperjelaskan juga dalam cerita ini mengenai cuaca panas yang sungguh panas sehingga menyebabkan tanah menjadi kering kontang dan tidak terdapat sebarang lopak air. Seterusnya, jalinan cerita diperkembangkan pula dengan konflik yang dilalui oleh 'burung gagak'. Di sini, diceritakan tentang konflik yang mana 'burung gagak' yang dahaga berasa sungguh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kecewa kerana sudah beberapa hari ia terbang di merata-rata tempat bagi mendapatkan air, namun sedikit air pun tidak kelihatan. Bahkan itu juga, persoalan dan konflik turut kelihatan pada jalinan cerita ini. Antaranya ialah konflik yang dihadapi oleh 'burung gagak' iaitu ia keletihan dan tidak berdaya untuk terbang lagi.

Selain itu, sub-plot demi sub-plot terus dilihat berkembang dengan menceritakan tentang tindakan 'burung gagak' untuk mencari dan mendapatkan air. Di bahagian pertengahan cerita pula digambarkan tentang konflik yang dihadapi 'burung gagak' apabila ia tiba-tiba ternampak sebuah jag kaca yang mengandungi air di dalamnya. Jalinan cerita di bahagian pertengahan ini terus diperlihatkan apabila 'burung gagak' memasukkan paruhnya ke dalam jag itu, namun ia tidak berjaya meminum air kerana terdapat sedikit air di bahagian bawah jag tersebut. Di sini, klimaks atau kemuncak kepada cerita ini dapat dilihat ialah usaha 'burung gagak' yang cuba menolak jag itu untuk dipecahnya, akhirnya tidak berkesampaian kerana 'burung gagak' tidak berdaya dan jag itu terlalu berat.

Di bahagian pengakhiran (*ending*) pula digambarkan usaha yang dilakukan oleh 'burung gagak' dengan berulang-alik mengangkut batu-batu yang berada di situ untuk dimasukkan ke dalam jag itu. Akhirnya usaha 'burung gagak' berhasil kerana paras air dalam jag kaca itu naik sehingga ke permukaan jag. 'Burung gagak' gembira kerana berjaya mendapatkan air dan ia minum air itu dengan perasaan puas.

Secara rumusannya, setelah pengkaji menganalisis kandungan cerita *Burung Gagak Mencari Air* ini, pengkaji mendapati plot atau struktur ceritanya ini sememangnya mengikut kronologi dan mudah untuk difahami oleh pendengar dan pembaca cerita ini umumnya golongan kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(iii) Cerita *Pengorbanan Ikan Nun*

Selain menganalisis struktur jalinan plot yang terdapat dalam cerita binatang Melayu, pengkaji juga menganalisis dua buah cerita binatang Arab yang dipetik menerusi al-Quran. Sama seperti cerita binatang Melayu, struktur jalinan plot bagi cerita-cerita binatang Arab dilihat sama dari segi isi dan gaya persembahannya, cuma yang membezakannya ialah cerita ini tidak mengalami tokok tambah seperti mana yang terdapat dalam cerita-cerita binatang lain. Hal ini kerana cerita binatang Arab dipetik menerusi kisah-kisah Nabi dan al-Quran.

Lantaran itu untuk menganalisis struktur plot dalam cerita binatang Arab, pengkaji memilih untuk menganalisis cerita *Pengorbanan Ikan Nun* dan cerita *Tongkat Menjadi Ular*. Seperti yang diketahui, cerita *Pengorbanan Ikan Nun* juga dikatakan memiliki jalinan plot yang sama seperti cerita-cerita binatang Melayu. Berikut adalah antara struktur jalinan plot bagi cerita *Pengorbanan Ikan Nun* (*Himpunan Kisah Haiwan Teladan dari al-Quran*, 2010: 66-80);

'Suatu hari, Nabi Yunus telah diutuskan oleh Allah S.W.T untuk pergi ke negeri Ninawa bagi menyebarkan ajaran-Nya. Pelbagai cara telah Nabi Yunus lakukan untuk mengajak penduduk negeri itu beriman kepada Allah S.W.T, namun segala usaha yang dilakukan oleh Nabi Yunus tidak berjaya. Lebih menyedihkan lagi apabila pengikut Nabi Yunus sendiri telah menganut agama menyembah berhala. Kemudiannya baginda meninggalkan negeri Ninawa dan menaiki sebuah kapal besar yang ingin belayar dari situ. Pada suatu hari, berlaku ribut taufan yang sungguh dahsyat. Kapten kapal telah mengarahkan semua penumpang membuang barang muatan ke laut. Namun kapal mereka masih terumbang-ambing dihempas gelombang. Kapten kapal juga mengarahkan agar salah seorang harus dibuang ke dalam lautan. Mereka semua membuat undian dan nama Nabi Yunus yang dipilih. Baginda reda dengan ketentuan Allah S.W.T dan terjun ke dalam lautan yang bergelora itu. Sebaik sahaja terjun, baginda telah diselamatkan oleh ikan Nun. Ikan Nun disuruh Allah S.W.T supaya menjaga Nabi Yunus dengan sebaik-baiknya sehingga ia terpaksa menahan lapar selama beberapa hari. Sepanjang berpuasa, ia mendengar Nabi Yunus yang berada di dalam perutnya sentiasa bertasbih memuji kebesaran Allah S.W.T. Pada hari keempat mereka berpuasa, ikan Nun akhirnya tiba di sebuah pulau yang indah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akhirnya perlahan-lahan ikan Nun membuka mulut seluas-luasnya supaya Nabi Yunus dapat keluar dan tidak tercedera'.

Setelah menganalisis struktur jalinan plot dalam cerita *Pengorbanan Ikan Nun*, pengkaji mendapati plotnya kompleks iaitu mengikut kronologi seperti adanya bahagian pengenalan, pertengahan dan pengakhiran. Di dalam cerita ini, dilihat pengenalan ceritanya ialah Nabi Yunus telah diutuskan oleh Allah S.W.T untuk pergi ke negeri Ninawa bagi menyebarkan ajaran agama Islam. Dinyatakan juga gambaran suasana penduduk negeri itu yang mengamalkan amalan menyembah berhala, suka berbuat jahat dan kehidupan mereka jauh terpesong daripada ajaran agama Islam.

Seterusnya jalinan plot diperkembangkan lagi dengan konflik yang dilalui oleh Nabi Yunus iaitu segala usaha yang dilakukan olehnya untuk menyebarkan agama Islam tidak berhasil kerana masyarakat di negeri itu menentang baginda. Selain itu, baginda merasakan dakwah yang disebarkannya itu tidak berhasil kerana pengikutnya sendiri telah menganut agama menyembah berhala.

Manakala jalinan plot pertengahan dalam cerita ini dilihat terjadi apabila Nabi Yunus lari meninggalkan negeri Ninawa. Dalam pada masa yang sama terdapatnya pelbagai persoalan atau konflik kecil yang terjadi ke atas Nabi Yunus akibat beliau engkar dengan amanah yang diutuskan oleh Allah S.W.T. Antara persoalan atau konflik yang terjadi ke atas Nabi Yunus seperti beginda terpaksa berjalan selama berminggu-minggu untuk keluar dari negeri Ninawa, baginda juga terpaksa menumpang kapal besar yang sedang bersiap-siap untuk belayar dan baginda juga turut dibuang dari kapal sewaktu ribut taufan berlaku dan sebagainya lagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya di bahagian pengakhiran (*ending*) pula menunjukkan kepada kita mengenai peringkat berakhirnya sesuatu masalah. Dalam cerita ini, diceritakan bahawa Nabi Yunus dengan reda telah terjun dari kapal kerana daripada ketiga-tiga undian yang dilakukan, nama Nabi Yunus adalah yang terpilih. Bahagian pengakhiran dalam cerita ini dapat dilihat bahawa Nabi Yunus telah diselamatkan oleh Ikan Nun yang diperintahkan oleh Allah S.W.T supaya menyelamatkan baginda daripada mati lemas. Dalam masa yang sama juga, Allah S.W.T turut menyuruh Ikan Nun supaya menjaga Nabi Yunus dengan sebaik-baiknya. Ikan Nun terpaksa menahan lapar dan ikut bersama berpuasa sebagai mana yang dilakukan oleh Nabi Yunus sewaktu berada di dalam perut Ikan Nun itu. Akhirnya Nabi Yunus keluar dari perut Ikan Nun setelah empat hari baginda berada di dalamnya. Baginda keluar dengan selamat dan tidak mengalami sebarang kecedaraan.

Apabila dibuat analisis antara cerita binatang Arab dan Melayu, secara keseluruhannya sememangnya struktur jalinan plot yang terkandung dalam kedua-dua cerita tersebut dilihat sama. Pada pendapat pengkaji, persamaan ini jelas kelihatan kerana jalinan plot yang terdapat dalam cerita binatang Melayu-Arab menunjukan plot yang dilihat terancang dan mengikut susunan kronologi. Hal ini berlaku kerana pengkarya atau penglipur lara cuba untuk memudahkan pendengar dan pembaca untuk menghayati cerita tersebut. Bahkan itu juga, melalui struktur jalinan plot yang ringkas dan sederhana ini mampu untuk menarik minat kanak-kanak untuk mendengar dan membacanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(iv) Cerita *Tongkat Menjadi Ular*

Seterusnya pengkaji turut menganalisis struktur jalinan cerita binatang Arab yang dipetik menerusi kisah Nabi Musa iaitu cerita *Tongkat Menjadi Ular*. Berikut adalah antara jalinan plot bagi cerita *Tongkat Menjadi Ular*;

Di Mesir, Raja Firaun dianggap sebagai seorang raja yang zalim dan mengaku dirinya adalah Tuhan. Beliau selalu menyeksa penduduknya yang ingkar dengan perintahnya. Pada suatu hari, seorang pemuda yang beriman kepada Allah S.W.T telah ditangkap dan dipacung kepalanya. Oleh itu, Allah S.W.T mengutuskan Nabi Musa supaya berjumpa dengan Raja Firaun. Raja Firaun menyuruh Nabi Musa menunjukan kekuasaan yang dimiliki oleh Allah S.W.T kepada mereka semua. Nabi Musa kemudiannya melemparkan tongkat yang dipegangnya di hadapan Raja Firaun. Dengan kuasa Allah S.W.T, tongkat itu akhirnya bertukar menjadi seekor ular yang besar. Raja Firaun masih tidak mahu mempercayai akan kekuasaan Allah S.W.T dan menuduh Nabi Musa adalah seorang ahli sihir. Beliau kemudiannya mencabar kehebatan Nabi Musa supaya berlawan dengan semua ahli sihir yang tersohor di negeri itu. Tibalah hari yang dinantikan oleh semua rakyat di negeri itu. Semua ahli sihir mencampakkan tali masing-masing dan bertukar menjadi ular-ular kecil yang melingkari bulatan padang di situ. Kemudiannya Nabi Musa pun mencampakkan tongkatnya itu dan bertukar menjadi seekor ular yang sangat besar. Ular besar itu pun memakan seekor demi seekor ular-ular kecil itu. Akhirnya semua rakyat yang menyaksikan kejadian itu mengakui akan kekuasaan dan kebesaran Allah S.W.T. Sejak kejadian itu ramai ahli sihir dan rakyat negeri itu telah beriman kepada Allah S.W.T dan ini telah membuatkan Raja Firaun marah kepada Nabi Musa. Beliau kemudianya memerintahkan para pengikutnya menangkap Nabi Musa untuk dibunuh. Akhirnya Raja Firaun dan pengikut-pengikutnya mati di dalam Laut Merah yang terbelah dua'.

(*Himpunan Kisah Haiwan Teladan dari al-Quran*, 2010: 82-96)

Hasil kajian yang diperolehi daripada analisis struktur plot cerita *Tongkat Menjadi Ular* yang dilakukan oleh pengkaji mendapati jalinan plotnya berbentuk kompleks iaitu mudah untuk difahami serta dihayati oleh semua khalayak pendengar dan pembaca. Hal ini dilihat kerana struktur jalinan plot dalam cerita ini mengikut kronologi seperti terdapatnya bahagian pengenalan, pertengahan cerita dan pengakhiran (*ending*). Sehubungan itu, dalam cerita *Tongkat Menjadi Ular* ini dilihat ceritanya terus

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menceritakan kepada konflik yang dihadapi oleh watak utama dalam cerita ini iaitu Nabi Musa yang menghadapi masalah untuk mengajak Raja Firaun dan masyarakatnya beriman kepada Allah S.W.T. Misalnya di bahagian pengenalan, diceritakan mengenai suasana dan corak pemerintahan Raja Firaun di Mesir. Malahan, digambarkan juga kejahatan yang dilakukan oleh Raja Firaun ke atas penduduk-penduduk di Mesir pada waktu itu. Dalam bahagian pengenalan ini turut dinyatakan mengenai utusan Allah S.W.T kepada Nabi Musa untuk menyebarkan ajaran agama Islam serta untuk menyedarkan Raja Firaun supaya beriman kepada Allah S.W.T. Oleh itu, melalui pengenalan cerita yang digambarkan di dalam cerita ini secara jelasnya menunjukkan kepada kita semua bahawa Nabi Musa adalah watak utama yang menggerakkan plot yang seterusnya dalam cerita ini.

Kemudiannya, jalinan plot dalam cerita ini diperkembangkan lagi dengan konflik yang dilalui oleh Nabi Musa untuk menyedarkan Raja Firaun dan penduduk-penduduk negerinya supaya berhenti daripada mengakui Raja Firaun sebagai Tuhan dan menyarankan agar mereka beriman kepada Allah S.W.T. Contoh yang jelas dapat dilihat dalam cerita ini ialah mengenai konflik yang dilalui oleh Nabi Musa apabila Raja Firaun meminta baginda menunjukkan bukti kebesaran dan keagungan yang dimiliki oleh Allah S.W.T. Lantaran itu, baginda telah melemparkan tongkat yang dipegangnya di hadapan Raja Firaun dan dengan kuasa Allah S.W.T maka tongkat itu pun bertukar menjadi seekor ular yang besar.

Sejajar dengan itu, sub-plot demi sub-plot telah diperkembangan dalam cerita ini untuk menggambarkan watak Nabi Musa yang menghadapi dan menangani konflik yang berlaku ke atasnya. Antara salah satu sub konflik yang berlaku ke atas Nabi Musa ialah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ketidakpercayaan Raja Firaun mengenai kebesaran dan keagungan Allah S.W.T. Bahkan itu juga, Raja Firaun turut menuduh Nabi Musa adalah seorang ahli sihir dan beliau turut mencabar baginda agar berlawan dengan kesemua ahli sihir yang tersohor di negeri itu. Di bahagian pertengahan cerita ini pula digambarkan mengenai pertarungan yang di adakan antara Nabi Musa dengan beberapa orang ahli sihir yang tersohor di dalam negeri itu. Dalam pertaruhan ini dilihat kesemua ahli-ahli sihir tersebut mencampakkan tali mereka yang akhirnya bertukar menjadi ular-ular kecil yang melingkari bulatan padang di situ. Kemudiannya giliran Nabi Musa pula mencampakkan tongkatnya dan tongkat itu pun bertukar menjadi seekor ular yang besar. Dalam pertaruhan ini, ular Nabi Musa akhirnya berjaya dengan mengalahkan ke semua ular-ular kecil ahli sihir terbabit.

Seterusnya di bahagian pengakhiran pula menunjukkan kepada kita bahawa peringkat berakhirnya sesuatu masalah yang dihadapi oleh watak utama itu sendiri. Justeru, dalam cerita ini dilihat penyelesaian masalah yang dihadapi oleh Nabi Musa ialah kepercayaan penduduk-penduduk di Mesir akan kekuasaan dan kebesaran Allah S.W.T. Lantaran daripada peristiwa itu, maka ramai rakyat di situ dan beberapa orang ahli sihir yang telah menemui Nabi Musa bagi menyatakan hasrat mereka untuk beriman kepada Allah S.W.T. Walau bagaimanapun Raja Firaun masih lagi tidak mahu bertaubat dan beliau menyarankan agar pengikutnya menangkap Nabi Musa. Akhirnya, Raja Firaun dan pengikut-pengikutnya mati lemas di dalam Laut Merah yang telah terbelah dua ketika mereka memburu Nabi Musa.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa secara keseluruhannya jalinan plot dalam cerita ini dilihat tidak jauh berbeza dengan cerita-cerita binatang lain khususnya cerita binatang Melayu. Pada pendapat pengkaji, persamaan yang jelas sekali

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dapat dilihat dalam struktur jalinan plot cerita ini dengan cerita-cerita lain ialah plotnya terancang dan mengikut kronologi. Bahkan itu juga, jalinan plot bagi kesemua cerita-cerita binatang Melayu-Arab dikatakan bersifat ringkas dan sederhana kerana ianya mudah untuk dihayati oleh pendengar dan pembaca, amnya kanak-kanak. Hal ini kerana cerita-cerita binatang dihasilkan adalah sebagai alat hiburan dan untuk menyampaikan mesej disebalik cerita-cerita tersebut. Contohnya, ajaran moral yang ditekankan di dalam cerita bintang seumpama cerita-cerita yang dianalisis oleh pengkaji (seperti di atas) yang mana menonjolkan ajaran moral seperti "budi perketi serta balasan baik terhadap setiap kebaikan dan balasan jahat terhadap setiap kejahatan yang dilakukan" (Harun Mat Piah, 2006: 105).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.2 (iii) Latar dalam Cerita Binatang Melayu dan Arab

Dalam cerita binatang tidak kira cerita binatang Melayu ataupun cerita binatang masyarakat lain, struktur latar yang digunakan dalam cerita tersebut adalah di sekitar rimba raya iaitu tempat binatang itu tinggal. Namun begitu, ada juga sesetengah cerita binatang yang dilihat tidak menggunakan struktur latar di sekitar rimba raya. Hal ini berlaku adalah di sebabkan untuk menyesuaikan isi cerita dengan struktur latar dalam cerita terbabit. Seperti yang kita sedia maklum, setiap cerita binatang mempunyai latar penceritaannya yang tersendiri mengikut episod-episod yang dikemukakan dalam cerita tersebut. Selain itu juga, penggunaan latar dalam cerita binatang ini pada kebiasaan dapat dilihat dalam tiga kategori iaitu;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(i) Dalam rimba yang luas.

(ii) Dalam rimba yang berhampiran dengan rumah manusia.

(iii) Dalam kediaman manusia sendiri.

(Asdi S. Dipodjojo, 1966: 43)

Kebiasaannya juga penggunaan latar-latar seperti yang dinyatakan di atas adalah bergantung kepada pemaparan watak dalam cerita binatang tersebut. Sebagai contoh, jika watak utamanya adalah binatang dengan binatang maka latarnya ialah rimba raya. Malah, jika watak dalam cerita itu lebih berkisarkan kepada watak binatang dengan manusia maka sudah tentu latarnya di kediaman manusia itu sendiri ataupun di rimba berhampiran dengan rumah manusia. Sebagai contoh dapat kita lihat dalam cerita-cerita binatang Melayu seperti cerita *Sang Kancil*, latarnya adalah berbagai-bagai mengikut sesuatu peristiwa yang berlaku seperti di tepi sungai, di tepi kampung, kebun, bawah pokok dan sebagainya. Hal ini dilihat bersesuaian dengan inti cerita yang hendak disampaikan itu.

Misalnya, dalam cerita *Sang Kancil Mengira Buaya* didapati latarnya ialah di tepi sungai iaitu terdapatnya dusun di seberang sungai iaitu tempat Sang Kancil mengidam untuk memakan buah-buahan yang terdapat di dusun itu. Selain itu, penggunaan latar dalam cerita-cerita binatang Arab juga dilihat ada sesetengahnya ceritanya berbeza sedikit latarnya berbanding dengan cerita binatang Melayu. Misalnya cerita *Pengorbanan Ikan Nun* yang memperlihatkan kepada kita bahawa struktur penggunaan latar bagi cerita tersebut lebih menampakkan kepada penggunaan latar di dalam lautan. Hal ini dikatakan berbeza penggunaan latar-latar bagi cerita binatang Melayu kerana isi ceritanya lebih berkisarkan kepada binatang dengan manusia tetapi penggunaan latar dalam cerita ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tidak didominasikan dengan latar kediaman manusia ataupun latar di rimba berhampiran dengan rumah manusia.

Secara keseluruhannya apabila pengkaji menganalisis struktur latar yang terdapat dalam cerita binatang, pengkaji dapat merumuskan bahawa struktur penggunaan latar dalam sesebuah cerita sebenarnya bergantung kepada isi cerita dan watak yang diketengahkan dalam cerita tersebut. Bahkan itu, penggunaan latar seperti latar rimba yang luas sebenarnya telah diperkecilkan menjadi latar di pinggir sungai, di hujung kampung, dalam gua dan sebagainya. Di sini, pengkaji dapat menyatakan bahawa pengecilan struktur penggunaan latar ini sebenarnya adalah untuk menjadikan cerita itu seolah-oleh *real* dan benar-benar hidup serta beraksi seperti mana di alam realiti. Malahan, pengecilan struktur penggunaan latar dalam sesebuah cerita binatang turut dilihat bertujuan untuk memberikan kesan kepuasan dan pembelajaran kepada pendengar dan pembaca amnya kanak-kanak. Hal ini kerana melalui pemaparan latar tempat yang dinyatakan dalam sesebuah cerita binatang mampu memberikan pendidikan yang tidak formal ke atas kanak-kanak tersebut. Misalnya, kanak-kanak secara tidak langsung akan dapat mengenali dan mengetahui tempat tinggal bagi seseekor binatang. Malah, menerusi pemaparan penggunaan latar yang berkesan juga mampu memberikan kesan kepuasan dalaman kepada kanak-kanak yang mendengar dan membaca sesebuah cerita binatang. Maksudnya di sini, kesan kepuasan itu diperolehi apabila penggunaan latar yang betul dan berkesan digunakan dalam cerita terbabit dan kanak-kanak akan mempercayai dan menganggap bahawa cerita yang mereka dengar atau baca itu adalah cerita yang benar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3 Fungsi-fungsi / Peranan Cerita Binatang Melayu-Arab Dalam Proses Pembelajaran Dan Pengajaran Kanak-kanak.


Di sini, pengkaji melakukan penganalisisan data dengan menganalisis fungsi-fungsi/peranan cerita binatang Melayu-Arab dalam proses pembelajaran dan pengajaran kanak-kanak melalui kaedah tinjauan kesusasteraan (rujukan perpustakaan) serta mengaitkannya dengan teori-teori yang dirasakan turut diaplikasi melalui perkara terbabit. Melalui kaedah penganalisisan data ini, ianya dapat berfungsi bagi menapis dan menilai keseluruhan data yang diperolehi dari kaedah-kaedah penyelidikan yang telah digunapakai seperti kaedah pemerhatian yang melibatkan proses pembelajaran dan pengajaran menerusi teknik penceritaan cerita-cerita binatang di Tadika Yayasan Islam Cawangan Chendering, Kuala Terengganu dan analisis kaedah temuramah yang merupakan kaedah penyelidikan utama bagi pengkaji. Di samping itu, data-data yang diperolehi dari kaedah tinjauan kesusasteraan (rujukan perpustakaan) dilihat berkepentingan dalam menambahkan lagi informasi dan maklumat bagi membolehkan kajian ilmiah ini sempurna dan lengkap.

Sebagaimana yang kita ketahui, masyarakat yang menghasilkan sesuatu karya baik karya sastera atau bukan sastera mempunyai tujuan-tujuan yang tertentu yang hendak disampaikan kepada ahli masyarakatnya. Dengan karya-karya yang dihasilkan itu, maka pengarang dapatlah menyatakan atau menyuarakan perasaan, keazaman, keinginan, pengalaman dan pengetahuan kepada khayalak masyarakat. Dalam karya-karya tradisional terutamanya sastera rakyat seperti cerita binatang, penglipurlara dan jenaka dilihat mempunyai tujuannya tersendiri untuk disampaikan kepada masyarakatnya. Jika ditinjau dengan lebih teliti terhadap sesuatu karya sastera, maka kita

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

akan mengetahui maksud yang tersirat disebalik penghasilan karya-karya tersebut. Hal ini dilihat tidak terkecuali dengan cerita binatang kerana ianya dicipta adalah untuk tujuan-tujuan yang tertentu misalnya (i) sebagai alat hiburan, (ii) untuk menyampaikan pengajaran dan didikan moral kepada masyarakat, (iii) sebagai media atau saluran kritikan atau sindiran sosial dan (iv) sebagai medium untuk mendekatkan serta membiaskan kanak-kanak dengan bahasa sastera dan untuk menerangkan sesuatu. Berikut adalah gambar rajah fungsi cerita binatang Melayu-Arab dan hasil analisis yang pengkaji dapati;



Rajah 4.3: Fungsi/Peranan Cerita Binatang Melayu-Arab

4.3.1 Cerita Binatang Sebagai Alat Hiburan

Secara umumnya, masyarakat dahulu mengamalkan corak hidup yang bercorak primitif dan berada pada zaman *feudal* iaitu pada waktu tersebut, mereka tidak mempunyai media untuk memberi hiburan kepada anggota masyarakat. Oleh itu, bagi memenuhi tujuan tersebut maka lahirlah cerita-cerita yang diciptakan dalam bentuk seni sastera untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menarik perhatian para pendengar pada waktu itu. Misalnya, menjadi kebiasaan kepada masyarakat Melayu pada zaman itu menghabiskan masa rehat mereka dengan mendengar cerita-cerita rakyat yang disampaikan secara lisan oleh pencerita atau tukang cerita. Kegiatan seumpama ini sering diadakan di sebelah malam sesudah mereka membanting tulang bekerja seharian di sawah ataupun di ladang. Oleh kerana pada waktu itu tidak banyak media hiburan seperti sekarang, maka cerita-cerita rakyat menjadi kegemaran masyarakat Melayu terutamanya kanak-kanak pada zaman tersebut. Cerita-cerita yang disampaikan adalah seperti cerita jenaka yang mengisahkan tentang berbagai-bagai kelucuan sehingga membuatkan masyarakat bergelak ketawa apabila mendengar cerita-cerita tersebut. Hal ini turut dipersetujui oleh Ismail Yusoff, (2008: 9) yang menyatakan bahawa "cerita rakyat Melayu yang dihasilkan pada zaman dahulu adalah untuk menghiburkan kepada masyarakat yang mendengarnya". Hal ini dapat dilihat apabila masyarakat sendiri gemarkan mendengar cerita-cerita yang indah-indah, ajaib serta berkesudahan dengan kebahagian (*happy ending*) dan berbentuk kelucuaan. Bagi masyarakat Melayu, apabila mendengar cerita-cerita yang membawa kepada *happy ending* dan berunsurkan jenaka, justeru secara tidak langsung membolehkan mereka berasa terhibur dan riang. Selain itu, mereka turut dapat melupakan seketika tentang penderitaan, kekusutan dan ketegangan batin yang disebabkan oleh kepenatan bekerja, kemiskinan, pemerasan pembesar negeri dan suasana liar di sekeliling mereka setelah dihiburkan dengan cerita-cerita tersebut. Hal ini dilihat tidak terlepas dalam tradisi masyarakat Arab yang turut menggunakan cerita-cerita (karya prosa) seumpama ini untuk diceritakan kepada khalayak masyarakatnya sebagai salah satu alat hiburan buat mereka pada waktu itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seperti yang kita sedia maklum, bangsa Arab merupakan salah satu bangsa yang kaya dengan pelbagai bentuk dan aspek kesusasteraan yang menyentuh bidang yang luas dan meliputi jangka masa yang agak panjang iaitu bermula dari zaman pra-Islam atau zaman Jahiliah sehinggalah sampai ke hari ini. Umumnya, jenis-jenis prosa yang wujud pada zaman Jahiliah adalah bercorak lisan. Bagi masyarakat Arab, cerita-cerita rakyat digolongkan dalam prosa zaman Jahiliah ialah satu hasil sastera yang bebas dan tidak terikat dengan ikatan-ikatan yang terdapat dalam puisi walaupun kadang kalanya terdapat unsur-unsur irama dalam karya-karya tersebut (Osman Haji Khalid, 1999: 92). Namun begitu, karya-karya prosa ini sebenarnya bergantung kepada fakta-fakta yang digambarkan secara benar dan betul daripada kisah-kisah yang berlaku pada tradisi zaman itu. Misalnya, kita dapat lihat melalui cerita-cerita binatang Arab. Cerita-cerita ini sebenarnya berkait rapat dengan kisah-kisah Nabi seperti yang termaktub dalam al-Quran. Maksudnya di sini, cerita-cerita ini sebenarnya telah mendapat tempat yang tertinggi dalam penghayatan kesusasteraan Arab, di samping menjadi alat hiburan kepada mereka bagi mengisi masa lapang.

Selain itu, cerita binatang juga tergolong dalam cerita-cerita rakyat yang sering diceritakan oleh penutur-penutur sebagai hiburan kepada masyarakat tidak kira masyarakat Melayu mahupun Arab. Cerita ini amat diminati tidak kira golongan tua mahupun golongan muda. Bentuknya yang ringkas dan sederhana adalah mudah untuk difahami isi yang terkandung di dalam cerita tersebut. Selain dari itu, cerita binatang juga mengandungi unsur-unsur humor yang dapat membuatkan pendengar ketawa dan sentiasa berada dalam keadaan riang, walaupun dalam cerita itu terdapat unsur sindiran yang tajam dan terkena pada diri manusia sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Malahan, ibubapa turut menggunakan cerita binatang untuk menghiburkan anak-anak mereka. Misalnya, sebagai mengisi masa lapang dan sambil berbual-bual meraka akan bercerita sama ada cerita binatang atau cerita-cerita yang lain. Namun begitu, cerita-cerita yang dikatakan sering menjadi bahan utama untuk ibubapa ceritakan kepada anak-anak mereka ialah cerita binatang. Hal ini kerana cerita binatang adalah sebuah cerita sangat menarik dan mampu menghiburkan kanak-kanak daripada kebosanan. Selain itu, ibu-ibu dilihat menggunakan cerita binatang ini bagi menidurkan anak-anaknya dengan dijadikan bahan untuk bercerita supaya mempercepatkan anak mereka melelapkan mata. Selalunya cerita yang disampaikan itu pendek dan dapat dinyanyikan sambil mereka menghayun buaian atau menepuk badan anak-anaknya (Fauziah Wan Jaafar, 2011). Selain untuk melelapkan atau menidurkan anak-anak, cerita ini juga dijadikan sebagai alat untuk menghiburkan dan mengelakkan kanak-kanak daripada menangis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, dikatakan juga bahawa cerita binatang digunakan oleh setiap masyarakat tidak kira masyarakat Melayu mahupun Arab sebagai hiburan di waktu atau semasa mereka sedang berkumpul beramai-ramai bagi menantikan sesuatu. Misalnya, menantikan hidangan diangkat dalam majlis kenduri, keramaian, majlis keagamaan dan menantikan kelahiran anak. Mereka berbuat demikian adalah untuk mengisi masa yang dinantikan supaya tidak timbul rasa bosan atau jemu, di samping untuk menghilangkan rasa hati yang resah dan gundah.

Selain itu, cerita binatang dikatakan berfungsi sebagai alat hiburan kerana ianya telah menjadi sebahagian dalam kehidupan masyarakat Melayu dan Arab sama ada dahulu ataupun kini. Namun begitu yang membezakan cerita ini ialah cara penyampaiannya kerana dalam masyarakat lama, ianya disampaikan secara lisan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

manakala pada masa kini, ianya telah dibukukan untuk dijadikan bahan bacaan mahupun dijadikan filem sebagai tontonan terutama kepada kanak-kanak. Hasil yang boleh diperolehi oleh masyarakat Melayu dengan menjadikan cerita binatang sebagai alat hiburan ialah;

(i) Cerita binatang Melayu-Arab memberi ketenangan dan kerehatan fikiran setelah penat bekerja seharian, dan
(ii) Cerita binatang ini juga dapat memberikan kepuasan intelektual melalui pemikiran yang terdapat di dalamnya dengan cara bentuk fantasi dan rekaan.

Hal ini turut dipersetujui oleh Hassan Mutalib (2011) dengan mengatakan;

> "Cerita binatang ini menarik kerana apabila membuat binatang boleh bercakap, boleh berfikir dan sebagainya ia dianggap sebagai alam fantasi. Kanak-kanak, budak kecil lebih kepada otak kanan. Oleh sebab itu mereka lebih suka elemen-elemen fantasi dan sebagainya. Sehingga sekarang kita nampak kebanyakan filem-filem *Disney* menggunakan watak binatang, bermakna watak binatang ini ada kaitannya. Binatang sebenarnya bukan lucu tetapi mengambil ciri-ciri manusia itu yang menunjukkan lucu. Jika ingin membuat kritikan ke atas seseorang tidak boleh dakwa."

Berbalik kepada hasil penganalisisan data mengenai fungsi cerita binatang Melayu-Arab, pengkaji mendapati kebenarannya bahawa cerita-cerita binatang Melayu-Arab yang dihasilkan itu sememangnya berfungsi sebagai alat hiburan kepada masyarakat yang mendengarnya sejak dari dahulu sehingga kini masih dikekalkan lagi. Hal ini turut dipersetujui oleh Fauziah Wan Jaafar (2011), melalui temuramah yang dibuat oleh pengkaji bersamanya. Baginya;

> "Pada pandangan saya, cerita binatang memang sebagai sumber hiburan umumnya kepada masyarakat Melayu. Sumber hiburan ini dilihat masih kekal walaupun cerita

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> binatang kini telah dimodenkan ke dalam pelbagai medium seperti buku bacaan kanak-kanak ataupun ke dalam filem animasi. Malah kisah kelucuan yang terselit dalam cerita-cerita ini lebih menonjol jika dibandingkan dengan cerita binatang yang ceritakan secara lisan. Bahkan kanak-kanak mudah menerima dan memahami cerita binatang yang dibukukan atau difilemkan."

Di sini, pengkaji mendapati fungsi cerita binatang Melayu-Arab sebagai alat hiburan telah diselitkan ke dalam cerita binatang Melayu-Arab yang pengkaji analisis. Oleh sebab itu, pengkaji cuba menganalisis fungsi cerita binatang Melayu-Arab melalui aspek hiburan yang dapat dilihat dari sudut **(i) isi, (ii) struktur** dan **(iii) gaya bahasa/dialog** yang terdapat dalam beberapa buah buku cerita yang telah pengkaji kaji.

Melalui kajian ke atas cerita binatang Melayu seperti *Sang Kancil Mengira Buaya, Gagak Mencari Air* dan *Arnab dan Kura-kura*, pengkaji mendapati ketiga-tiga buah cerita ini adalah tergolong dalam jenis cerita binatang yang berbentuk fabel teladan. Justeru, fungsi cerita binatang sebagai alat hiburan dilihat mengandungi persamaan dalam ketiga-tiga buah cerita binatang Melayu ini. Di sini, pengkaji menganalisis fungsi cerita binatang sebagai alat hiburan melalui **sudut isi** yang terdapat dalam ketiga-tiga cerita ini ialah dengan menonjolkan kepada isi teladan, unsur didaktik atau pendidikan moral. Hal ini kerana, ketiga-tiga cerita ini dikelompokan di bawah cerita fabel teladan. Melalui isi tauladan, unsur didaktik atau pendidikan moral maka fungsi cerita binatang sebagai alat hiburan dilihat membawa kepada tema yang berkaitan dengan budi pekerti, kasih sayang sesama manusia atau binatang, hubungan kekeluargaan dan sebagainya. Melalui isi ajaran tauladan, unsur didaktik atau pendidikan moral ini juga telah membawa kepada pengakhiran cerita yang membawa kepada kebahagian (*happy ending*). Seperti yang kita sedia maklum, kesemua cerita rakyat Melayu khususnya cerita binatang sememang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berakhir dengan *happy ending*. Hal ini kerana, jiwa dan perasaan pendengar yang mendengar cerita-cerita rakyat terutamanya masyarakat Melayu lama telah diserapkan dan diajar dari awal dengan corak cerita yang ringan dan berkesudahan dengan *happy ending*. Sebagai contoh, melalui cerita *Sang Kancil Mengira Buaya* dilihat isi ajaran utamanya yang dipentingkan ialah menggunakan akal fikiran dalam menangani sesuatu perkara yang akhirnya membawa kesenangan dan kebaikan dalam kehidupan. Di sini, cerita *Sang Kancil Mengira Buaya* memperlihatkan dengan jelas kepada kita bahawa Sang Kancil telah menggunakan akal fikirannya dengan menipu buaya bagi menyenangkan ianya menyeberangi sungai dan akhirnya ia berjaya menyeberangi sungai tersebut. Hal ini dilihat menyerupai dengan cerita *Gagak Mencari Air* iaitu gagak dengan bijak telah menggunakan akal fikirannya semata-mata ingin meminum air yang berada di dalam bekas air. Seterusnya dilihat isi ajaran utama dalam cerita *Arnab dengan Kura-kura* yang menonjolkan isi ajaran penekanan hubungan keakraban antara binatang dan jangan terlalu bersikap sombong serta bercakap besar. Dengan contoh yang jelas dapat dilihat melalui cerita *Arnab dan Kura-kura* yang memperlihatkan kepada kita sikap sombong Arnab terhadap binatang-binatang lain seperti kura-kuru telah menyebabkan dirinya malu dan kecewa atas perbuatan dirinya sendiri yang suka berlagak dan bercakap besar. Menerusi cerita ini, digambarkan juga kesan kebaikan dan sikap tidak mudah berputus asa yang ditonjolkan oleh kura-kura terhadap arnab, akhirnya berakhir dengan kemenangan bagi dirinya. Maksudnya di sini, nilai moral yang terkandung dalam cerita ini ialah; "ada kalanya lebih baik melakukan sesuatu kerja dengan perlahan dan sempurna, daripada cepat tetapi kelam-kabut" (Azwani Abd. Ghani, 2004: 16). Namun begitu, berbalik pula kepada cerita binatang Arab seperti cerita *Pengorbanan Ikan Nun*,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tongkat Menjadi Ular dan *Lembu Betina yang Suci*, kesudahan cerita ini membawa kepada *happy ending* tetapi yang membezakannya dengan cerita *Sang Kancil Mengira Buaya, Gagak Mencari Air* dan *Arnab dan Kura-kura* ialah dari sudut isi ceritanya. Bagi cerita binatang Arab seperti cerita *Pengorbanan Ikan Nun*, *Tongkat Menjadi Ular* dan *Lembu Betina yang Suci*, isi ceritanya menunjukkan kepada cerita binatang yang bertemakan fabel teladan iaitu keagamaan. Seperti yang kita ketahui, cerita-cerita binatang yang bertemakan keagaman ini ialah melalui kisah-kisah berkaitan dengan haiwan yang terdapat dalam al-Quran dan kisah-kisah nabi (*qasas ambiya'*) yang berakhir dengan nilai didaktik keagamaan di samping membawa kepada kebahagian *(happy ending)* bagi watak pelakunya. Sebagai contoh melalui cerita binatang Arab yang terkandung dalam kisah-kisah Nabi menunjukkan isi pengajaran atau keagamaan pada sifat keperibadian Nabi-nabi yang dikemukakan dan watak-watak binatang yang diketengahkan sehingga berakhir dengan *happy ending* kerana berjaya menyelesaikan masalah yang dihadapi. Misalnya, melalui cerita *Tongkat Menjadi Ular* yang menggambarkan *happy ending* di bahagian pengakhiran isi ceritanya kerana Nabi Musa A.S telah berjaya menewaskan Raja Firaun dan pengikut-pengikutnya yang enggan menerima agama Allah S.W.T. Oleh yang demikian, jelas menunjukkan fungsi cerita binatang sebagai alat hiburan yang terkandung dalam kesemua cerita binatang Melayu-Arab melalui aspek isi.

Seterusnya, pengkaji menganalisis fungsi cerita binatang Melayu-Arab sebagai alat hiburan mengikut **aspek struktur**. Cerita-cerita binatang Melayu-Arab yang berbentuk fabel teladan dan keagamaan seperti cerita *Sang Kancil Mengira Buaya, Gagak Mencari Air, Arnab dan Kura-kura, Pengorbanan Ikan Nun, Lembu Betina yang*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Suci dan *Tongkat Menjadi Ular* memperlihatka n struktur yang sederhana iaitu tidak berbelit-belit seperti cerita lipur lara. Hal ini dilihat kerana jalan ceritanya yang ringkas dan mudah diikuti serta difahami. Di sini, pengkaji mendapati fungsi cerita binatang sebagai alat hiburan mengikut aspek struktur kerana terdapatnya cerita-cerita yang indah-indah, ajaib dan unsur kebetulan yang diselitkan dalam cerita tersebut. Oleh yang demikian, pembaca dan pendengar yang mendengar cerita binatang ini berasa terhibur dan sekaligus membuatkan kanak-kanak senang untuk menerima struktur penceritaan cerita binatang yang banyak memasukkan unsur ajaib, unsur kebetulan dan sebagainya ke dalam cerita-cerita tersebut. Contoh yang jelas kelihatan menerusi cerita binatang Melayu yang memaparkan tentang binatang dalam cerita tersebut semuanya berkata-kata dan berperwatakan seumpama manusia. Di sini, secara realitinya tidak ada satu haiwan pun yang boleh bercakap di alam yang nyata, namun dengan pemaparan cerita ini menyebabkan struktur penceritaan dalam cerita ini menjadi lebih menarik dan menjadikan satu alat hiburan kepada masyarakat Melayu setelah mendengar dan membaca cerita ini dan dengan senang hati kanak-kanak dapat menerima struktur penceritaan itu. Hal seumpama ini turut dipersetujui oleh Hassan Mutalib dalam sesi temuramah yang pengkaji jalankan (15 Februari 2011), dengan menyatakan bahawa;

> "...orang Melayu boleh menikmati makanan Barat tetapi bangsa Inggeris tidak boleh makan sambal belacan. Samalah juga dengan cerita-cerita binatang Melayu. Anggaplah ia seperti sambal belacan. Jikalau bangsa Inggeris tidak boleh menerima cerita itu tetapi orang Melayu amnya kanak-kanak amat menyukainya".

Selain itu, dalam cerita-cerita binatang Arab pula dilihat memaparkan unsur mukjizat dan unsur-unsur kebetulan yang diselitkan dalam cerita ini adalah untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mencantikkan serta menyempurnakan lagi struktur penceritaannya. Contohnya, menerusi cerita *Pengorbanan Ikan Nun*, dapat kita saksikan unsur kebetulan yang digambarkan adalah sewaktu undian dilakukan bagi mencampakkan salah seorang ke dalam laut maka nama Nabi Yunus A.S telah dipilih. Bahkan itu juga, unsur kebetulan terus dilihat selepas sahaja Nabi Yunus A.S dicampakkan lalu datang seekor ikan Nun yang besar telah menelan Nabi Yunus. Di sini, unsur kebetulan yang terjadi ke atas Nabi Yunus yang akhirnya telah menyelamatkan dirinya daripada mati lemas. Malahan daripada kisah itu juga telah menunjukkan satu tanda kebesaran kepada Allah S.W.T yang telah mencipta sekalian mahkluk di dunia ini bahkan itu turut memberikan pengajaran kepada kita semua agar mencontohi pengorbanan ikan Nun serta budi perketi Nabi Yunus A.S. Oleh itu, melalui pemaparan cerita tersebut menyebabkan struktur penceritaan dalam cerita ini berkembang dan dapat diterima oleh kanak-kanak Arab mahupun Melayu serta menganggap ianya sebagai satu alat hiburan yang mana melalui cerita ini, kanak-kanak berasa senang hati dan terhibur apabila mengetahui Nabi Yunus terselamat dari bencana tersebut.

Sehubungan itu juga, fungsi cerita binatang Melayu-Arab sebagai alat hiburan dilihat melalui **aspek gaya bahasa atau dialog** yang diketengahkan dalam cerita-cerita binatang terutama cerita yang dipilih oleh pengkaji untuk dianalisis. Gaya bahasa atau dialog di dalam cerita binatang Melayu-Arab yang bercorak fabel teladan terutamanya cerita *Sang Kancil, Gagak Mencari Air* dan *Arnab dan Kura-kura* dikatakan menggunakan gaya bahasa atau dialog Melayu klasik (apabila dilisankan oleh tukang cerita) atau bahasa Melayu moden (di dalam buku-buku kanak-kanak masa kini) dan penyampaiannya dalam bentuk pertuturan seharian masyarakat Melayu serta diselitkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

juga dialog yang berbentuk puisi dan berlagu. Misalnya, dalam cerita-cerita binatang Melayu mempunyai kalimat awal dan kalimat akhir yang bersifat *klise*. Contohnya, di permulaan cerita ini ada kalimat awal iaitu seperti "*pada suatu masa dahulu*", "*tersebutlah kisah*" dan sebagainya sambil diungkapkan dalam bentuk berlagu. Contoh yang jelas dapat kita saksikan menerusi cerita *Sang Kancil Mengira Buaya* yang menggunakan gaya bahasa atau dialog berlagu seperti berikut; "*Satu, dua, tiga, letuk... kepala buaya kena ketuk; empat, lima, enam, letuk... jantan betina habis kuketuk!*" dan sebagainya lagi. Oleh itu, gaya bahasa dan dialog yang berbentuk bahasa pertuturan seharian masyarakat Melayu seperti puisi serta dialog yang berlagu turut diselitkan dalam cerita binatang Melayu yang lain kerana apabila dimasukkan bentuk puisi dan dialog yang berlagu, maka dengan cara ini ianya dapat menghilangkan kebosanan kepada penonton atau pendengar cerita binatang itu dan juga dapat menimbulkan kesan yang menyeronokkan. Hal ini amat sesuai sekali dengan fungsi cerita binatang iaitu sebagai alat hiburan.

Seterusnya, gaya bahasa dan dialog dalam cerita binatang Arab yang bercorak keagamaan seperti cerita *Pengorbanan Ikan Nun, Lembu Betina yang Suci* dan *Tongkat Menjadi Ular* menunjukkan tiadanya gaya bahasa tertentu yang digunakan dalam menyampaikan cerita-cerita tersebut. Hal ini kerana cerita binatang Arab yang bercorak keagamaan ini dapat dituturkan dan disampaikan oleh sesiapa sahaja kerana penyampaiannya dalam bentuk pertuturan seharian dan bermatlamat untuk menyebarkan unsur-unsur agama. Mungkin sahaja dalam beberapa cerita tertentu terdapat ungkapan-ungkapan tertentu bagi menimbulkan kesan kelucuan dan ungkapan yang sebegini biasanya mudah diingati. Misalnya menerusi cerita *Lembu Betina yang Suci,* pengkaji

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendapati gaya bahasa dan dialog dalam cerita ini menggunakan 100 peratus bahasa Arab (terkandung dalam al-Quran) dan bahasa Melayu moden (dalam buku cerita binatang yang dimodenkan). Selain itu juga, dalam cerita ini turut mempunyai kalimat awal dan kalimat akhir yang bersifat *klise*. Contohnya di permulaan cerita ada kalimat awal seperti "*Ini satu cerita sungguh luar biasa", "Tersebutlah satu kisah*" "*al-Kisah*" dan sebagainya lagi sambil diungkapkan dalam bentuk berlagu. Dengan menggunakan gaya bahasa dan dialog dari bahasa Arab dan bahasa Melayu dalam cerita-cerita seumpama ini, maka ianya dilihat mampu memberikan sumber hiburan kepada pendengar ataupun pembaca kerana pembaca dan penonton tidak akan berasa bosan semasa menyaksikannya atau mendengarnya. Malahan, melalui cerita-cerita binatang sebegini juga mudah untuk seseorang itu memahami cerita-cerita tersebut tidak kira masyarakat Arab mahupun Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.2 Cerita Binatang Sebagai Menyampaikan Pengajaran dan Didikan Moral.

Seperti yang diketahui, kesusasteraan merupakan satu cara yang mudah dan universal untuk mendidik manusia. Oleh kerana kesusasteraan berkait dengan cerita dan manusia pula suka kepada cerita, jadi pendidikan dapat diberikan dengan mudah dan berkesan melalui karya-karya kesusasteraan tidak kira Melayu mahupun Arab. Cerita-cerita yang mengandungi nilai moral dan unsur pengajaran dapat mengajar manusia agar mencontohi watak-watak yang terdapat dalam sesuatu cerita itu khususnya cerita binatang. Hanya melalui cerita, tingkah laku benda hidup seperti manusia dan haiwan dapat digambarkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan meluas dan terperinci. Gambaran perbuatan dan tingkah laku inilah yang dapat dicontohi dan diikuti oleh pembaca dan pendengar. Sejak dahulu lagi, masyarakat Melayu dan Arab mendidik anak-anak mereka melalui cerita rakyat iaitu kisah dari cerita-cerita binatang yang disampaikan pada waktu-waktu yang terluang atau sebelum tidur. Cerita-cerita binatang ini kadangkala cuma rekaan semata-mata dan kadangkala merupakan cerita yang pernah didengar. Melalui cerita binatang, ibubapa cuba memberi nasihat kepada anak-anak mereka agar menjauhi tingkah laku yang buruk dan menjadikan watak dalam cerita tersebut sebagai teladan. Amalan atau tradisi ini sungguh berkesan sehingga lahirlah karya-karya sastera yang memuatkan unsur-unsur pengajaran dan didikan moral di dalamnya.

Hakikatnya, cerita-cerita binatang dilihat menjadi media pendidikan bagi masyarakat Melayu dan Arab yang tidak dapat dinafikan lagi. Pada zaman berkenaan tiada lagi institusi pendidikan yang formal, selain terdidik daripada pengalaman sendiri, masyarakat pada waktu itu juga menimba ilmu pengetahuan dengan mendengar cerita dan pengalaman orang lain dalam kelompok komuniti yang sama atau dari kelompok asing. Sebagai media yang dapat mendekati masyarakat di seluruh pelusok lingkungan tertentu, karya-karya sastera terutama cerita-cerita rakyat dapat memainkan peranan dengan berkesan untuk menyampaikan maklumat tentang peristiwa dan kejadian serta menyampaikan amanat-amanat berkaitan dengan nilai dan moral. Oleh sebab sistem komunikasi belum berkembang pada waktu itu, hanya melalui karya-karya sastera sahaja masyarakat dapat didedahkan dengan kesedaran tentang nilai dan norma yang mereka harus dukung bersama demi mempertahankan ukhuwah kelompok masing-masing. Justeru, cerita-cerita binatang seperti fabel teladan dan keagamaan misalnya, banyak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengandungi unsur pengajaran atau pendidikan di dalamnya. Unsur pendidikan itu disampaikan secara tersurat atau tersirat melalui watak-watak yang terdapat dalam cerita berkenaan.

Dalam sistem pendidikan baik secara formal mahupun secara informal, cerita-cerita binatang telah digunakan secara meluas dan lumrah. Hal ini kerana bagi seseorang yang ingin mendapatkan pelajaran, beliau tidak hanya memperolehinya melalui pendidikan yang secara formal tetapi ianya juga boleh diperolehi secara informal. Seperti yang kita sedia maklum, dalam masyarakat lama sistem pendidikan seperti sekolah, maktab dan universiti masih belum berkembang la gi pada saat itu. Malahan, sistem pendidikan untuk anak-anak dan masyarakat pada waktu itu juga dikatakan tidak formal iaitu melalui teknik penceritaan yang disampaikan oleh tukang cerita (penglipur lara) yang terkenal dan ianya dianggap sebagai guru yang pertama dan terakhir bagi masyarakat pada masa itu. Cara bercerita ini juga dianggap sebagai cara yang paling idea untuk menyampaikan pelajaran kerana manusia tidak pernah jemu untuk mendengar cerita. Menurut Hashim Awang (1984: 15), "penceritaan adalah cara yang paling universal dan paling mudah untuk mengajar manusia".

Memang tidak dapat disangkalkan lagi bahawa cerita binatang adalah sebuah cerita yang dapat mendidik kanak-kanak kerana dalam setiap ceritanya terutamanya cerita berbentuk fabel banyak menyelitkan unsur-unsur nasihat, petunjuk dan pengajaran yang amat mendalam. Walaupun watak-watak yang digunakan itu adalah binatang, namun segala isi tersirat di dalamnya adalah ditujukan kepada manusia. Kebenaran falsafah yang dijalinkan secara halus menerusi cerita-cerita ini menjadikan unsur didaktik untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

difikirkan dan diambil manfaat oleh setiap masyarakat yang mendengarnya atau membacanya.

Pada umumnya, cerita binatang atau sastera kanak-kanak diterima dan diharapkan dapat berfungsi sebagai alat pendidikan dan juga hiburan untuk kanak-kanak. Bagi Eleanor Estes (1973: 215) yang menerangkan bahawa buku atau cerita kanak-kanak yang baik ialah buku atau cerita yang dapat;

> "...menyebabkan seorang kanak-kanak ketawa atau menangis, menjadikannya berasa beberapa emosi, menyebabkan ia berasa ingin keluar untuk membetulkan kejahatan dunia, untuk mencapai sesuatu yang mulia; mencetuskan hubungan perasaan di jiwanya dengan pemikiran, tulisan dan tindakan mulia dan unggul ahli fikir; menimbulkan perasaan kasihan terhadap golongan yang tidak bernasib baik dan yang berduka; menimbulkan kesedaran bahawa apa yang ia fikirkan, tuturkan dan lakukan, turut menyumbangkan rasa persefahaman sesama manusia dan bertegas bahawa orang ramai perlu bersifat baik dan murah hati".

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tegasnya lagi, cerita binatang atau sastera kanak-kanak juga dapat memberikan kepuasan dan pengucapan ria dan baik, inspirasi, kesedaran diri dan meningkatkan kebijaksanaan seseorang kanak-kanak.

Malah, di kalangan masyarakat Melayu dan Arab, penggunaan cerita binatang sebagai alat pengajaran telah berkembang dengan luas sejak dari dahulu lagi. Misalnya, di istana-istana raja-raja Melayu, cerita-cerita ini dicipta adalah untuk mengajar anak-anak pembesar dan anak raja yang dirasakan sukar untuk diajar cara biasa. Begitu juga bagi kalangan rakyat biasa, mereka menggunakan cerita binatang untuk mengajar ajaran moral kepada anak-anak mereka. Ajaran-ajaran ini agak sukar untuk diterangkan dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

cara biasa tetapi dengan bercerita secara perlahan-lahan akan mempengaruhi pemikiran kanak-kanak.

Secara umumnya, kanak-kanak merupakan golongan yang paling gemar mendengar cerita-cerita binatang. Hal ini kerana cerita-cerita ini dilihat amat ringkas dan sederhana serta memudahkan pemahaman isi yang terkandung di dalamnya. Oleh sebab itulah, ibubapa menggunakan cerita binatang ini untuk menyampaikan petunjuk dan nasihat yang berguna di samping memberikan keseronokan kepada anak-anak mereka. Selalunya apa yang diceritakan oleh ibubapa itu akan mudah diterima oleh kanak-kanak, sekaligus setiap cerita yang disampaikan itu dapat memberikan kesan yang mendalam ke dalam jiwa kanak-kanak tersebut. Malahan, pendidikan yang dapat disampaikan melalui cerita binatang ini adalah berbagai-bagai, misalnya untuk mengajar supaya seseorang itu tidak bersikap sombong dan tamak boleh kita dapatinya melalui cerita *Anjing Dengan Bayang-bayang* dan *Arnab dengan Kura-kura.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, dalam sistem pembelajaran di sekolah-sekolah khasnya tadika atau pra sekolah, penekanan tentang didikan moral dan akhlak juga dilihat digunakan menerusi cerita binatang sebagai alat untuk menyampaikan unsur-unsur pengajaran terbabit. Selalunya, cerita-cerita ini disampaikan oleh guru-guru atau melalui pembacaan kanak-kanak terhadap buku-buku cerita yang dijadikan bahan bacaan wajib di sekolah. Misalnya dalam Kurikulum Sekolah Tadika Yayasan Islam Cawangan Chendering, Kuala Terengganu (tempat pengkaji menjalankan pemerhatian) mendapati salah satu teknik pembelajaran dan pengajaran di sekolah berkenaan ialah melalui teknik bercerita dengan menggunakan cerita-cerita binatang. Malahan itu juga, bahan-bahan bacaan yang terdapat di perpustakaan tidak kira perpustakaan sekolah mahupun negeri mendapati sebilangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

besar buku-buku yang banyak terdapat dan gemar digunakan kanak-kanak ialah cerita binatang. Hal ini turut diperkuatkan lagi berdasarkan kajian yang dilakukan ke atas beberapa pekerja Perpustakaan Awam Negeri Terengganu dengan mengatakan sebahagian besar buku-buku bacaan yang sering kali dipinjam dan menjadi bahan bacaan utama kanak-kanak di situ ialah buku-buku fiksyen kanak-kanak termasuklah cerita binatang (Fauziah Wan Jaafar, 6 Februari 2011). Oleh yang demikian, ini menunjukkan bahawa cerita binatang telah digunakan dengan meluas untuk pendidikan kanak-kanak di sekolah.

Setelah pengkaji menganalisis cerita-cerita binatang Melayu-Arab, maka dapat dikatakan bahawa unsur-unsur pengajaran yang tersirat melalui cerita-cerita ini dapat kita hayatinya menerusi beberapa contoh pengajaran yang terkandung dalamnya. Berikut adalah antara hasil analisis yang diperolehi berdasarkan cerita binatang yang terdapat dalam masyarakat Melayu-Arab;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(i) Kecerdikan – Dalam cerita binatang yang berpokokkan kecerdikan ini diceritakan mengenai seekor binatang yang pada umumnya tidak termasuk binatang yang lebih kuat tubuhnya. Antara contoh binatang yang memiliki kecerdikan ialah Kancil. Seperti yang kita ketahui Kancil ialah sesekor binatang yang kecil dan licik berbanding dengan binatang-binatang lain. Malah, Sang Kancil dikenali dan dianggap sebagai seekor binatang yang popular dalam masyarakat Melayu. Kepintarannya dapat mengalahkan binatang yang lebih kuat darinya memberikan gambaran kepada masyarakat bahawa melalui kebijaksanaan dan kepintaran maka seseorang yang lemah pun pasti atau boleh mengalahkan musuhnya yang lebih kuat jika ia menggunakan akal dan fikirannya itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Malahan, cerita yang membawa unsur seumpama ini juga dapat kita hayatinya melalui cerita *Sang Kancil Mengira Buaya*, *Sang Kancil Menipu Harimau* dan sebagainya lagi.

(ii) Menggunakan Akal – Cerita binatang yang membaca pemikiran yang berbentuk ini seringkali menyuruh seseorang itu mengambil pengajaran dengan berusaha dan berfikir untuk mendapatkan sesuatu. Malahan, dengan adanya usaha yang sebegini maka sesuatu perkata itu atau segala impian yang dihajati itu dapat dicapai. Misalnya, melalui cerita *Burung Gagak Mencari Air*. Cerita ini memberikan gambaran di mana sewaktu gagak hendak meminum air yang terdapat dalam bekas yang panjang, ianya telah berfikir bagaimana caranya untuk ia dapat minum air berkenaan dengan menggunakan paruhnya yang kecil dan muncung itu. Setelah gagak menggunakan fikirannya akhirnya ia mendapat idea dengan berusaha memasukkan batu ke dalam bekas air tersebut sehingga ia berjaya memimum air itu sepuas-puasnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

(iii) Kerukunan – Pada sesetengah cerita binatang, digambarkan mengenai kehidupan haiwan yang berada dalam rukun, aman dan damai, tolong menolong antara satu sama lain, bekerjasama dan lain-lain lagi. Misalnya, kita dapat saksikan mengenai cerita *Semut Dengan Burung Pipit.* Cerita ini berkisahkan mengenai seekor pipit yang berada dalam bahaya apabila ada pemburu hendak menembaknya. Akhirnya semut menjadi menyelamat kepada pipit dengan menggigit kaki pemburu itu. Namun begitu, sikap kerununan antara pipit dan semut bukan dilihat menerusi kisah itu sahaja namun digambarkan juga mengenai peristiwa di mana bila semut terapung dalam kolam, pipit telah menjatuhkan sehelai daun untuk dinaiki semut dan kemudiannya pipit menerbangkan daun itu ke tempat yang selamat. Sehubungan itu, cerita-cerita binatang lain yang turut memberikan gambaran kerununan seperti cerita *Semut dengan Burung*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pipit dapat dihayati melalui cerita binatang seumpama *Lembu Betina yang Suci*, *Monyet dan Gajah*, *Pengorbanan Ikan Nun, Jasa Burung Pipit* dan sebagainya lagi.

(iv) Kejahatan – Selain itu, terdapat juga sebahagian dari cerita binatang yang memberikan gambaran tentang pelbagai sifat jahat yang dimiliki oleh pelakunya. Sifat-sifat jahat seperti dengki, sombong, ingin mencelakakan kawan dan lain-lain. Selalunya dalam setiap cerita yang berbentuk sebegini mampu memberikan pengajaran bahawa segala sifat yang buruk itu akan membawa celaka atau bencana kepada diri sendiri. Misalnya, kita dapat saksikan menerusi cerita fabel yang terkenal dalam masyarakat Melayu iaitu cerita *Anjing dengan Bayang-bayang, Arnab dan Kura-kura*, *Kelawar yang Sombong* dan sebagainya. Malah, dalam ceita binatang Arab pula turut memberikan gambaran kisah kejahatan yang dilakukan oleh watak-watak pelakunya, misalnya menerusi cerita *Cicak yang Jahat*, *Orang yang Tidak Beriman Menjadi Beruk* dan lain-lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara rumusannya, dapat dikatakan bahawa dengan menggunakan watak-watak binatang dalam cerita-cerita sebeginilah yang memberikan pengajaran moral dan akhlak kepada kanak-kanak dan masyarakat. Moralisasi yang dimainkan oleh binatang yang pandai berbicara dan bertingkahlaku seperti manusia ini dibuat atau dihasilkan supaya orang yang mendengarnya dan membacanya dapat mengambil ikhtibar atau pengajaran di samping menjadi alat hiburan kepada masyarakat. Pengajaran yang diselitkan dan disembunyikan dalam cerita-cerita binatang ini meemerlukan pemikiran dan penelitian maka barulah dapat kita fahaminya. Hal ini seumpama dengan cara mendidik anak-anak yang selari dengan konsep kritikan masyarakat Melayu iaitu seperti pepatah, "menarik rambut dalam tepung, rambut tidak putus dan tepung tidak berselerak". Justeru, dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memaparkan cerita-cerita binatang yang memperlihatkan unsur-unsur pengajaran yang baik dan sebaliknya maka fungsi cerita binatang sebagai menyampaikan pengajaran dan didikan moral kepada masyarakat umumnya kanak-kanak dapat disampaikan dengan lebih cepat dan mudah difahami serta diterima oleh seluruh masyarakat tidak kira Melayu mahupun Arab.

4.3.3 Cerita Binatang Sebagai Media/Saluran Kritikan/Sindiran Sosial

Secara umumnya, masyarakat Melayu-Arab kaya dengan nilai budi dan kesopanan yang tetap dipertahankan nilai ini walaupun telah dipengaruhi oleh budaya luar. Dengan ketinggian nilai budi inilah maka terdapatnya ungkapan-ungkapan yang tersendiri yang digunakan untuk memperkatakan sesuatu secara halus kepada khalayak masyarakat. Selalunya, manusia takut untuk mengemukakan sebarang persoalan, pemberitahuan yang kurang elok dengan cara disampaikan secara langsung tetapi bagi masyarakat Melayu-Arab, mereka menyampaikan sesuatu kritikan itu dengan cara mengisyaratkan atau berselindung supaya ianya tidak menyinggong perasaan atau melukakan hati seseorang.

Begitulah yang terjadi dengan cerita binatang, selain dari memberi didikan dan hiburan, ianya juga dikatakan berguna untuk menyampaikan sindiran dan kritikan sama ada kepada seseorang ataupun kepada khalayak masyarakat seluruhnya. Secara umumnya, cerita binatang dikatakan sebagai media atau saluran kritikan kepada golongan tertentu seperti raja, pembesar-pembesar dan orang yang berkuasa ataupun masyarakat Melayu-Arab sendiri kerana seperti yang kita sedia maklum, pada masa dahulu tiada lagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

media atau tempat yang membolehkan masyarakat berhibur dan menyampaikan rasa tidak puas hati mereka terhadap pemerintah. Oleh itu, melalui cerita-cerita binatang yang dihasilkan atau diciptakan itu sahajalah dijadikan tempat untuk menyalurkan kisah-kisah mengenai keperihal pemerintah yang berlaku tidak adil terhadap masyarakat, pemerintah yang sombong, kejam, zalim dan sebagainya lagi. Hal seumpama ini dilakukan kerana masyarakat pada masa itu tidak dapat dan tidak dibolehkan mengkritik golongan pemerintah secara terbuka.

Sehubungan itu juga, dalam cerita binatang terdapatnya unsur satira yang sering digunakan untuk menyampaikan mesej iaitu berbentuk menyindir. Di sebalik kelucuan yang digambarkan menerusi cerita-cerita binatang tersebut, tersiratnya sindiran-sindiran yang tajam yang ditujukan kepada seseorang atau golongan yang dilihat melakukan ketidakadilan atau keburukan ke atas seseorang. Hal ini walaupun dilihat terkena tepat ke atas diri seseorang itu, misalnya golongan pemerintah namun mereka maka terpaksalah tersenyum kerana sindiran itu disampaikan secara halus dan tidak memfokuskan terus kepada pihak terbabit. Selalunya juga sindiran ini dibuat untuk menyindir tingkahlaku yang kurang sopan dipandangan oleh masyarakat. Antara contoh cerita binatang yang memperlihatkan dengan jelas unsur-unsur sindiran yang terdapat dalam cerita-cerita binatang Melayu-Arab ialah seperti cerita *Sang Kancil*, *Tongkat Menjadi Ular*, *Harimau dan Katak* dan lain-lain lagi.

Melalui cerita *Harimau dan Katak*, pengkaji mendapati fungsi cerita binatang sebagai media atau saluran kritikan terhadap raja atau golongan atasan yang bodoh serta bertindak kejam terhadap masyarakat sehingga memakan dirinya sendiri. Di sini melalui cerita-cerita binatang ini, pengkaji dapat menginterpretasikan bahawa raja pada masa itu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bertindak dengan kata hati mereka tanpa menjalankan siasatan terlebih dahulu dan terus menjatuhkan hukuman kepada seseorang walaupun beliau tiada bukti yang mengatakan orang itu bersalah. Justeru, dalam cerita ini diperlihatkan bahawa kerana ikutkan kata hati dan sikap marah raja (harimau) terhadap apa yang telah dilakukan oleh rakyatnya (katak), maka raja (harimau) telah menjatuhkan hukuman bunuh kepada rakyatnya (katak). Secara zahirnya, binatang yang lebih besar memang selalu menggunakan kekerasan untuk mendapatkan sesuatu yang dihajatinya. Hal ini dilihat menyerupai dengan alam realiti yang mana pihak berkuasa iaitu golongan pemerintah akan berbuat sesuka hatinya bagi mendapat apa sahaja yang diinginginya itu malah sanggup bertindak kejam ke atas rakyatnya. Hal ini dilihat sangat sesuai dengan pepatah petitih Melayu yang mengatakan "gajah sama gajah berjuang, pelanduk mati ditengah" yang membawa maksud orang yang berkuasa (pemerintah) saling bertengkar dan akhirnya orang biasa (rakyat) menjadi mangsa. Jadi jelaslah di sini menunjukkan bahawa fungsi cerita binatang sebagai media atau saluran kritikan dan sindiran sosial terhadap pemerintah dapat dilihat dalam cerita-cerita binatang Melayu-Arab seumpama cerita *Harimau dan Katak*. Hal ini turut dipersetujui oleh Hassan Mutalib (2011) dengan mengatakan bahawa;

> "Kritikan ini selalunya bernada tidak puas hati masyarakat terhadap golongan-golongan tertentu terutamanya kepada pemimpin-pemimpin masyarakat yang tidak menjalankan tugas yang diamanatkan kepadanya. Dengan itu, untuk mengkritik pemimpin secara langsung tentulah dianggap salah dan kurang sopan kerana masyarakat terpaksa hormat kepada pemimpin. Jadi dengan menggunakan elegori binatang, mereka dapat menyampaikan nada kritik terhadap pemimpin itu".

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya fungsi cerita binatang seumpama ini juga turut dipaparkan dalam cerita binatang Arab iaitu melalui cerita *Tongkat Menjadi Ular*. Antara cerita yang memperlihatkan kritikan atau sindiran terhadap golongan pemerintah umumnya menerusi kisah Raja Firaun menyuruh semua ahli sihir negeri mengadakan perlawanan bagi menentukan siapa yang paling hebat di antara Nabi Musa dengan ahli-ahli sihir negeri. Di sini, diperlihatkan tentang kebodohan dan kurang berfikirnya golongan pemerintah pada masa itu untuk melihat siapa yang paling hebat dikalangan Nabi Musa mahupun golongan ahli sihir. Bagi pengkaji, pemerintah pada masa dahulu kurang kebijaksanaan dan melakukan sesuatu tanpa berfikir panjang. Kalau diikutkan kepada cerita ini, cara untuk melihat kehebatan seseorang dengan mengadakan perlawanan dianggap tidak sesuai kerana perlawanan yang diadakan itu bukannya menggunakan pemikiran dan kecerdikan seseorang itu namun menggunakan kekuatan pada seekor haiwan atau kuasa sihir. Secara rasionalnya, tongkat Nabi Musa yang bertukar menjadi ular bukanlah satu perkara yang main-main ataupun dibuat-buat seperti mana yang digambarkan oleh ahli-ahli sihir demikian. Justeru, disini pengkaji mendapati melalui pemaparan cerita ini adalah satu cara untuk mengkritik atau membuat sindiran secara terus terhadap golongan pemerintah pada masa itu yang tidak bijak dan tidak berfikir panjang sebelum melakukan sesuatu yang hendak dilakukannya. Malahan, digambarkan juga sikap sombong dan bongkak Raja Firaun yang enggan tunduk dan patuh kepada suruhan Allah S.W.T yang akhirnya telah memakan dirinya sendiri apabila beliau mati lemas akibat terbelahnya Laut Merah.

Kemudiannya dilihat fungsi cerita binatang sebagai media atau saluran kritikan dalam cerita *Sang Kancil*. Dalam cerita ini dilihat mengenai kebijaksanaan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepintaran Sang Kancil iaitu digolongkan sebagai manusia (rakyat jelata) yang menduduki kelas bawahan telah berjaya mengatasi binatang yang lebih besar darinya iaitu diibaratkan sebagai golongan yang lebih tinggi dan mulia (golongan pemerintah) daripada mereka. Hal ini dapat dibuktikan pada cerita *Sang Kancil Mengira Buaya* di mana Sang Kancil berjaya menipu buaya-buaya yang terdapat di dalam sungai untuk melepaskan dirinya ke seberang. Seturusnya, dilihat kecerdikan dan kepintaran Sang Kancil yang berjaya menipu harimau sehingga berjaya menyelamatkan dirinya daripada di makan oleh binatang-binatang itu. Menurut Mohd Taib Osman (1991: 56), menyatakan bahawa "corak konflik dalam cerita-cerita ini seolah-olahnya mencerminkan suatu pertentangan kelas antara golongan-golongan yang terdapat dalam masyarakat Melayu tradisi". Walaupun golongan bawahan itu dianggapkan sebagai rendah martabatnya, namun dalam waktu-waktu yang tertentu golongan bawah itu lebih berwibawa sehingga boleh mencabar kedudukan golongan atasan yang mendapat kedudukan dalam sesebuah masyarakat amnya masyarakat Melayu. Hal ini turut dipersetujui oleh Fauziah Wan Jaafar (2011), yang menyatakan bahawa;

> "Kalau kita hendak mengkritik seseorang atau sesebuah pemerintahan kita tidak boleh kritik secara terus. Sebab itulah kita guna simbolik cerita. Salah satunya dalam permainan tradisi kanak-kanak seperti *pok along-along* (permainan tradisi masyarakat Terengganu), sebenarnya sebagai sindiran kepada penjajah Inggeris. Sebagai ejekan, rasa tidak puas hati penduduk tempatan kepada pemerintah. Hendak kritik orang tidak boleh guna orang, justeru kena guna binatang sebagai simbol untuk mengkritik. Contoh harimau (ganas, garang) *relate* kepada orang yang bengis, watak kancil *relate* watak orang yang cerdik, orang yang suka bodek dan ampu pula *relate* kepada watak monyet."

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa secara jelasnya cerita binatang walaupun dicipta oleh zaman dahulu namun ianya mengandungi pemikiran yang agak mendalam di dalam karya tersebut. Tegasnya, di samping dicipta untuk hiburan, ianya juga dikatakan bersifat didaktik dan membawa ajaran moral serta sebagai alat untuk mengkritik golongan atasan terutama pemerintah yang zalim dan tidak adil ke atas rakyatnya. Hal ini selari dengan pepatah yang mengatakan seumpama *ikan dengan kucing* di mana membawa pengertian bahawa "tidak akan wujud persahabatan, yang berkuasa lebih perkasa, takdir menentukan nasib kehidupan".

4.3.4 Cerita Binatang Sebagai Medium untuk Mendekatkan /Membiaskan Kanak-kanak dengan Bahasa Sastera dan untuk Menerangkan Sesuatu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seperti yang kita ketahui, kanak-kanak diumpamakan sebagai kain putih yang bersih dan sangat memerlukan bimbingan serta pedoman sebagai persediaan bagi mereka menghadapi hidup yang penuh dengan cabaran apabila meningkat dewasa kelak. Dalam konteks ini, cerita binatang berfungsi sebagai medium untuk mendekatkan atau membiaskan kanak-kanak dengan bahasa sastera dan untuk menerangkan sesuatu yang dilihat memainkan peranan yang penting dalam perkembangan mental dan peribadi kanak-kanak itu sendiri. Selain itu, cerita binatang juga boleh membantu ke arah membentuk keperibadian kanak-kanak secara keseluruhannya. Melalui pendedahan awal berkaitan dengan cerita binatang inilah yang dapat menanam dan memupuk nilai-nilai yang disanjung dan disenangi oleh masyarakat bahkan itu, ianya juga dapat membiaskan kanak-kanak dengan bahasa sastera itu sendiri. Sebagai contoh, setiap malam sebelum

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

anak-anak tidur, ibubapa hendaklah memainkan peranan penting dengan menyampaikan cerita-cerita rakyat terutamanya cerita binatang kepada anak-anaknya itu. Melalui amalan yang diamalkan inilah yang dapat membentuk anak-anak untuk menerima dan menyukai bahasa sastera itu sendiri.

Secara amnya, sastera merupakan nadi bagi kehidupan tamadun manusia sehingga ke hari ini. Tanpa sastera mungkin kita tidak dapat mengumpul maklumat, tidak akan ada komunikasi antara satu generasi dengan yang generasi seterusnya, pemikiran tidak akan berlegar-legar secara bebas dan juga tidak akan ada harapan untuk menyelesaikan sebarang masalah yang berhubung kait dengan manusia dan kemanusiaan. Oleh sebab itu, kanak-kanak harus dididik dan diasuh dengan mendekatkan mereka kepada bahan-bahan sastera bagi membolehkan bahasa sastera kekal dalam diri dan jiwa kanak-kanak itu sendiri. Hal ini juga diperkatakan oleh Nurazmi Kuntum (2008: 5), seperti berikut; "sastera kanak-kanak bukan setakat dibaca dan disukai oleh kanak-kanak malah ianya perlu menepati tahap nilai-nilai sastera dan cita rasa yang baik".

Selain itu, cerita binatang juga dikatakan berperanan sebagai wadah mendekatkan sastera kepada kanak-kanak. Sebagai contoh, haiwan dalam cerita-cerita binatang berperanan sebagai pengantara antara sastera dan kanak-kanak. Hal ini kerana naluri dan jiwa kanak-kanak yang tanpa dipaksa atau secara semulajadinya memang menyukai haiwan dalam dunia realiti. Hal ini turut dibuktikan lagi menerusi kata-kata Fauziah Wan Jaafar (2011) yang menegaskan bahawa;

> "Kanak-kanak ini memang suka pada binatang. Selain dari citarasa kepada benda-benda baru. Hubungan kanak-kanak dengan binatang adalah sinonim. Kalau diberi anak patung dengan anak singa, tarikan lebih kepada anak singa. Hal ini kerana anak patung ia lebih kepada bentuk fizikal manusia tetapi anak singa bentuk berlainan. Jadi kanak-kanak pergi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> kepada sesuatu yang menarik jiwa dia. Disitulah adanya tarikan fitrah kanak-kanak kepada binatang."

Justeru, tidak menjadi masalah atau kesukaran bagi ibubapa untuk memupuk minat anak-anak mereka terhadap sastera kerana jiwa kanak-kanak sememangnya menyukai watak haiwan yang diketengahkan serta dipindahkan ke dalam bentuk karya penulisan khasnya menerusi cerita binatang Melayu-Arab.

Di samping itu, dilihat juga kanak-kanak suka bertanya bagi memenuhi nalurinya yang ingin mengetahui sesuatu perkara yang belum diketahuinya. Lantaran itu, kanak-kanak cuba mempelajari dunia luar dengan menonton, membaca dan mendengar bagi memperolehi maklumat yang dikehendakinya itu. Maksudnya di sini, sekiranya kanak-kanak mendengar cerita-cerita kanak-kanak seperti cerita binatang, nescaya beliau dapat mendekatkan atau membiaskan diri mereka dengan bahasa sastera. Oleh sebab itu, pengaruh daripada cerita binatang inilah yang dapat mempengaruhi fikiran dan tingkah laku seseorang kanak-kanak untuk menyukai ataupun tidak kepada bahasa sastera.

Sejajar dengan itu, sudah menjadi tugas atau tanggungjawab bagi orang dewasa untuk menanamkan dan menyuburkan minat cintakan sastera iaitu dengan mendengar, menonton dan membaca karya-karya sastera seumpama cerita binatang di kalangan kanak-kanak supaya mental mereka cepat berkembang, dapat menilai dan membandingkan dengan situasi yang ada disekeliling mereka. Malah, melalui cerita-cerita kanak-kanak (cerita binatang) juga dapat membantu merangsang emosi dan intelektual pembaca dengan cara menanggapi perwatakan, konflik, latar dan nilai-nilai universal yang terkandung di dalamnya. Bahkan itu, melalui cerita binatang ini juga dapat membantu kanak-kanak untuk menghayati keindahan, kehebatan dan keseronokan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terkandung di dalam cerita tersebut. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa sememangnya cerita binatang dilihat berfungsi untuk mendekatkan kanak-kanak dengan bahasa sastera kerana menerusi sastera sahajalah yang dapat memberi informasi pengetahuan, membentuk personaliti seseorang, menyuburkan bahasa dan minda serta memberikan pengalaman baru kepada pembaca iaitu kanak-kanak.

Selain untuk mendekatkan kanak-kanak dengan bahasa sastera, cerita binatang yang diketengahkan kepada kanak-kanak juga dikatakan sebagai alat untuk menerangkan sesuatu perkara yang berkaitan dengan tingkah laku dan asal usul bagi sesekor binatang yang terdapat di dunia. Selalunya, cerita ini diterangkan dengan cara yang terperinci, sehinggakan orang yang mendengarnya akan merasakan cerita itu adalah cerita yang benar. Melalui cerita sebeginilah yang membolehkan kanak-kanak mendapat pengetahuan dan mengenali asal usul seseekor binatang itu. Hal ini dapat dibuktikan melalui kenyataan Nurazmi Kuntum (2008: 27);

> "Cerita asal usul binatang ini dikaitkan dengan kisah binatang atau penerangan bagaimana ianya terjadi ke atas binatang-binatang tertentu. Dengan ini, secara tidak langsung kanak-kanak dapat mempelajari dan mengetahui selok belok asal usul kejadian sesekor binatang".

Misalnya, kanak-kanak dapat mengetahui asal seekor beruk yang dihubungkan dengan kejadian manusia, kisah bagaimana harimau mendapat belang, burung gagak mendapat warna hitam dan bagaimana ular sawa kehilangan bisanya.

Seterusnya juga, secara tidak langsung cerita binatang dapat menyampaikan kepada masyarakat mengenai projeksi tingkah laku manusia yang berbagai-bagai ragam di alam realiti. Malahan, sifat-sifat manusia yang digambarkan dengan menggunakan perwatakan binatang adalah ditujukan kepada manusia sendiri. Tingkah laku yang baik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan buruk semuanya turut diceritakan dalam cerita-cerita binatang. Sebagai contoh digambarkan sifat buruk manusia iaitu tamak, dengki, sombong, tinggikan diri dan lain-lain lagi. Selain daripada menerangkan sifat-sifat manusia, cerita binatang juga memberikan penerangan mengenai corak kehidupan sesebuah masyarakat. Misalnya, masyarakat Melayu lama digambarkan tinggal di gua-gua dan mempunyai perkaitan atau perhubungan yang erat dan rapat dengan alam dan haiwan. Justeru, penggunaan watak binatang dalam cerita-cerita binatang ini juga menunjukkan betapa kreatifnya masyarakat yang menghasilkan karya-karya ini yang dilihat tinggi nilai falsafahnya itu.

Secara rumusannya dapat dikatakan bahawa cerita binatang Melayu-Arab dihasilkan adalah sebagai alat untuk mendekatkan atau membiaskan bahasa sastera dan cuba untuk menerangkan sesuatu kepada kanak-kanak. Oleh itu, kanak-kanak harus dibimbing dan dikawal oleh orang dewasa khususnya ibubapa dan para guru. Hal ini kerana perkembangan kanak-kanak akan terus subur sehingga mereka meningkat dewasa, lantaran itu pendedahan yang awal berkaitan dengan dunia sastera seperti cerita kanak-kanak yang baik mampu membentuk keperibadian kanak-kanak itu sendiri. Malah, pada peringkat ini ibubapa dan guru mestilah mengawal perkembangan kanak-kanak supaya tingkah laku mereka tidak menyeleweng. Ada masanya ibubapa perlu mendedahkan kepada anak-anak mereka dengan bahan bacaan yang menggambarkan cerita-cerita yang berkisarkan kepada pendidikan, nasihat dan seumpamanya. Hal ini seumpama pepatah yang berbunyi "meluntur buluh biarlah dari rebunnya". Oleh itu, sememangnya bersesuaian dikatakan bahawa fungsi cerita binatang adalah sebagai alat menerangkan sesuatu yang dapat menambahkan lagi pengetahuan kanak-kanak tentang alam binatang,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

manusia dan alam sekelingnya, bahkan melalui pendedahan ini maka ianya dapat mendekatkan dan membiaskan kanak-kanak dengan dunia sastera itu sendiri.

4.4 Keberkesanan Fungsi Cerita Binatang dalam Memberikan Manfaat atau Kesan Positif kepada Proses Pembelajaran dan Pengajaran Kanak-kanak.

Secara umumnya, penggunaan cerita binatang adalah sebagai alat untuk mendidik kanak-kanak secara meluas digunakan di sekolah-sekolah oleh guru-guru sebagai salah satu cara untuk menarik minat dan menghilangkan kebosanan mereka ketika menghadapi pelajaran yang kritikal. Seperti yang diketahui, kanak-kanak memang berminat dengan cerita-cerita yang berwatakkan binatang sebagai pelakunya. Hal ini adalah kerana secara fitrahnya, naluri seorang kanak-kanak memang menyukai kepada binatang-binatang. Menurut Fauziah Wan Jaafar (2011), kanak-kanak menyukai binatang adalah kerana;

> "Hubungan kanak-kanak dengan binatang adalah sinonim. Misalnya kalau diberi anak patung dengan anak singa, tarikan lebih kepada anak singa. Hal ini kerana anak patung ia lebih kepada bentuk fizikal manusia tetapi anak singa bentuk berlainan. Jadi kanak-kanak berminat kepada sesuatu yang dapat menarik jiwanya. Jika seorang kanak-kanak pegang anak patung dan ada anak kucing melintas depan dia, dia akan pergi mendapatkan anak kucing itu. Oleh itu, di sinilah terletaknya daya tarikan fitrah kanak-kanak kepada binatang."


Di samping itu juga, jalinan plot dalam cerita binatang yang sederhana dan ringkas itu dikatakan dapat memudahkan pemahaman kanak-kanak. Hal ini dilihat sekiranya cerita yang mempunyai jalinan plot yang kompleks maka sudah tentu sukar bagi kanak-kanak untuk memahami cerita itu kerana pemikiran mereka tidak dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjangkau lebih tinggi kepada peringkat tersebut. Selain daripada memberi keseronokan kepada kanak-kanak, cerita binatang dikatakan mempunyai pengajaran yang terselit di dalamnya. Antara pengajaran yang terselit menerusi cerita-cerita binatang ini ialah berkaitan dengan pengajaran moral yang sesuai untuk membentuk tingkah laku dan pemikiran kanak-kanak. Secara amnya, masyarakat yang melahirkan atau menghasilkan cerita-cerita ini mengharapkan agar kanak-kanak dapat mengambil teladan yang diselitkan di dalamnya untuk membentuk keperibadian dan tingkah laku yang bersesuaian dengan pembentukan diri seseorang kanak-kanak.

Lantaran itu, dalam kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji di Sekolah Tadika Yayasan Islam Cawangan Chendering, Kuala Terengganu, maka pengkaji dapat menyatakan hasil analisis yang diperolehi menerusi cerita binatang ini sebagai kesan kepada tingkah laku dan pemikiran kanak-kanak serta mengaitkannya dengan teori-teori yang dirasakan turut diaplikasi melalui perkara terbabit. Kesan ini dapat dilihat seperti mana dalam rajah di bawah dan menerusi perbincangan yang seterusnya;



Rajah 4.4: Kesan Positif Cerita Binatang Kepada Proses Pembelajaran dan Pengajaran Kanak-kanak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.1 Mengamalkan Tingkah Laku yang Baik dan Menghindarkan Tingkah Laku yang Buruk

Seperti yang diketahui umum, cerita binatang mengandungi nilai pengajaran yang tersirat di dalamnya yang mampu membawa kepada pelbagai bentuk tingkah laku yang dapat diamalkan oleh seseorang kanak-kanak. Segala tingkah laku yang baik dan buruk telah diselitkan menerusi watak-watak binatang sebagai pelakunya. Justeru, apabila kanak-kanak mendengar atau membaca cerita itu nescaya mereka akan dapat mengambil unsur-unsur pengajaran yang terkandung di dalamnya untuk dijadikan teladan dan pedoman bagi membentuk keperibadian dan tingkah laku mereka. Malah, semua tingkah laku yang baik perlu diambil dan dicontohi manakala tingkah laku yang buruk pula hendaklah dijauhi dan dihindari. Melalui pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji, maka didapati ramai kanak-kanak yang menyukai watak-watak binatang yang baik berbanding dengan watak-watak binatang yang buruk perangainya. Oleh itu, melalui menyampaian cerita-cerita binatang yang memiliki watak yang baik mampu mempengaruhi pembentukan tingkah laku yang baik kepada kanak-kanak itu sendiri.

Selain itu, melalui hasil analisis dari kaedah pemerhatian yang dijalankan oleh pengkaji di Sekolah Tadika Yayasan Islam Cawangan Chendering, Kuala Terengganu, pengkaji mendapati watak-watak binatang yang baik dalam cerita-cerita binatang yang telah digunakan di sekolah dan mendapati ramai kanak-kanak yang mahu mengambil dan menteladani tingkah laku itu berbanding dengan tingkah laku yang buruk atau jahat. Berdasarkan daripada kajian yang dilakukan bagi memastikan kesan yang ditinggalkan melalui cerita binatang ke atas sistem pembelajaran dan pengajaran kanak-kanak, maka pengkaji dapat menyimpulkan bahawa secara keseluruhannya (97.8%) kanak-kanak dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membentuk keperibadian dan tingkah laku yang baik ke dalam diri mereka melalui unsur-unsur pengajaran dan didikan moral yang terkandung dalam cerita-cerita binatang tersebut.


Menerusi kesan yang diperolehi oleh kanak-kanak melalui unsur-unsur pengajaran dan didikan moral yang terkandung dalam cerita-cerita binatang, maka ianya dapat dihubungkaitkan dengan teori pembejaran iaitu model peniruan seperti mana yang dikemukakan oleh Albert Bandura. Teori ini sebenarnya menerangkan pembentukan tingkah laku seseorang kanak-kanak dapat diterapkan ke dalam jiwa mereka kerana seperti yang kita sedia maklum, kanak-kanak pada peringkat awal sememangnya masih belum mengerti mengenai sifat baik dan buruk dalam diri seseorang manusia. Lantaran itu, melalui proses pembelajaran yang diperolehi oleh kanak-kanak menerusi sosialisasi ataupun alam sekitar, maka mereka menggunakan kelima-lima pancaindera yang terdapat pada diri mereka untuk diaplikasikannya ke dalam proses pembelajaran tersebut. Misalnya, seorang kanak-kanak mendengar cerita *Arnab dan Kura-kura* yang disampaikan oleh ibubapa mereka. Di sini, proses pembelajaran yang diperolehi oleh kanak-kanak ini ialah melalui unsur-unsur pengajaran dan didikan moral seperti sikap merendah diri yang ada pada kura-kura dan sikap kesombongan si arnab yang terkandung dalam cerita ini. Selalunya ibubapa cuba menerangkan kepada anak-anak mereka supaya mencontohi dan menteladani unsur pengajaran yang baik, malahan bagi sifat atau unsur keburukan/kejahatan haruslah dihindari dan dijauhi.

Justeru, melalui penerangan inilah yang dikatakan sebagai satu proses pembelajaran yang tidak formal telah diperolehi oleh kanak-kanak terbabit. Malahan itu, dalam proses pembelajaran terdapat 4 proses (Suppiah Nachiappan el. at, 2008: 199-200)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang terlibat bagi membentuk keperibadian dan tingkah laku seseorang khususnya kanak-kanak. Antaranya proses tersebut ialah (seperti dalam rajah di bawah);



Rajah 4.5: Proses Peniruan dalam Teori Pembelajaran

Proses yang pertama iaitu **pemerhatian** ialah rangsangan model diperhatian oleh subjek untuk dipelajarinya. Biasanya, seseorang dapat mempelajari sesuatu tingkah laku yang ingin ditirunya dengan memberikan sepenuhnya perhatian kepada tingkah laku model. Sebagai contoh, kanak-kanak suka meniru tingkah laku ibubapa, guru dan orang yang lebih tua daripadanya di sebabkan dalam fikiran kanak-kanak, beliau merasakan tingkah laku orang dewasa itu mengikut piawai atau diterima masyarakat. Maksudnya di sini, sekiranya ibubapa ataupun guru memainkan peranan mereka dengan mendidik dan menerangkan unsur-unsur pengajaran dan didikan moral melalui cerita-cerita binatang, maka kanak-kanak secara tidak langsung berminat untuk mengikutinya bahkan beliau turut memberikan sepenuh perhatian kepada pembentukan tingkah laku yang digambarkan oleh ibubapa dan guru. Oleh sebab itu, amatlah penting bagi ibubapa dan guru untuk cuba menonjolkan pembentukan tingkah laku yang baik seperti mana yang disarankan mereka kepada anak-anaknya itu. Hal ini seumpama pepatah Melayu yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyatakan "di mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi" yang membawa maksud kepada perlakuan seseorang anak itu mengikut aturan dan kebiasaan diturunkan dari gaya asal dengan perilaku seiras tutur kata ibubapa atau keluarga yang mendidiknya.

Seterusnya ialah proses **penyimpanan**. Melalui proses ini, seseorang yang hendak meniru sesuatu tingkah laku perlu menyimpan imej mental (gambaran) dan panduan berbahasa bagaimana melakukan sesuatu tingkah laku itu dalam jangka panjang. Matlamat yang telah disimpan itu akan dikeluarkan semula dan membantunya melakukan tingkah laku yang ingin ditiru pada waktu itu. Sebagai contoh, melalui penonjolan watak-watak yang baik dalam cerita binatang seumpama cerita *Gagak Mencari Air, Sang Kancil Mengira Buaya, Pengorbanan Ikan Nun* dan sebagainya lagi yang memberikan gambaran bahawa "balasan baik terhadap setiap kebaikan yang dilakukan dan balasan jahat terhadap setiap kejahatan yang telah dilakukan". Oleh itu, melalui gambaran yang diberikan dalam cerita-cerita binatang ini dapat membentuk keperibadian yang mulia dan dapat menginsafkan masyarakat daripada melalukan kejahatan. Dengan penyimpanan gambaran yang diketengahkan dalam cerita binatang inilah yang dapat membentuk tingkah laku kanak-kanak dalam ingatan jangka panjang mereka.

Proses seterusnya ialah **pengeluaran** yang membawa maksud kepada semua maklumat tingkah laku yang ingin ditiru adalah melibatkan proses memindahkan idea simbolik kepada perlakuan. Pengeluaran tingkah laku seseorang itu haruslah disesuaikan dengan gerak balas terancang dalam dirinya iaitu usaha meniru pola perlakuan model. Keupayaan seseorang untuk mempamerkan tingkah laku yang hampir sama dengan model dipengaruhi oleh latihan yang berterusan. Maksudnya di sini, tingkah laku yang ditiru itu sentiasa dipaktikkan ke dalam diri seseorang itu. Misalnya, kanak-kanak sejak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kecil telah didedahkan dengan cerita kanak-kanak seperti cerita binatang. Di sini, peniruan unsur-unsur pengajaran yang terdapat dalam cerita itu akan dibawa ke dalam tingkah laku kanak-kanak sehinggalah beliau meningkat dewasa. Sebagai contoh, melalui peniruan sifat baik dan kecerdikan Sang Kancil. Ibubapa dan guru sering menyarankan agar kanak-kanak menanam dan mencontohi sifat baik dan kecerdikan yang ada pada watak kancil. Lantaran itu, proses pengeluaran tingkah laku ini akan dipindahkan oleh kanak-kanak itu melalui perlakuannya sendiri seperti suka membantu orang, rajin belajar, hormat ibubapa dan guru, mendengar kata dan sebagainya sehinggalah mereka meningkat dewasa.

Prinsip **motivasi** pula ialah melibatkan apabila seseorang ingin meniru sesuatu tingkah laku maka beliau mesti ada faktor-faktor motivasi yang mendorongnya seperti insentif atau ganjaran. Insentif atau ganjaran ini menjadi pendorongnya dalam membentuk tingkah laku seseorang itu. Secara umumnya, kanak-kanak suka mencuba atau melakukan sesuatu yang baru dalam hidupnya. Melalui cubaan itulah yang dapat memotivasikan dan mematangkan dirinya sendiri. Contohnya, seorang kanak-kanak meniru sikap tamak, sombong, malas dan penipu seumpama yang terdapat dalam cerita binatang seperti cerita *Anjing dengan Bayang-bayang*, *Arnab dengan Kura-kura* dan *Dua Kambing yang Degil*. Melalui peniruan sikap buruk tersebut akan menyebabkan kanak-kanak itu menerima peneguhan negatif seperti tidak disukai oleh masyarakat, tiada yang ingin berkawan dengannya, membinasakan dirinya sendiri dan sebagainya lagi. Dengan menerima peneguhan negatif ini maka secara jelasnya proses pembelajaran melalui motivasi akan mendorong kanak-kanak tersebut untuk tidak mengulangi tingkah laku yang tidak baik ke dalam diri dan jiwa mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Malahan, kesusasteraan kanak-kanak turut dikatakan dapat menjadi pendorong atau alat motivasi yang berkesan kepada kanak-kanak dengan memperkenalkan dan mendedahkan kanak-kanak kepada bahan bacaan yang berkualiti dan berkesan atau pendedahkan lingkungan pencapaian (*sphere of achievement*) yang baik, berguna, sesuai dan luas bagi pembentukan peribadi dan tingkah laku kanak-kanak itu sendiri. Seperti yang kita ketahui, pengetahuan dan sudut pandangan kanak-kanak ini dapat ditingkatkan dan diperhaluskan dengan memberikan penerapan berkaitan nilai-nilai baik atau taraf pencapaian yang diperlukan dan ini bersesuaian untuk kanak-kanak serta memberi semacam panduan untuk mereka mencapai cita-citanya di akan datang. Di samping itu, dengan mengemukakan watak-watak teladan (*examplary characters*) khasnya watak binatang dalam cerita binatang, sama ada watak sebenar ataupun rekaan maka yang baik dan sesuai itu dapat dicontohi oleh kanak-kanak dalam memotivasikan diri mereka bagi membentuk keperibadian dan tingkah laku yang berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.2 Menanam Sikap Rajin Membaca dan Kuat Berusaha.

Menanam minat membaca buku cerita di kalangan kanak-kanak sebenarnya harus dipupuk sejak kanak-kanak itu masih kecil lagi. Hal ini dilihat menepati kata-kata pepatah Melayu yang menyarankan agar "Meluntur buluh itu biarlah dari rebungnya". Maknanya sekiranya kanak-kanak sudah dibiasakan dan dijinakkan dengan buku cerita sejak dari awal lagi maka sudah tentu kanak-kanak itu dapat melunaskan pengetahuan dan pengalaman yang mereka perolehi daripada membaca. Sebagai contoh, melalui

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendedahkan awal yang diberikan oleh ibubapa kepada anak-anak mereka dengan menceritakan cerita kanak-kanak sebelum tidur atau diwaktu lapang, maka minat kanak-kanak itu untuk mendekatkan diri mereka terhadap buku cerita amatlah tinggi.

Malah, dalam proses pembelajaran dan pengajaran di sekolah, cerita yang dikemukakan oleh guru-guru selalunya disampaikan dengan cara yang ringkas, mudah dan tidak menyeluruh. Jadi untuk mendapatkan cerita yang lengkap dan mendalami lagi cerita itu, kanak-kanak terpaksa membaca buku cerita berkenaan bagi mengetahui isi cerita atau kisah yang selanjutnya. Sehubungan itu, secara tidak langsung ini dapat menggalakkan kanak-kanak terbabit untuk rajin membaca buku tidak kira membaca buku cerita ataupun buku pelajaran yang lain. Oleh kerana minat kanak-kanak lebih ditumpukan kepada cerita, maka perasaan gemar membaca itu akan tersemai dalam diri kanak-kanak secara tidak langsung. Malahan, apabila selalu diamalkan sikap ini lalu ianya akan menjadi satu kebiasaan dalam diri kanak-kanak itu sendiri.

Terdapat banyak cara untuk menggalakkan minat membaca buku cerita di kalangan kanak-kanak. Salah satunya ialah bermula daripada peranan ibubapa itu sendiri. Mereka semestinya menjadikan diri mereka sebagai satu contoh yang baik agar setiap tingkah laku positif yang terpancar dalam diri mereka akan dapat diteladani oleh kanak-kanak. Selain itu juga, dorongan membaca daripada ibubapa amat penting kerana kanak-kanak akan menganggap diri mereka sentiasa diperhati dan diambil berat oleh orang tuanya. Malahan, ibubapa dan guru perlu memastikan bahawa pendedahan awal berkaitan dengan cerita kanak-kanak amnya cerita binatang mestilah bersesuian dengan jiwa dan pemkembangan mental kanak-kanak itu sendiri. Selalunya bahan cerita yang disampaikan oleh ibubapa dan guru sedikit sebanyak dapat mempengaruhi jiwa kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Maksudnya, biarlah cerita yang dipilih itu berunsurkan nilai-nilai positif seperti bertemakan kasih sayang, ketekunan, tolong menolong, keagamaan, kesopanan dan sebagainya. Dengan adanya nilai-nilai murni yang terkandung dalam cerita-cerita ini maka ianya dapat mempengaruhi jiwa kanak-kanak. Oleh itu, amatlah penting bagi ibubapa dan guru untuk menjaminkan kesesuaian cerita yang dipilih untuk didedahkan atau disampaikan kepada kanak-kanak.

Sebenarnya melalui pembacaan buku-buku cerita ini maka ianya dapat menimbulkan kesan penerapan nilai dan kesan kepada keperibadian serta sistem nilai bagi seseorang kanak-kanak menerusi bahan yang dibacanya itu. Proses penyerapan nilai dan kesan kepada keperibadian seseorang kanak-kanak telah dijelaskan oleh David McClelland (1963: 136) sebagai satu proses yang halus dan tanpa sedar. Berikut adalah antara penyataan yang diutarakannya;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

> "Saya percaya kanak-kanak menerima nilai-nilai atau idea tentang etika yang diterapkan dalam cerita-cerita biarpun tanpa usaha yang sedar dan sungguh-sungguh untuk menyerapnya. Proses penyerapan inilah yang sukar dan bukan idea itu sendiri. Saya percaya kanak-kanak di Timur Tengah belajar secara semulajadi dan mudah daripada bacaan mereka bahawa kepintaran adalah baik, sebagaimana kanak-kanak Amerika belajar bahawa bekerjasama biasanya adalah cara yang terbaik untuk melakukan sesuatu. Kanak-kanak menerima idea begitu dengan mudah kerana itulah 'keadaan' atau 'kejadian' yang berlaku dalam cerita yang mereka baca."

Seterusnya, melalui pemerhatian yang dijalankan di Sekolah Tadika Yayasan Islam Cawangan Chendering, Kuala Terengganu, pengkaji mendapati keseluruhan kanak-kanak yang bersekolah di situ amat minat membaca buku-buku cerita sama ada yang dibeli oleh ibubapa mereka sendiri, dipinjam dari sekolah ataupun dipinjam dari rakan-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

rakan. Walau bagaimanapun, terdapat juga sebilangan kanak-kanak yang masih tidak pandai membaca, namun minat mereka untuk mengetahui isi cerita atau kisah dalam sesebuah cerita dapat digambarkan melalui sikap teruja kanak-kanak terbabit yang akhirnya menyarankan agar guru mereka menyampaikan cerita terbabit di dalam kelas. Bagi mereka, cerita binatang merupakan cerita yang paling mereka minati berbanding cerita-cerita kanak-kanak yang lain. Sehubungan itu juga, apabila kanak-kanak gemar membaca buku-buku cerita seperti cerita binatang, secara tidak langsung mereka mula terdedah dengan sikap-sikap atau kelakuan watak-watak yang terkandung di dalamnya.

Sebagai contoh dalam cerita binatang terutamanya melibatkan cerita *Sang Kancil*, kita dapat mempelajari mengenai cara dan usaha yang dilakukan oleh Kancil untuk menewaskan atau melepaskan dirinya daripada binatang yang lebih besar darinya. Melalui semangat kuat berusaha untuk mencapai kejayaan dalam kehidupan inilah yang perlu disemai dalam setiap jiwa dan diri kanak-kanak. Hal ini kerana cerita binatang amat sinonim dengan menyelitkan unsur-unsur teladan di dalamnya iaitu berkaitan dengan kegigihan berusaha dan kerajinan untuk mencapai kejayaan yang akhirnya juga terhasil. Justeru, melalui semangat sebeginilah yang dapat membentuk tingkah laku kanak-kanak serta memberikan kesan yang baik kepada pembelajaran dan pengajaran kanak-kanak itu sendiri.

Selain dari cerita *Sang Kancil*, cerita-cerita yang dapat memberikan galakan kepada kanak-kanak ialah melalui cerita *Gagak Mencari Air* dan juga cerita *Sang Semut*. Melalui kedua-dua cerita ini, kanak-kanak dapat mengetahui mengenai bagaimana cara binatang mendapatkan makanan, cara mereka berusaha memperolehi sesuatu, cara ia berfikir bagi menyelesaikan sesuatu masalah dan juga semangat tidak mudah berputus

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

asa yang digambarkan dalam cerita terbabit. Menerusi gambaran cerita ini, maka kanak-kanak dapat mengambil teladan dan pengajaran iaitu manusia hendaklah berusaha dan bersemangat tinggi untuk memperolehi kejayaan dan tidak hanya bergantung kepada orang lain. Justeru, pengkaji mendapati kesan daripada cerita binatang seumpama ini ke atas pembelajaran dan pengajaran kanak-kanak ialah melibatkan pembentukan tingkah laku kanak-kanak yang menjurus kepada menggalakkan kanak-kanak membaca dan berusaha. Hal ini turut dilihat berhubungkait dengan teori psikologi kanak-kanak iaitu melibatkan aspek perkembangan mental seperti mana yang dijelaskan oleh Tang Chee Yee (1992: 68);

> "Kanak-kanak pada peringkat umur 6-12 tahun ini dapat menguasai pertuturan dan gemar membaca. Reaksi mereka akan dapat dikesan melalui penerangan tentang sesuatu hal yang dibaca atau dilihatnya".

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati hampir 98.9% kanak-kanak di Sekolah Tadika Yayasan Islam Cawangan Chendering, Kuala Terengganu terbentuk tingkah laku mereka melalui teknik atau proses pembelajaran yang berkaitan dengan penggunaan buku cerita kanak-kanak sehingga menimbulkan minat membaca dalam kalangan kanak-kanak tersebut. Hal ini turut dipersetujui Fauziah Wan Jaafar (2011), menyatakan bahawa;

> "Sebelum kita pergi kepada fungsi cerita, kita lihat pada psikologi manusia. Kalau kita hendak memberi pengajaran kepada orang lain, jika kita letakkan manusia mereka tidak akan terima sebab antara manusia dengan manusia tidak ada kelebihan. Jadi macam mana manusia hendak ambil pengajaran sebab manusia itu sendiri tidak *perfect* (sempurna). Tetapi jika guna elemen lain seperti binatang dan elemen-elemen bukan bentuk manusia biasanya kita akan cepat terima. Contohnya jika cerita *Mamat yang Sombong* dengan cerita *Harimau yang Sombong.* Jadi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> tarikan lebih kepada cerita *Harimau yang Sombong.* Secara psikologi manusia tidak boleh menerima pendidikan dengan manusia kecuali dengan bentuk berlainan. Contohya zaman nabi menyebarkan Islam kepada manusia, masih ada yang degil dan menyembah patung kerana manusia sesama manusia sukar untuk memberi dan menerima pendidikan."

4.4.3 Menerima Pelajaran Dengan Lebih Mudah dan Berkesan.

Pembelajaran memerlukan proses belajar, mel alui proses ini seseorang itu mendapat pengetahuan tentang berbagai-bagai perkara. Tanpa proses belajar ini sudah tentu sesuatu itu tidak akan dapat diketahui. Proses pembelajaran ini selalunya dapat diperolehi daripada ibubapa, rakan sebaya, adik beradik, guru sekolah, bahan bacaan dan juga melalui cerita-cerita. Bagi seseorang kanak-kanak pembelajaran mendatangkan kesan besar di dalam perubahan tingkah lakunya tetapi bagi orang dewasa dan orang tua yang telah mempunyai kebiasaan yang telah berakar umbi untuk bertingkah laku mengikut sesuatu cara, kesan pembelajaran yang baru tidak banyak atau mengubah tingkah laku mereka. Pembelajaran akan terjadi apabila sesorang itu menggunakan kelima-lima pancaindera yang terdapat pada dirinya.

Sehubungan itu proses belajar adalah satu penekanan pemikiran yang berat, jadi hanya melalui cerita sahajalah yang dapat menjadi penawar dan menyegarkan semula fikiran terutama melibatkan kanak-kanak. Secara umumnya, kanak-kanak tidak mudah bosan dengan pelajaran-pelajaran yang ditanamkan dan mereka akan terbawa-bawa atau mengikut-ikut tingkah laku watak yang baik dalam kehidupan sehariannya. Oleh sebab itu, sebagai salah satu cara yang dilakukan oleh guru-guru sekarang ialah dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggunakan teknik bercerita atau bahan bacaan dari buku cerita dalam proses pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas bagi menarik minat kanak-kanak tersebut. Bahkan itu juga, kebanyakan cerita yang digunakan ialah cerita binatang. Dengan cerita ini kanak-kanak akan tertarik dan tidak mudah bosan dalam mempelajari sesuatu mata pelajaran itu.

Sehubungan dengan itu, pelajaran yang disampaikan menerusi cerita-cerita ini lebih cepat diterima dan difahami oleh kanak-kanak apabila diajar oleh guru mereka. Dengan terselitnya unsur-unsur pengajaran, nasihat, tauladan dan tunjuk ajar seperti buat baik dibalas baik, buat jahat dibalas jahat, orang yang tamak selalunya rugi dan sebagainya yang mampu mendidik serta menjadi ikutan kepada kanak-kanak. Selain itu juga, kanak-kanak akan lebih mudah faham tentang apa yang hendak disampaikan oleh guru-guru mereka melalui pembacaan buku-buku terutamanya sekali melibatkan buku cerita binatang. Hal ini kerana cerita binatang dikatakan mempunyai jalinan plot yang ringkas dan sederhana tetapi di dalamnya banyak menyelitkan unsur pengajaran yang hendak disampaikan dengan lebih lengkap dan untuk memudahkan lagi pemahaman kanak-kanak itu sendiri. Misalnya, melalui cerita *Anjing dengan Bayang-bayang*, plotnya sangat ringkas dan dengan sekali baca atau dengar cerita ini, maka kanak-kanak dapat memahaminya dan dapat menangkap isi cerita terbabit iaitu orang yang tamak akan mendapat kerugian.

Seterusnya, dapat dikatakan bahawa melalui konsep bercerita yang diamalkan oleh guru-guru di sekolah maka ianya dilihat sebagai alat untuk memberi atau memudahkan kanak-kanak menerima pelajaran dengan lebih berkesan dan bersistematik. Hal ini dikatakan kerana kanak-kanak secara fitrahnya memang menyukai dan berminat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan cerita terutama sekali melibatkan cerita binatang. Hal ini turut dibuktikan lagi menerusi kenyataan Hassan Mutalib (2011) seperti berikut;

> "Cerita binatang ini menarik kerana apabila membuat binatang boleh bercakap, boleh berfikir dan sebagainya ia dianggap sebagai alam fantasi. Kanak-kanak iaitu budak kecil lebih kepada otak kanan. Oleh sebab itu mereka lebih suka elemen-elemen fantasi dan sebagainya. Sehingga sekarang kita nampak banyak filem-filem Disney menggunakan watak binatang, bermakna watak binatang ini ada kaitannya. Binatang sebenarnya bukan lucu tetapi mengambil ciri-ciri manusia itu yang menunjukkan lucu. Jika ingin membuat kritikan ke atas seseorang tidak boleh dakwa. Cerita rakyat dari zaman ke zaman berubah tetapi yang tidak berubah ialah elemen pengajaran. Hendak bercakap mengenai sesuatu tetapi guna secara tersirat. Walaupun cerita menghiburkan tetapi ada unsur tersirat."

Selain itu, kanak-kanak juga lebih memberi tumpuan kepada cerita-cerita yang disampaikan oleh guru-guru mereka. Hal ini turut dilihat menyerupai dengan hasil pemerhatian yang dilakukan pengkaji yang mendapati hampir kesemua (99.6%) pelajar di Tadika Yayasan Islam Cawangan Chendering, Kuala Terengganu memberikan fokus atau tumpuan yang penuh ketika sesi bercerita sedang dijalankan oleh guru-guru mereka. Pengkaji juga turut mendapati pelajar-pelajar terbabit lebih seronok dan terhibur ketika mendengar cerita-cerita binatang yang disampaikan oleh guru mereka. Hal ini ditambah pula dengan gaya persembahan ketika guru-guru menyampaikan cerita-cerita terbabit di dalam kelas. Misalnya, guru cuba melakonkan balik adegan-adegan yang terdapat dalam cerita tersebut serta menunjukkan gaya persembahan seperti memek muka, pergerakan badan, intonasi suara yang pelbagai dan seumpamnya. Melalui teknik persembahan inilah yang dapat mencuit hati kanak-kanak sehingga mereka khusyuk atau fokus untuk mendengar cerita tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Malahan, melalui gaya dan teknik penceritaan yang menarik ini telah memberikan satu pembaharuan ke dalam sistem pembelajaran dan pengajaran kanak-kanak. Maksudnya di sini, kanak-kanak lebih mudah memahami dan lebih fokus dengan cara dan teknik pengajaran guru mereka seumpama ini. Dengan itu juga, kanak-kanak akan mudah mengingati dan sekaligus dapat mengulangi apa yang disampaikan oleh guru mereka melalui cerita-cerita terbabit. Jadi, bila kanak-kanak dapat mengingati dan mengulangi setiap apa yang disampaikan oleh guru mereka maka proses pembelajaran dan pengajaran disampaikan oleh guru dikira berkesan dan kanak-kanak juga mendapat manfaat daripadanya.

Selain daripada menerima pelajaran dengan lebih mudah, cerita kanak-kanak (cerita binatang) juga dapat menarik minat kanak-kanak kepada proses pembelajaran yang berkesan. Hal ini adalah kerana dengan mendengar cerita maka segala kebosanan kanak-kanak sewaktu belajar akan hilang dan ini menimbulkan daya penggerak kepada proses pembelajaran yang berkesan yang disampaikan oleh guru-guru kepada kanak-kanak itu sendiri. Melalui pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji, pengkaji mendapati hampir 66% kanak-kanak di Sekolah Tadika Yayasan Islam Cawangan Chendering, Kuala Terengganu menyatakan mereka mendengar cerita-cerita binatang yang disampaikan oleh guru-guru mereka berbanding ibubapa, datuk dan nenek, abang atau kakak, rakan-rakan dan lain-lain lagi. Bahkan itu juga, mereka turut menyatakan bahawa sebanyak 85% kanak-kanak mendapat input atau pengetahuan melalui hasil daripada cerita-cerita yang didengar dan dibacanya. Hal ini dilihat berkait dengan teori pembelajaran melalui model peniruan. Menurut pelopor teori ini iaitu Albert Bandura menjelaskan melalui peniruan tingkah laku model, seseorang boleh mendapat kepuasan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

satu ganjaran atau suatu peneguhan yang akan mendorongnya mengulangi sesuatu tingkah laku yang ditirunya itu. Misalnya, melalui cerita-cerita binatang yang diketengahkan kepada kanak-kanak maka proses peniruan yang boleh berlaku adalah dalam bentuk proses tiruan yang mudah iaitu menerusi gambaran atau tingkah laku watak yang diketengahkan dalam cerita-cerita terbabit. Contohnya, menerusi gambaran tingkah laku watak Sang Kancil yang bijak dan sering mengunakan akal fikiran untuk menyelesaikan masalah yang dihadapinya. Justeru, melalui gambaran tingkah laku yang baik inilah yang menjadi proses peniruan yang mudah kepada kanak-kanak yang mendengar atau membaca cerita ini.

Oleh yang demikian dapat disimpulkan bahawa melalui penggunaan cerita binatang dalam proses pembelajaran dan pengajaran kanak-kanak di sekolah maka didapati ianya berguna untuk dijadikan sebagai alat untuk menerangkan ataupun menjelaskan sesuatu yang agak sukar untuk difahami kanak-kanak. Dengan menggunakan watak-watak binatang yang merupakan watak yang paling diminati oleh kanak-kanak, secara tidak langsung ianya dapat memudahkan lagi pemahaman kanak-kanak terhadap pelajaran. Bahkan itu juga, melalui penggunaan cerita-cerita binatang dalam proses pembelajaran dan pengajaran di sekolah juga membolehkan kanak-kanak menerima input dan pengetahuan yang berkesan, malahan turut membolehkan kanak-kanak menerima pelajaran yang disampaikan oleh guru mereka dengan lebih mudah dan berkesan. Hal ini dilihat bertepatan dengan Visi dan Misi Sekolah Tadika Yayasan Islam, Negeri Terengganu yang menekankan satu sistem pendidikan awal yang komprehensif (bersepadu) dan efisyen bagi merealisasikan cita ulul albab yang diinspirasikan oleh Kerajaan Negeri Terengganu serta menjadikan sebuah tadika yang cemerlang dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berteraskan kepada penguasaan dan kefasihan membaca bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan surah-surah al-Quran.

4.4.4 Melatih dan Mengajak Kanak-kanak Untuk Mengingat dan Berfikir.

Secara amnya, pelajaran yang disampaikan secara formal didapati kurang berkesan untuk kanak-kanak mengingati sesuatu pelajaran yang diperolehinya. Oleh itu, dengan menggunakan cara bercerita, kanak-kanak dilihat dapat mengingati pelajaran yang disampaikan oleh guru-guru mereka. Selalunya cerita yang menjadi kegemaran atau minat kanak-kanak ialah melibatkan cerita binatang. Kebiasaannya, kanak-kanak mudah mengingati cerita-cerita yang pernah didengarinya atau dibacanya. Mereka biasanya akan dapat bercerita kembali cerita yang pernah didengari atau dibacanya itu kepada rakan-rakan ataupun adik-beradik mereka. Menurut perkembangan teori psikologi, kanak-kanak di peringkat umur 4 hingga 7 tahun selalunya memiliki kecenderungan untuk mengetahui sesuatu yang dilihat, didengarinya dan sebagainya lagi. Malahan, perkembangan otak kanak-kanak yang berada di peringkat ini sebenarnya memasuki fasa terakhir pembentukan. Maksudnya di sini, kanak-kanak pada peringkat umur 4 hingga 7 tahun sudah mula menunjukkan "minat dan kesediaan untuk membaca dengan mengenali banyak perkataan dan mereka juga suka bertanya serta melihat gambar-gambar" (Zahir Zainudin, 2009: 4). Selain itu juga, corak pengajaran yang sering dijalankan oleh para guru ataupun ibubapa kepada kanak-kanak yang berada di peringkat umur sebegini ialah dengan mendedahkan mereka kepada persekitaran seperti membezakan bunyi-bunyi binatang ataupun kenderaan. Melalui pendedahan ini, maka guru-guru dan ibubapa dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melatih kanak-kanak terbabit mengingatkan atau menajamkan daya ingatan serta daya pendengaran mereka.

Melalui kajian pemerhatian yang dilakukan pengkaji di Tadika Yayasan Islam Cawangan Chendering, Kuala Terengganu mendapati kebanyakan (87%) kanak-kanak yang ditemui di tadika terbabit dapat mengingati dan bercerita kembali cerita-cerita yang pernah mereka dengar dari guru-guru mahupun yang dibacanya sendiri. Mereka semua dilihat dapat mengingati hampir keseluruhan cerita-cerita kanak-kanak amnya cerita binatang walaupun ada sesetengah pelajar itu menggunakan pembendaharaan kata yang tidak tepat ataupun salah. Namun apa yang paling penting di sini ialah mereka dapat mengingati semula cerita-cerita yang pernah diceritakan oleh guru mereka di dalam kelas. Antara cerita-cerita yang dapat mereka ingat ialah seperti cerita *Arnab dengan Kura-kura*, *Anjing dengan Bayang-bayang*, *Musang yang Jahat, Tongkat Nabi Musa Menjadi Ular*, *Gagak Mencari Air, Sang Kancil dengan Buaya, Telur Emas Angsa* dan sebagainya lagi. Bahkan itu juga, pelajar-pelajar terbabit turut mengemukakan pengajaran yang tersirat atau nilai moral yang terdapat di sebalik cerita-cerita yang dinyatakannya itu.

Di samping dapat mengingati cerita-cerita yang dikemukakan oleh guru-guru mereka, kanak-kanak ini juga dapat mengingati kembali cerita-cerita yang dibacanya melalui buku-buku dan kemudiannya diceritakan semula kepada kawan-kawan mereka. Hal ini turut diakui sendiri oleh guru-guru di Tadika Yayasan Islam Cawangan Chendering, Kuala Terengganu yang menyatakan;

> "Pelajar-pelajar kami dapat bercerita dengan baik beberapa buah cerita binatang apabila disuruh bercerita kepada rakan-rakan mereka di dalam kelas. Malahan itu juga, mereka turut mengingati beberapa buah cerita yang telah kami sampaikan kepada mereka sewaktu sesi pembelajaran dan pengajaran dilaksanakan".

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh kerana cerita binatang merupakan cerita yang paling diminati dan disukai kanak-kanak, maka sudah tentu mereka lebih mudah untuk mengingatinya berbanding dengan cerita-cerita kanak-kanak yang lain. Seperti yang diperkatakan sebelum ini, cerita binatang adalah sebuah cerita fantasi atau rekaan yang dicipta oleh masyarakat jadi sudah tentulah ianya mudah diterima oleh kanak-kanak kerana kanak-kanak memang menyukai dan tingkat pemikiran mereka lebih kepada dunia fantasi dan khayalan. Hal ini turut diperkatakan oleh Md. Sidin Ahmad Ishak (2005: 16);

> "Sememangnya kanak-kanak begitu sinonim dengan dunia fantasi apatah lagi kedua-duanya bagaikan tidak boleh dipisahkan. Fantasi tercipta apabila mereka mula berkhayal tentang sesuatu yang menarik dan begitu mengujakan".

Oleh yang demikian, semamangnya cerita binatang ini mudah terlekat dalam fikiran kanak-kanak dan ianya sukar untuk mereka lupakannya. Hal ini kerana manusia sememangnya tidak dapat dipisahkan dengan alam persekitaran termasuklah haiwan yang dikatakan saling lengkap dan melengkapi di dalam dunia realiti.

Malahan, setiap cerita yang disampaikan dikatakan mempunyai mesej-mesej yang tertentu bagi membolehkan kanak-kanak menikmatinya, bahkan turut membolehkan kanak-kanak berfikir berkaitan pengajaran yang tersirat di sebalik cerita tersebut. Hal ini dilihat tidak terkecuali dengan cerita binatang yang terdapat dalam setiap masyarakat yang turut mempunyai unsur-unsur pengajaran yang terkandung di dalamnya. Melalui pengajaran itulah yang perlu diteliti pada setiap watak-watak yang dikemukakan dalam cerita-cerita tersebut. Malah, sekiranya kanak-kanak berfikir maka sudah tentu mereka tidak dapat mengambil ikhtibar dari cerita-cerita tersebut. Misalnya, melalui cerita *Anjing dengan Bayang-bayang*, jika tidak difikirkan dengan betul-betul seseorang kanak-kanak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

itu tidak akan dapat menangkap maksud yang terkandung di dalamnya iaitu sikap anjing yang tamak atau sombong. Oleh yang demikian, jika kita menelitinya dengan lebih lanjut, kita akan dapati sikap anjing itu ialah tamak kerana ia hendak mengambil tulang dari anjing yang lain walaupun ia sudah mempunyai dan mendapat tulang itu.

Dalam pemerhatian yang dijalankan, pengkaji mendapati pelajar-pelajar di Tadika Yayasan Islam Cawangan Chendering dapat memahami pengajaran yang disampaikan oleh guru-guru mereka melalui cerita-cerita binatang. Daripada pemerhatian tersebut, pengkaji dapati hampir 79% pelajar memberi respond yang positif dengan menjawab soalan yang ditanya oleh guru mereka sewaktu proses pembelajaran dan pengajaran melalui teknik bercerita ini dijalankan. Antara soalan yang ditanya oleh guru mereka adalah melibatkan nilai moral yang terkandung dalam cerita-cerita binatang. Malahan, melalui soalan-soalan tersebutlah yang memerlukan mereka berfikir mengenai nilai moral yang terselit di sebalik cerita-cerita binatang yang disampaikan oleh guru-guru mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Oleh yang demikian, pengkaji mendapati melalui cerita-cerita binatang ini telah memberikan kesan kepada pemikiran kanak-kanak agar tidak mengikuti atau mencontohi tingkah laku yang buruk atau jahat yang digambarkan oleh watak-watak binatang sebagai pelakunya. Justeru, kanak-kanak dapat berfikir tentang kesan yang ditinggalkan oleh perbuatan watak-watak binatang terbabit. Melalui cerita-cerita ini juga telah menggalakkan kanak-kanak untuk membuat andaian-andaian yang tersendiri seperti mereka bencikan kepada watak-watak binatang yang jahat dan buruk perangainya, bersimpati pula dengan watak-watak binatang yang menjadi mangsa atau ditimpa masalah. Sehubungan dengan itu, dapat dikatakan bahawa cerita binatang merupakan sebuah cerita yang banyak membawa unsur-unsur pengajaran yang memerlukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masyarakat untuk menggalakkan kanak-kanak mengingati dan berfikir mengenai segala kebaikan atau keburukan yang terkandung di dalam cerita-cerita tersebut.

4.4.5 Memperkayakan Perbendaharaan Kata.

Dalam sesebuah cerita, terkandung banyak perkataan yang dapat dipelajari oleh kanak-kanak. Dengan membaca atau mendengar cerita, seseorang kanak-kanak itu akan dapat menambah penguasaan perbendaharaan kata yang terdapat padanya. Sebagai contoh, cerita binatang adalah sebagai media yang paling diminati oleh kanak-kanak maka sudah tentu ianya dapat memperkayakan atau memperbanyakkan lagi perbendaharaan kata. Kebiasaannya kanak-kanak yang pada peringkat umur 8-12 tahun dikatakan memiliki perbendaharaan kata di antara 800 hingga 2000 perkataan. Selalunya pada peringkat ini, mereka mampu membaca bahan-bahan bacaan yang ringkas dan pendek serta mudah untuknya memahami dan bersesuaian dengan pemikiran mereka. Jadi di sini, cerita yang ringkas dan mudah difahami kanak-kanak ialah mengenai cerita binatang. Hal ini kerana cerita binatang mempunyai jalinan plot yang ringkas dan mudah untuk difahami oleh kanak-kanak. Oleh kerana kanak-kanak lebih berminat dengan cerita binatang, jadi cerita yang menggunakan watak tersebut akan menjadi pilihan mereka untuk dibaca atau didengari kerana cerita ini tidaklah memerlukan mereka untuk berfikir dengan lebih berat dan mendalam.

Menerusi pemerhatian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji, maka didapati penambahan perbendaharaan kata bagi kanak-kanak di Tadika Yayasan Islam Cawangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Chendering, Kuala Terengganu dilihat melalui proses menceritakan semula cerita-cerita yang didengari atau dibacanya kepada orang lain. Maksudnya di sini, apabila mereka menceritakan semula sesebuah cerita itu, maka mereka mula menggunakan ayat yang tersendiri dan dalam proses ini juga dilihat penambahan seperti tokok tambah perkataan terjadi. Lantaran itu, melalui pembinaan ayat-ayat yang dilakukan oleh kanak-kanak ini secara amnya dapat membantu pelajaran bahasa bagi kanak-kanak tersebut.

Sementara itu, guru-guru di Tadika Yayasan Islam Cawangan Chendering turut menyatakan bahawa kanak-kanak yang diajar melalui teknik bercerita ini mendapati mereka banyak menggunakan perbendaharaan kata berbanding dengan kanak-kanak yang tidak diajar melalui teknik bercerita di dalam kelas. Hal ini dapat dilihat semasa kanak-kanak disuruh bercerita di dalam kelas dan didapati kanak-kanak tersebut banyak menggunakan perbendaharaan kata yang baru. Situasi ini dilihat berbeza dengan keadaan sebelumnya yang memperlihatkan kanak-kanak terbabit hanya menggunakan perbendaharaan kata yang diketahuinya selama ini sahaja. Oleh yang demikian, pengkaji dapat mengatakan bahawa cerita binatang yang digunakan sebagai alat pendidikan kanak-kanak dapat membantu kanak-kanak tersebut untuk menambah dan mengembangkan perbendaharaan kata. Seperti yang kita ketahui, pada peringkat umur kanak-kanak sebeginilah yang memerlukan perbendaharaan kata mereka diperkembangkan supaya beliau dapat mempertajamkan pemikiran dan daya intelektual mereka sehingga ke alam dewasa. Hal ini dilihat selari dengan konsep objektif penubuhan Sekolah Tadika Yayasan Islam, Negeri Terengganu yang bermatlamatkan untuk melahirkan kanak-kanak yang syumul dan seimbang melalui penerapan nilai-nilai kerohanian dan intektual yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

akan diperolehi kanak-kanak menerusi proses pembelajaran dan pengajaran yang berkesan daripada guru-guru yang bertauliah.

4.5 Interpretasi Simbol bagi Watak-watak Binatang yang Diketengahkan dalam Cerita Binatang Melayu-Arab

Di sini, pengkaji menganalisa dan membuat interpretasi terhadap makna atau simbol-simbol yang terdapat di sebalik watak-watak dan nama binatang dalam cerita binatang Melayu-Arab yang dikaji oleh pengkaji iaitu cerita *Sang Kancil Mengira Buaya*, *Gagak Mencari Air*, *Arnab dan Kura-kura*, *Pengorbanan Ikan Nun*, *Lembu Betina yang Suci* dan *Tongkat Menjadi Ular*. Selain itu, pengkaji turut mengupas dengan lebih mendalam bagi setiap makna dan simbol-simbol yang dilihat dipaparkan dalam cerita-cerita terbabit. Berikut adalah hasil kajian yang berkaitan dengan interpretasi pengkaji terhadap cerita-cerita tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5.1 Watak Bintang Dalam Cerita Binatang Melayu-Arab

Secara amnya, hubungan kanak-kanak dengan haiwan dilihat begitu rapat dan sangat ketara. Hal ini turut diperkatakan oleh Fauziah Wan Jaafar (2011) menerusi temuramah yang dilakukan oleh pengkaji seperti berikut;

> "Secara fitrahnya, kanak-kanak memang rapat dengan binatang sejak daripada peringkat awal umur mereka lagi. Malahan kanak-kanak sering kelihatan teruja dan tertarik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> dengan binatang-binatang yang dirasakan mereka unik dan berlainan karektornya berbanding dengan benda-benda atau objek-objek lain".

Sehubungan itu, pelbagai reaksi mereka terhadap binatang yang dapat kita saksikan seperti kebolehan mengenalpasti bunyi-bunyi binatang, mengingati dan meniru aksi atau gaya watak-watak binatang tersebut. Malahan, kanak-kanak juga dikatakan lebih cenderung dan berminat dengan gambar-gambar dan ilustrasi binatang-binatang yang dipaparkan di majalah-majalah ataupun buku-buku cerita kanak-kanak.

Kadangkala kanak-kanak dilihat berkeupayaan untuk membezakan watak-watak binatang yang jinak mahupun buas. Oleh yang demikian, kebiasaannya kanak-kanak mampu untuk mengingati beberapa jenis binatang sebelum mereka mula melangkah ke alam pra-sekolah (sekolah tadika) kerana kanak-kanak ini sebenarnya telah didedahkan oleh ibubapa mereka sejak kecil lagi dengan gambaran kisah dari cerita binatang mahupun gambar-gambar binatang. Dengan amalan dan cara didikan yang seawal beginilah yang dilihat dapat terselitnya atau tergambarnya mengenai jenis-jenis binatang diminda kecil kanak-kanak tersebut sejak mereka kecil lagi. Sejajar dengan itu, cerita-cerita yang bertemakan binatang ini seringkali mendapat tempat dihati kanak-kanak sama ada melalui hikayat-hikayat yang menggunakan watak binatang yang pandai berkata-kata mahupun melalui kisah yang berkisar tentang realiti binatang tersebut dan juga habitatnya.

Menurut Mohd Taib Osman (1991: 45), "watak binatang dalam cerita-cerita binatang terdiri daripada tiga kategori utama iaitu (i) binatang yang berwatakan manusia, (ii) binatang yang boleh bertutur dalam bahasa manusia dan (iii) binatang dalam habitat dan dunianya". Selalunya karakter binatang dalam kategori **berwatakan manusia** ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebenarnya bersifat seperti manusia dan mampu melakukan semua aktiviti manusia dalam kehidupan seharian. Watak binatang dalam cerita-cerita sebegini bukan sahaja boleh berbicara sesama mereka malah kadangkala terdapat juga perbualan mereka dengan manusia. Selain itu, watak binatang yang dikategorikan dalam kategori ini juga telah dibentuk untuk berkelakuan seperti manusia. Contohnya, dapat kita saksikan dalam sastera Melayu iaitu menerusi cerita-cerita seperti *Sang Kancil, Helang dengan Siput, Arnab dengan Kura-kura, Gagak Mencari Air* dan sebagainya. Manakala dalam sastera Arab pula kita dapat lihat melalui cerita-cerita yang berjudul *Ayam yang Bongkak (al-Dik al-Sakhir), cerita Keldai (Qissat al-Himar)* dan sebagainya lagi.

Seterusnya ialah binatang yang dikategorikan boleh **bertutur dalam bahasa manusia**. Kebanyakan karekter binatang dalam cerita jenis ini dikatakan mampu berkata-kata dan berkomunikasi dalam bahasa manusia. Antara contoh yang paling jelas ialah karya asal Rudyard Kipling yang berjudul *The Jugle Book* y ang diterjemahkan oleh Aminah al-Sa'id ke dalam bahasa Arab iaitu *Kitab al-Adghal*. Aminah telah menterjemahkan ke dalam 2 jilid daripada keseluruhannya iaitu 4 jilid. Sebagai contoh, menerusi cerita terbabit diberikan gambaran watak harimau dan beruang boleh berkomunikasi dengan kanak-kanak bernama Mojli (Mowgli) dan dalam pada masa yang sama binatang itu kekal sebagai haiwan yang mendiami rimba raya.

Malahan itu juga, cerita binatang yang dikategorikan sebagai **binatang dalam habitat dan dunianya** pula lebih mengisahkan tentang manusia dan binatang. Kebiasaannya watak binatang dalam corak cerita seumpama ini tidak boleh bertutur seperti manusia. Selain itu, binatang dalam kategori ini hanya akan mengeluarkan bunyi atau suara tertentu seperti mengiau, mengembek dan sebagainya lagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5.2 Binatang Sebagai Lambang

Lambang merupakan sesuatu seperti tanda (lukisan, lencana dan sebagainya) yang menyatakan suatu hal yang mengandung maksud tertentu, simbol; seperti gambar tunas kelapa melambangkan pramuka, warna biru melambangkan kesetiaan (Kamus Dewan Edisi Kelima, 2005: 1495). Selain itu juga, terdapat tiga hubungan yang berkaitan dengan tanda iaitu:

a. Ikon iaitu hubungan tanda dengan acuannya yang berupa hubungan kemiripan (contoh: peta geografi, logo, lambang pemerintahan dan sebagainya)
b. Indeks iaitu hubungan tanda karena ada kedekatan eksistensi (contoh: penunjuk jalan)
c. Simbol iaitu hubungan yang sudah terbentuk secara konvensional (contoh: anggukan kepala tanda setuju)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Agus Sachari (2005: 63), menerangkan bahawa "tanda *(Sign)* adalah unsur dasar dalam semiotika dan komunikasi, iaitu segala sesuatu yang mengandung makna yang memiliki dua kategorial, iaitu sebagai penanda (bentuk dasar) dan sebagai petanda (makna)". Agus Sachari (2005: 66-67) menuliskan dalam lingkup budaya Umberto Eco, semiotik dapat dipakai untuk mengamati berbagai tanda yang bersifat empiris dan indrawi. Eco mencuba memperluas kajian semiotika meliputi seluruh wahana intelektual manusia, tanda alamiah, dan peradaban yang dikenal sebagai ranah budaya, salah satunya adalah semiotika binatang *(Zoosemiotics)* iaitu semiotika yang memberikan gambaran semiotika yang berhubungan dengan perilaku komunikatif kelompok binatang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Semiotik fauna (tumbuh-tumbuhan) *(zoosemiotics)*, khusus memperhatikan sistem tanda yang dihasilkan oleh haiwan. Haiwan biasanya menghasilkan tanda untuk berkomunikasi antara sesamanya, tetapi juga menghasilkan tanda yang dapat ditafsirkan oleh manusia. Tanda-tanda yang dihasilkan oleh haiwan, menjadi perhatian orang yang bergerak dalam ilmu semiotik fauna. Semantik menitik beratkan pada rujukan/acuan dan bentuk atau lambang. Rujukannya dapat berupa kekal mahupun abstrak. Lambang yang acuannya binatang bersifat kekal oleh kerana itu maknanya mudah ditafsirkan.

Dalam Ismail Hamid (1986: 15), mitos adalah "cerita suatu bangsa tentang dewa dan pahlawan zaman dahulu, mengandung penafsiran tentang asal usul semesta alam, manusia dan bangsa tersebut mengandung erti mendalam yang diungkapkan secara ghaib". Awang Sariyan (2007: 63), pula menyatakan bahawa mitos merupakan proses penafsiran tentang kosmos alam semesta, dewa-dewa, benda atau makhluk hidup lainnya yang diungkapkan mendalam dengan cara ghaib. Penciptaan lambang dapat dilakukan dengan menyamakan filosofi, cita-cita, visi dan misi serta ideologi dengan karakter dan mitos yang dimiliki oleh binatang. Sejajar dengan itu, pengkaji akan menerangkan hasil interpretasi pengkaji berkaitan karekter dan mitos masyarakat Melayu-Arab mengenai watak-watak binatang dalam cerita-cerita binatang Melayu-Arab seperti mana berikut;

4.5.2 (i) Cerita *Sang Kancil Mengira Buaya.*

Dalam cerita *Sang Kancil Mengira Buaya*, watak utama dalam cerita ini ialah Sang Kancil. Seperti yang kita sedia maklum, Kancil atau pelanduk merupakan tokoh utama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam cerita-cerita binatang Melayu. Ketokohannya digambarkan dengan begitu ketara sekali dengan sifat-sifatnya yang bijak dan pandai dalam tindak-tanduknya. Walaupun Kancil merupakan binatang yang kecil dan lemah, tetapi kebijaksanaan yang dimilikinya membolehkan dirinya mengalahkan binatang-binatang lain yang lebih besar dan kuat daripadanya. Akhirnya seluruh binatang di dalam hutan tunduk kepada Sang Kancil.

Gambaran perwatakan Sang Kancil dalam cerita *Sang Kancil Mengira Buaya* dapat kita lihat menerusi sifat Kancil yang bijak dan pintar dalam memenuhi impiannya dan menangani masalah untuk menyeberangi sungai dengan cara membuat helah terhadap binatang yang lebih kuat darinya. Di sini, Kancil dilihat telah memainkan peranannya sebagai seekor binatang yang pintar dan bijak sehingga dapat memenuhi keinginannya untuk menikmati buah-buahan yang sedang masak ranum di seberang sungai. Melalui kepintaran yang dimilikinya itu maka Kancil dapat memperdayakan binatang yang lebih besar daripadanya iaitu buaya. Melalui cerita yang bercorak seperti inilah yang dapat memberikan pengajaran bahawa kebijaksanaan dan kepintaran dalam mengatur sesuatu strategi mampu memperdayakan binatang yang lebih kuat daripadanya bagi memenuhi keinginan dan mencapai hajatnya itu.

Melalui sifat atau perwatakan yang digambarkan dalam cerita *Sang Kancil Mengira Buaya*, maka pengkaji dapat menginterpretasikan simbol atau lambang bagi watak Kancil sebagai kebijaksanaan, kepandaian dan kelicikan. Hal ini turut dipersetujui oleh Hassan Mutalib (2011), menerusi temuramah yang dijalankan oleh pengkaji dengan menyatakan bahawa;

> "Sang Kancil menjadi lambang kepintaran dan kebijaksanaan masyarakat kita sejak dahulu lagi dengan tersimpannya beberapa kisah lagenda mengenainya. Kancil merupakan sejenis binatang yang masyhur dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> kebanyakan masyarakat di Malaysia, Indonesia dan sebahagian Kepulauan Melayu Nusantara disebabkan legenda Melayu. Bahkan itu juga, Sang Kancil turut menjadi binatang yang paling digemari oleh kanak-kanak kerana ceritanya banyak membawa unsur pengajaran yang sesuai dengan budaya kita."

Seperti yang kita ketahui, Kancil adalah seekor binatang yang kecil dan lincah fizikalnya. Namun, disebalik kelincahan dan kekecilan saiz badannya itu, ianya dilihat menjadi simbol atau lambang kepada kekuatan dan kehandalan bagi asal usul penubuhan negeri Melaka. Menurut catatan sejarah negeri Melaka, Sang Kancil menjadi simbol dalam sejarah penubuhan negeri tersebut. Dikisahkan bahawa Parameswara yang keluar memburu di dalam hutan dan dikejutkan dengan peristiwa aneh apabila melihat seekor Kancil kecil yang berdiri di atas batang pokok tumbang yang merentasi anak sungai telah menendang anjing buruan baginda dengan kuat ke dalam sungai. Hal ini jelas menunjukkan kelicikan Kancil dalam menewaskan anjing buruan baginda yang saiznya lebih besar daripadanya.

Dalam kepercayaan agama Hindu, peristiwa yang terjadi kepada Parameswara ini dianggap sebagai satu petunjuk daripada nenek moyang dan tuhan bahawa kawasan tersebut mampu dibangunkan dengan sempurna dan sekaligus mampu melahirkan rakyat yang kuat dan handal dalam semua perkara seumpama simbol atau lambang bagi kekuatan dan kehandalan Kancil. Malah, menurut kepercayaan masyarakat Melayu pada zaman itu, "kejadian ganjil seumpama itu melambangkan kepada permulaan satu pekerjaan yang mampu menghasilkan kejayaan di masa akan datang" (Utusan Online, 2 Jun 2010). Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa melalui kelicikan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kehandalan Sang Kancil inilah yang menjadi lambang kepada kekuatan dan kemegahan negeri Melaka sehingga ke hari ini.

Sehubungan itu juga, dalam cerita *Sang Kancil Mengira Buaya* ini dapat kita lihat mengenai watak buaya. Secara fitrahnya, buaya adalah seekor binatang yang buas, ganas di dalam air dan dari mata dan barisan giginya pula menunjukan ia tergolong dalam makhluk pemakan daging (*karnivor*). Di sini, pengkaji dapat menginterpretasikan bahawa buaya adalah seekor binatang yang ganas, kejam dan buas sifatnya di alam realiti. Namun, berbalik kepada cerita *Sang Kancil Mengira Buaya*, watak buaya dilihat berbeza sifatnya kerana dalam cerita ini, ianya disimbolkan atau diberi lambang sebagai seekor binatang yang bodoh dan mudah ditipu oleh binatang yang cerdik darinya iaitu Kancil. Hal ini turut dibuktikan dan dipersetujui oleh Lucky Junan Subiakto (9 November 2009) yang menyatakan bahawa;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

> "Buaya dikenali dan digolongkan sebagai sosok binatang buas dan tergolong sebagai binatang yang memakan daging. Kata 'buaya' dalam istilah bahasa Indonesia mempunyai konotasi negatif, iaitu dilambangkan sebagai tipu daya. Maksudnya di sini, buaya memiliki sifat tipu daya untuk menangkap mangsanya namun, jika sang mangsanya 'cerdik', mungkin bisa selamat dari gigitannya. Masih ingatkah cerita pengantar tidur dari buku bacaan yang setia menemani saat kita duduk di sekolah? si Kancil dan buaya. Si kancil, binatang kecil yang ingin menyeberang sungai, tapi apa daya sungai dipenuhi oleh buaya-buaya yang lapar. Tapi berkat kecerdikannya, sang kancil selamat dan berhasil memperdaya ratusan buaya".

Menerusi kenyataan yang dinyatakan di atas maka pengkaji dapat menyimpulkan bahawa watak buaya yang digambarkan dalam cerita *Sang Kancil Mengira Buaya* ialah bersimbolkan sebagai tipu daya, kebodohan dan pengkhianatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5.2 (ii) Cerita *Arnab dan Kura-Kura.*

Seterusnya kita lihat simbol atau lambang yang terdapat dalam cerita *Arnab dan Kura-kura.* Seperti yang kita sedia maklum, Arnab ialah seekor binatang yang lincah dan pantas apabila bergerak. Hal ini dapat dibuktikan lagi menerusi kepercayaan dalam masyarakat Cina yang menyatakan bahawa arnab diberi lambang sebagai "sederhana, penggerak cepat dan merupakan pendengar yang baik". Manakala dalam cerita *Arnab dan Kura-kura* ini telah memberikan banyak huraian falsafah atau interpretasi simbol yang terkandung pada watak-watak binatang terbabit.

Salah satu falsafah dan simbol yang dapat dilihat ialah mengenai sifat sombong dan bongkak haiwan dengan cuba menunjukkan kebolehannya berbanding haiwan-haiwan yang lain. Dalam cerita ini, pengarang cuba memberi nasihat kepada pembaca melalui watak-watak binatang yang terdapat dalam cerita ini seperti watak Arnab yang suka meninggikan diri terhadap binatang yang lebih kecil dan lemah berbanding dengan dirinya (Kura-kura). Tetapi pada akhirnya Arnab telah mendapat malu terhadap sifat sombong dan bongkaknya itu akibat kalah dengan Kura-kura dalam perlawanan lumba lari.

Sifat sombong dan suka meninggikan diri adalah satu perbuatan dan sifat yang sia-sia kerana perbuatan itu hanya akan merugikan dan memalukan diri sendiri. Hal ini disebabkan oleh sifat sombong dan suka meninggikan diri itu adalah salah satu sifat dan sikap yang tidak disukai Allah kerana sifat itu akan mengundang kepada sifat riak yang hampir kepada sifat syaitan iaitu ciptaan yang di laknat Allah dan juga merupakan musuh kepada umat manusia. Contohnya, sifat meninggikan diri yang dipegang atau dibawa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

oleh watak Arnab dalam cerita ini sebenarnya cuba untuk menyampaikan tentang keburukan atau impak hasil daripada sifat sombong itu tidak akan membawa apa-apa faedah dan makna kepada orang yang mempunyai sifat tersebut.

Selain itu, falsafah yang terkandung dan terdapat dalam cerita *Arnab dan Kura-kura* ini dapat memberikan pengajaran kepada pembacanya agar jangan suka memandang rendah akan kebolehan orang lain dengan hanya berpandukan kepada pandangan zahir dan sifat fizikal yang dimiliki mereka sahaja. Hal ini dapat diperhatikan melalui watak Arnab yang sering memandang rendah terhadap kebolehan Kura-kura dengan hanya menilai Kura-kura dari segi pergerakkannya yang sangat perlahan dan lembab apabila bergerak. Selain itu juga, sifat suka memandang rendah terhadap kebolehan orang lain juga dapat di sama ertikan dengan sifat suka meninggikan diri dan menunjuk-nunjuk dengan kebolehan yang ada pada dirinya sendiri berbanding dengan bintang-binatang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lantaran daripada cerita *Arnab dan Kura-kura* ini, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa watak arnab dilihat memberikan simbol atau lambang kesombongan, keangguhan dan suka meninggikan diri dengan kelebihan dan kebolehan yang ada pada dirinya. Hal ini bersesuaian dengan pandangan dan pemikiran masyarakat Melayu yang menganggap Arnab adalah seekor binatang yang sombong dan mementingkan diri sendiri berbanding binatang-binatang lain (Asmah Haji Omar, 1986: 37).

Selain watak Arnab, pengkaji turut menginterpretasi watak Kura-kura yang dikatakan telah menjadi mangsa ejekan Arnab. Secara amnya, Kura-kura merupakan binatang dua alam yang tinggal di darat dan juga di dalam air. Ianya juga tergolong di dalam salah satu kategori binatang reptilian yang tertua dan paling primatif (*Ensklopedia*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Siri Ingin Tahu Reptilia, Edisi Bahasa Melayu, 2003: 1). Selain itu, Kura-kura juga dikatakan memiliki cengkerang yang dapat melindungi dirinya daripada ancaman bahaya. Secara fitrahnya, Kura-kura amat pantas dan cekap apabila berada di dalam air berbanding di darat kerana kesukarannya untuk bergerak dipermukaan tanah memandangkan bentuk fizikalnya yang agak kecil selain membawa cengkerang yang besar dan keras sekaligus membataskan pergerakannya berbanding dengan binatang-binatang lain. Oleh kerana kesukarannya untuk bergerak dipermukaan tanah maka ianya sering diejek oleh binatang-binatang lain khususnya Arnab (seperti yang terjadi dalam cerita *Arnab dan Kura-kura*).

Menurut pandangan mitos masyarakat China dan Jepun, mereka mempercayai bahawa Kura-kura dilambangkan sebagai 'panjang umur' kerana menurut mitos masyarakat berkenaan, urutan simbolik tersebut dapat dikenalpasti menerusi fizikal Kura-kura itu sendiri. Misalnya, cengkerang Kura-kura diibaratkan sebagai simbol langit, tubuhnya pula membawa simbolik kepada bumi dan bawah cengkerangnya dikatakan sebagai kerak bumi. Menerusi simbolik yang digambarkan oleh masyarakat itulah dapat dikaitkan Kura-kura sebagai 'panjang umur'. Malahan, Saintis Barat melalui penyelidikan yang dijalankannya telah menyatakan bahawa Kura-kura adalah spesis haiwan yang paling lama hidup di bumi berbanding dengan haiwan-haiwan lain. Hal ini dapat dibuktikan menerusi kenyataan dalam *Ensklopedia Siri Ingin Tahu Reptilia, Edisi Bahasa Melayu* (2003: 12) seperti berikut; "Seekor kura-kura raksasa pernah dijumpai di Mauritius pada tahun 1766 dengan usianya 152 tahun".

Selain itu, masyarakat Melayu berpendapat bahawa kura-kura ialah lambang haiwan yang memiliki kesabaran, kekuatan, kestabilan, panjang umur dan perlindungan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Asmah Haji Omar, 1986: 51). Berbalik kepada kisah cerita *Arnab dan Kura-kura*, memang tidak dapat dinafikan lagi bahawa Kura-kura memiliki lambang tersebut kerana menerusi cerita ini kita dapat lihat watak Kura-kura yang banyak bersabar, kuat dan stabil dalam mengharungi kehidupannya walaupun sering dihina dan diejek oleh binatang-binatang lain amnya Arnab. Malahan, melalui gambaran kesabaran, kekuatan, kestabilan dan ketabahan telah membolehkan Kura-kura berjaya mengalahkan Arnab dalam pertandingan lumba lari. Lantaran daripada peristiwa ini jugalah yang dapat membentuk pandangan masyarakat terutamanya masyarakat Melayu menerusi perumpamaan yang berbunyi "biarpun lambat asalkan selamat" dan "adakalanya lebih baik melakukan sesuatu kerja dengan perlahan dan sempurna, daripada cepat tetapi kelam-kabut".

Oleh sebab itu, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa sememangnya tepat untuk kita menyatakan bahawa interpretasi simbol watak Kura-kura sebagai ketabahan, kesabaran, kekuatan, kestabilan, panjang umur dan perlindungan seperti mana yang digambarkan dalam cerita *Arnab dan Kura-kura*. Melalui simbol atau lambang inilah yang dapat memberikan nilai didikan atau didaktik kepada kanak-kanak.

4.5.2 (iii) Cerita *Gagak Mencari Air*.

Selain kita melihat simbol atau lambang yang terdapat pada watak-watak binatang dalam cerita binatang Melayu seperti *Arnab dan Kura-kura*, *Sang Kancil Mengira Buaya* dan cerita-cerita seterusnya, kita juga dapat melihat satu lagi simbol atau lambang yang diketengahkan oleh masyarakat Melayu menerusi cerita binatang Melayu seperti cerita

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Gagak Mencari Air. Secara realitinya, gagak ialah sejenis haiwan berkategorikan mamalia. Selalunya haiwan yang tergolong dalam spesis mamalia ini makan makanan berdaun seperti tumbuh-tumbuhan dan juga daging. Malah, seseekor gagak dapat kita lihat fizikalnya yang memiliki dua pasang sayap, paruh yang pendek dan memiliki deria pendengaran yang jelas. Hal ini turut dinyatakan dalam buku *Ensklopedia Siri Ingin Tahu Mamalia, Edisi Bahasa Melayu* (2003: 8) yang menyatakan seperti berikut; "Gagak mampu bertindakbalas terhadap panggilan kumpulannya dari dari jarak sejauh 61 meter."

Gagak kebiasaannya hidup di dalam kumpulan yang besar dan bergerak dari satu tempat ke satu tempat lain untuk mencari makanan. Walau bagaimanapun, gagak lebih gemar memburu sendirian kerana tidak mahu adanya persaingan bagi mendapatkan makanan. Malah, gagak juga mampu terbang berbatu-batu jauhnya dari tempat asal untuk mendapatkan makanan berbanding dengan haiwan-haiwan yang lain. Berbalik kepada cerita *Gagak Mencari Air* dapat kita lihat mengenai kesungguhan gagak untuk mendapatkan air yang terdapat dalam bekas minuman yang sedikit. Melalui kebijaksanaan dan kesungguhan gagak mendapatkan air, akhirnya ia dapat minum air tersebut dengan memasukkan batu ke dalam bekas air tersebut. Hal ini menjadikan ianya sebagai satu simbol atau lambang yang membawa maksud kepada kesungguhan, kebijaksanaan dan tidak mudah berputus asa. Simbol atau lambang ini dilihat bersesuaian dengan corak pemikiran masyarakat Celtic di Eropah yang menganggap burung gagak sebagai;

> "simbol dari sifat cekatan, cerdik dan membawa ilmu. Dari perilaku burung gagak, mereka biasa belajar bagaimana mengingati masa lalu sebagai bahan pelajaran untuk kehidupan selanjutnya."

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu juga, mitos pandangan masyarakat Hindu dan Melayu amatlah berbeza dengan pandangan masyarakat di Eropah. Masyarakat Hindu dan Melayu mempercayai burung gagak membawa satu simbol yang negatif kepada kehidupan masyarakatnya. Hal ini kerana simbol burung gagak membawa kepada pertanda yang tidak elok seperti 'kematian', 'malapetaka', 'peperangan' dan sebagainya (bagi masyarakat Melayu) atau simbol 'dewa kematian' (bagi masyarakat Hindu). Contohnya, dalam kepercayaan masyarakat Jawa, ketika terdapatnya orang yang sedang sakit tenat lalu pada masa berkenaan terdengar suara burung gagak maka ianya dapat ditafsirkan bahawa si pesakit akan meninggal tidak lama lagi. Lantaran itu, melalui mitos pandangan inilah yang dikatakan bagi masyarakat Melayu dan Hindu bahawa burung gagak ialah satu simbol negatif yang menunjukkan kepada aspek malapetaka, kematian dan peperangan.

Bahkan itu juga, kalau kita hayati dengan betul mengenai cerita *Gagak Mencari Air*, perlambangan watak gagak dapat ditafsirkan sebagai seekor haiwan yang bijaksana, berkesungguhan dan kuat berusaha iaitu sama seperti pemikiran dan pandangan masyarakat Eropah yang turut menyatakan pendapat mereka mengenai simbol atau lambang bagi burung gagak. Hal ini turut diperakui oleh Susa Morgan Black yang menulis dalam artikel online mengenai *Raven and Traditional Culture* menyatakan bahawa;

> *"...raven has the "highest mental development" among the avian species. Naturalist Tony Angell has proven in controlled laboratory experiments that ravens are "superior in intelligence to all other avian species tested."*
>
> (*http://www.druidry.org/obod/lore/animal/raven.html*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Maksudnya di sini, gagak dikatakan mengandungi perkembangan mental tertinggi di antara spesis burung-burung yang lain. Bahkan itu juga, Tony Angell telah terbukti dalam percubaan yang diujinya dan bersetuju mengatakan bahawa gagak adalah seekor haiwan yang unggul kerana kecerdasannya berbanding dengan segala jenis burung yang lainnya di dunia.

Sejajar dengan itu, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa gagak adalah simbol kepada kebijaksanaan, kesungguhan dan tidak mudah berputus asa yang mana bersesuaian dengan kisah cerita binatang yang dikaji pengkaji iaitu cerita *Gagak Mencari Air*. Menerusi kisah cerita ini, kita sebagai pendengar atau pembaca dapat mengambil contoh kebijaksanaan dan kesungguhan yang digambarkan pada watak gagak itu sendiri. Justeru, pengkaji menyangkal sama sekali pandangan dan pendapat masyarakat Hindu dan Melayu yang mengatakan gagak disimbolkan sebagai haiwan yang mendatangkan malapetaka, keburukan dan kematiaan. Bagi pengkaji, setiap kesan negatif atau keburukan itu sebenarnya datang dan diberikan oleh Allah S.W.T kepada kita dan bukannya diberikan melalui lambang seekor haiwan iaitu gagak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5.2 (iv) Cerita *Pengorbanan Ikan Nun*.

Sama seperti cerita-cerita binatang Melayu, cerita-cerita binatang Arab juga dapat kita interpretasikan watak-watak binatang yang diketengahkan dalam cerita-cerita terbabit. Misalnya dalam cerita *Pengorbanan Ikan Nun*, simbol atau lambang yang dapat kita lihat ialah menerusi ikan Nun itu sendiri. Seperti yang kita ketahui, perkataan 'Nun' membawa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

maksud kepada seekor ikan yang sangat besar berbanding ikan-ikan lain yang berada di dalam dunia Allah S.W.T ini. Maksudnya di sini, ikan Nun boleh dikatakan sebagai ikan paus kerana memang tidak ada lagi ikan yang jauh lebih besar selain dari ikan paus. Secara amnya, ikan paus ialah sejenis haiwan berspesis mamalia. Ikan paus juga adalah haiwan yang terbesar di dunia dengan ukuran badannya sepanjang 30 meter dan berat sehingga 150 tan (*Ensklopedia Siri Ingin Tahu Mamalia, Edisi Bahasa Melayu*, 2003: 13).

Sehubungan itu, ikan paus menurut pandangan masyarakat Arab adalah seekor haiwan yang dilambangkan sebagai simbol pengorbanan, kecerdasan, cinta dan rahmat. Hal ini dikatakan kerana masyarakat Arab melihat simbol ikan Nun yang dikisahkan menerusi kisah Nabi Yunus yang diselamatkan oleh ikan Nun. Seperti yang kita sedia maklum, dalam cerita *Pengorbanan Ikan Nun* dapat kita saksikan betapa mulianya ikan Nun kerana sanggup berkorban demi untuk menyelamatkan Nabi Yunus daripada mati lemas dan juga ketaatan ikan Nun terhadap perintah Allah S.W.T. Ikan Nun juga sanggup menahan lapar berhari-hari demi kecintaannya kepada Nabi Yunus dan Allah S.W.T. Walaupun terpaksa menahan lapar dan terpaksa berenang beberapa hari untuk menuju ke pulau, ikan Nun dilihat kental dan masih cerdas untuk mengharungi dugaan tersebut demi menyelamatkan Nabi Yunus A.S.

Selain itu juga, menurut fakta dalam *Ensklopedia Siri Ingin Tahu Mamalia, Edisi Bahasa Melayu* (2003: 13), menyatakan bahawa ikan paus berupaya menyelam sehingga kedalaman 2000 meter dan boleh kekal di dalam air sehingga 90 minit. Oleh yang demikian, bersesuaian dengan pandangan dan pemikiran masyarakat Arab yang mengatakan bahawa ikan Nun dilambangkan sebagai kecerdasan kerana melalui cerita

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengorbanan Ikan Nun, ianya dilihat masih cerdas walaupun sudah beberapa hari tidak makan dan asyik berenang untuk menuju ke hujung pulau. Hal ini dapat dibuktikan lagi menerusi *Ensklopedia Siri Ingin Tahu Mamalia, Edisi Bahasa Melayu* (2003: 13) yang menyifatkan bahawa;

> "Ikan paus mempunyai paru-paru yang sangat elastik iaitu berupaya menyimpan udara pada tahap maksimum sewaktu menarik nafas dan sebelum ia turun kembali ke laut. Ia mempunyai lapisan lemak (*blubber*) yang dapat mengurangkan kehilangan haba dan mengimbangi daya graviti badannya ketika berada di dalam lautan."

Malahan, melalui mitos masyarakat Barat yang menganggap ikan paus sebagai;

> *"...seem to be associated with maternal energy and in waking life they are, in fact, caring, attentive mothers. Whales can be symbolic of pregnancy - literal pregnancy or symbolic pregnancy such as being pregnant with ideas or bursting with creativity. Again, these are powerful symbols of the unconscious and the intuition so it would be wise to pay careful attention to the ideas that are coming up at this time.*
>
> *(http://www.bellaonline.com/articles/art18617.asp)*

Bagi masyarakat Barat pula, mereka menganggap ikan paus sebagai simbol kelahiran semula atau penghidupan yang baru kerana ikan paus melalui cerita *Pengorbanan Ikan Nun*, seolah-olah telah menghidupkan kembali Nabi Yunus setelah beberapa hari berada di dalam perut ikan Nun (paus). Lantaran itu, dapat dikatakan bahawa pandangan masyarakat Barat dan Arab boleh diambil kira dan dianggap bersesuaian dengan kaitan cerita *Pengorbanan Ikan Nun*. Namun, bagi pengkaji, simbol atau lambang yang digambarkan oleh ikan Nun dalam cerita ini sebenarnya untuk menunjukkan kepada kita

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

semua (makhluk Allah S.W.T) mengenai kekuasaan dan mukjizat yang Allah S.W.T sebagai pencipta kepada manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan segala alam semesta.

Secara keseluruhannya, memang bertepatan jika pengkaji menginterpretasikan simbol atau lambang ikan Nun (ikan Paus) sebagai simbol atau lambang kepada keagungan Allah S.W.T, pengorbanan, cinta, rahmat, kelahiranan semula dan kecerdasan seperti mana yang dapat kita saksikan melalui kisah dalam cerita *Pengorbanan Ikan Nun* itu sendiri.

4.5.2 (v) Cerita *Lembu Betina yang Suci.*

Seterusnya, pengkaji akan menginterpretasi simbol atau lambang yang terdapat dalam cerita *Lembu Betina yang Suci*. Seperti yang kita sedia maklum, lembu adalah sejenis haiwan mamalia yang memiliki sifat-sifat fizikal seperti berbulu, memiliki empat kaki, makan makanan seperti tumbuh-tumbuhan dan sebagainya lagi. Secara amnya, simbol lembu melambangkan kekuasaan, kekuatan, keberanian, kesuburan bagi lelaki, terburu-buru serta sebagai lambang zodiak iaitu *Taurus* (dalam masyarakat Cina). Kewujudan lembu pula melambangkan kebanggaan di dalam agama yang terdahulu apabila terdapat bukti yang mengatakan lembu jantan dan betina merupakan kalangan haiwan yang paling awal yang dibela oleh manusia selepas serigala Asia yang menjadi belaan manusia. Lembu jantan dan betina juga menjadi simbol kekayaan dan sumber rezeki pemiliknya kerana lembu jantan menjadi sumber pembiakan, manakala lembu betina menghasilkan susu tenusu, daging, darah dan pelbagai lagi produk yang dapat dihasilkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahkan itu juga, dalam banyak kebudayaan lembu adalah simbol Ibu Pertiwi dan telah menjadi simbol kesuburan, penjagaan dan kekuasaan. Selain itu, d alam agama Hindu, simbol lembu memaparkan kepada kekuatan dan *fertility*. Di India, lembu sangat dihormati kerana lembu betina melambangkan sumber makanan kerana menghasilkan susu manakala lembu jantan pula memberi makna kesuburan. Dewa lembu iaitu Vrishabha mempunyai tanggungjawab sebenar untuk mengawal pergerakan dan putaran kosmik. Terdapat juga seekor lembu putih yang bernama Nandin yang ditunggangi oleh Dewa Pemusnah, Shiva. Menurut mitologi Hindu, lembu adalah dewa yang memimpin angkatan Wasu iaitu para dewa yang menguasai aspek-aspek alam. Oleh itu, masyarakat Hindu menganggap lembu sebagai simbolik kepada kesabaran, kesuburan, potensi, kemungkinan dan kemenangan yakni bayangan kepada sifat-sifat yang ada pada Tuhan mereka. Hal ini turut diperkatakan oleh Tressidder, J. (2000: 67) dalam bukunya dengan mengatakan seperti berikut;

> "Haiwan ini sangat dihormati oleh penganut agama Hindu di India kerana lembu/sapi dianggap sebagai haiwan yang suci. Hal ini didasarkan pada salah satu peninggalan bersejarah dalam agama Hindu yang menceritakan keterkaitan antara lembu/sapi dengan Dewa Khrisna. Tak seorang pun di sana yang berani mengusir lembu/sapi yang berbaring di tengah jalan, misalnya."

Justeru, berbalik kepada kisah dalam cerita *Lembu Betina yang Suci* kita dapat menyatakan bahawa lembu pada waktu itu dianggap sebagai satu simbol kesucian bagi kaum-kaum Bani Israel. Namun begitu, Nabi Musa A.S telah mengubah perspektif kaum Bani Israel dengan memberitahu kepada kaum tersebut bahawa Allah S.W.T telah memerintahkan supaya lembu betina yang berwarna keemasan milik seorang pemuda di tempat itu perlu disembelih. Lantaran daripada kejadian tersebut maka Kaum Bani Israel

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terpaksa menerima dan menyaksikan penyembilahan yang dilakukan itu kerana Allah S.W.T memilih lembu sebagai satu korban untuk menyedarkan kaum Bani Israel supaya tidak lagi menyembah lembu sebagai Tuhan mereka kerana hanya Allah S.W.T sahaja yang wajib disembah dan dipatuhi.

Selain itu dalam masyarakat Melayu, lembu diibaratkan sebagai satu simbol yang negatif iaitu membawa lambang kepada kebodohan, dengu, malas dan sebagainya. Hal ini dikatakan kerana sifat seekor lembu yang lembab, malas dan kurang cergas berbanding dengan haiwan-haiwan yang lainnya. Misalnya, lembu dikatakan hanya kuat makan dan malas untuk bergerak dari satu tempat ke satu tempat. Justeru, melalui sifat fizikal yang sebeginilah sesuai untuk dikatakan atau dimaksudkan bahawa lembu ialah sebagai simbol kemalasan dan kebodohan. Malah, masyarakat Melayu juga menginterpretasikan simbol lembu sebagai memiliki semacam alat penunjuk arah atau kompas dalam tubuhnya. Lembu sangat tahu arah utara dan selatan. Hal ini dapat kita lihat ketika lembu sedang beristirahat. Mereka cenderung mengarahkan tubuhnya ke utara dan selatan.

Lantaran daripada itu, pengkaji dapat merumuskan bahawa lembu sebenarnya diibaratkan sebagai haiwan yang banyak membantu dalam kehidupan manusia. Misalnya, membantu para petani membajak sawah atau mengangkut beban yang berat. Oleh sebab itu, bertepatan dengan interpretasi pengkaji yang mengatakan lembu sebagai haiwan yang bersimbolkan kepada korban atau pengorbanan. Hal ini dilihat bersesuaian juga dengan ajaran agama Islam yang telah menetapkan dan menyarankan agar umat Islam menjadikan lembu sebagai haiwan korban. Maksudnya di sini, lembu dijadikan korban dengan disembelih dan dagingnya dibagikan pada orang yang tidak mampu. Amalan sebegini sebenarnya telah termaktub dalam ajaran agama Islam dan ianya turut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diceritakan menerusi cerita *Lembu Betina yang Suci* yang dikatakan sebagai medium untuk menyedarkan masyarakat bahawa lembu bukanlah sebagai haiwan yang suci untuk disembah sebagaimana yang dilakukan oleh kaum-kaum Bani Israel pada satu ketika dahulu. Rentetan daripada peristiwa terbabit, maka dapat kita tafsirkan bahawa lembu adalah simbol kepada korban atau pengorbanan. Walau bagaimanapun, dalam masyarakat Hindu mereka masih menganggap lembu sebagai simbol kesucian dalam ajaran agama mereka dan akan tetepi, mereka tidak memujanya sebagai dewa. Hal ini turut diperakui oleh Tressidder, J. (2000: 78), dengan berbunyi;

> "...Lembu adalah simbol ibu Pertiwi yang memberikan kesejahteraan pada umat manusia khasnya umat Hindu. Namun, perlu diingat bahwa umat Hindu hanya menghormati sapi, bukan memuja layaknya dewa."

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5.2 (v) Cerita *Tongkat Menjadi Ular.*

Seterusnya kita lihat pula interpretasi simbol atau lambang bagi watak ular dalam cerita *Tongkat Menjadi Ular* ini. Secara amnya, cerita *Tongkat Menjadi Ular* diambil dari kisah Nabi iaitu kisah Nabi Musa A.S. Dalam cerita ini, kita dapati tongkat milik Nabi Musa dapat bertukar menjadi seekor ular yang besar dan dapat membinasakan seluruh pengikut Raja Firaun yang dikatakan enggan mentaati dan mempercayai kewujudan Allah S.W.T. Seperti yang kita sedia maklum, ular ialah sejenis haiwan yang berspesiskan reptilia. Ular juga adalah haiwan yang tidak memiliki kaki. Badan ular selalunya dilitupi dengan sisik, ianya juga tidak mempunyai kelopok mata dan lidahnya bercabang dua. Menurut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ensklopedia Siri Ingin Tahu Reptilia, Edisi Bahasa (2003: 6-7), menerangkan bahawa terdapat lebih kurang tiga ribu spesis ular di seluruh dunia.

Dalam kepercayaan Hindu, ular adalah diantara simbol yang melambangkan kepada kesucian. Bagi mereka, ular sinonim dengan dewi dan Tuhan rahmat. Begitu juga dengan kepercayaan Buddha yang menitikberatkan kesempurnaan roh dan dalam makhluk binatang itu ada mempunyai roh-roh dalam proses kesempurnaan. Dalam Islam pula, kita digalakkan untuk membunuh ular berbisa, tetapi dengan beberapa pedoman seperti dilarang membunuh ular yang memasuki rumah sebelum memberi amaran kerana dibimbangi ular berkenaan adalah jelmaan makhluk jin. Sesetengah ular juga dikatakan mempunyai kuasa berbahaya melalui bisa yang boleh membutakan mata manusia jika terkena meskipun dari jarak jauh dan ada diantaranya boleh menggugurkan janin atau anak dalam kandungan bagi perempuan yang sedang hamil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Namun, pada hakikatnya ular adalah sejenis haiwan yang dapat diambil faedah daripadanya dan juga sebaliknya. Hal ini kerana bagi kaum India, mereka mengatakan bahawa ular adalah lambang ketuhanan, suci dan jelmaan dewa-dewi. Mereka memuja ular sebagai entiti terhormat dan tinggi. Sehubungan dengan itu, ular turut dikatakan sebagai entiti yang disanjung dan diterima sebagai dewi atau dewa yang berkuasa dan dapat mendatangkan pelbagai kebaikan dan perlindungan kepada manusia yang menganuti kepercayaan tersebut. Malah, bagi masyarakat Cina pula mempercayai bahawa ular sebagai haiwan yang mempunyai kebaikan dan keburukan. Hal ini kerana dagingnya dianggap mempunyai khasiat yang tinggi dari segi kesihatan. Malah darah ular juga diproses menjadi bahan perubatan bagi penyakit tertentu. Dari segi spiritual pula, ular turut mendapat tempat yang baik. Misalnya tahun ular dianggap sebagai tahun yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendatangkan tuah dan kebaikan bagi masyarakat Cina. Ular juga menjadi perlambangan tertentu dan diterjemahkan dalam kehidupan masyarakat Cina. Contohnya, seni mempertahanan diri dilihat sinonim dengan perilaku ular. Hal ini kerana gerakan tubuh dalam seni mempertahankan diri telah dicipta dan diamalkan oleh masyarakat Cina lebih memperlihatkan kepada perilaku ular itu sendiri. Mereka juga percaya bahawa ular adalah jelmaan roh-roh baik yang boleh dijadikan tempat bergantung dan memohon bantuan dalam mengatasi pelbagai masalah mereka dalam kehidupan.

Tanggapan kepelbagaian tradisi masyarakat terhadap ular terus berlaku sepanjang masa dan proses meletakkan kedudukan ular dalam kehidupan manusia adalah bergantung kepada anutan dan kepercayaan. Begitu juga terjadi dalam proses kebudayaan Melayu di mana ular pada suatu ketika dianggap mempunyai unsur yang baik dan pada ketika yang lain melambangkan kejahatan. Apabila masyarakat Melayu membudayakan diri dalam anutan Islam, maka pengaruh penerimaan falsafah mengenai ular adalah mengikut kefahaman Islam di samping berbaur dengan kepercayaan nenek-moyang yang pernah menganut agama Hindu dan Buddha. Melalui kepercayaan dan kebudayaan yang diamalkan oleh masyarakat Melayu, Hindu dan Buddha, maka dapat dikatakan bahawa ular menjadi satu lambang yang amat penting dalam setiap kehidupan masyarakat berkenaan.

Namun, apabila kita melihat simbol ular yang diketengahkan dalam cerita *Tongkat Menjadi Ular*, apa yang dapat pengkaji interpretasikan mengenai simbol ular ialah lambang negatif iaitu melambangkan kehancuran. Hal ini dilihat kerana pada zaman Mesir, Nabi Musa A.S telah bertarung dengan tentera Mesir dan Raja Firaun menerusi tongkatnya yang dapat bertukar menjadi ular yang besar dan telah membelah Lautan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Merah sehingga membawa kepada kehancuran dan kebinasaan kepada Raja Firaun dan pengikut-pengikutnya. Malahan itu juga, simbol ular turut dilihat memberikan lambang yang positif seperti lambang mukjizat yang diberikan oleh Allah S.W.T kepada Nabi Musa A.S untuk menentang Raja Firaun dan pengikut-pengikutnya yang dikatakan enggan untuk tunduk dan patuh kepada ajaran agama Islam.

Selain itu, kita juga dapat menyatakan bahawa ular dilambangkan juga sebagai simbol penggoda. Hal ini kerana, dalam kisah al-Quran sendiri ada menyatakan bahawa dosa yang dilakukan oleh Nabi Adam A.S dengan Hawa adalah disebabkan oleh godaan seekor ular. Walaupun terdapat pelbagai simbol atau lambang yang dinyatakan oleh setiap masyarakat, namun bagi pengkaji simbol ular adalah satu lambang yang negatif iaitu bermaksud kepada 'kehancuran'. Malahan, kalau kita teliti simbol ular dalam cerita *Tongkat Menjadi Ular* maka pengkaji dapat mentafsirkan bahawa simbol tersebut bukanlah satu tanda yang negatif tetapi menujukkan kepada simbol kekuasaan Allah S.W.T dan juga simbol mukjizat yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T kepada Nabi-nabi yang terpilih. Lantaran itu, dapat disimpulkan bahawa setiap masyarakat memiliki pandangan atau kepercayaannya yang tersendiri berkaitan dengan simbol ular. Oleh sebab itu, tidak hairanlah kalau terdapatnya sesetengah pandangan masyarakat yang menganggap ular sebagai simbol yang positif atau istimewa kepada kehidupan mereka. Hal ini kerana, setiap kebudayaan atau kepercayaan itu adalah satu perkara yang berbeza-beza antara satu masyarakat dengan masyarakat yang seterusnya. Bak kata pepatah; "lain padang lain belalang, lain lubuk lainlah ikannya".

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.6 Rumusan

Berdasarkan kepada hasil tinjauan kesusasteraan, hasil analisis cerita binatang yang dipilih, hasil pemerhatian di sekolah Tadika Yayasan Islam Cawangan Chendering, Kuala Terengganu dan hasil interpretasi pengkaji terhadap simbol watak cerita binatang yang dikaji iaitu melibatkan kepada tiga buah cerita binatang Melayu dan tiga buah cerita binatang Arab, maka dapat dirumuskan bahawa sememangnya terdapat persamaan antara bentuk dan struktur cerita binatang Melayu dan Arab. Namun begitu, terdapat juga sedikit kelainan atau peralihan yang berlaku menerusi bahasa dan gaya penyampaian antara cerita binatang Melayu dengan cerita binatang Arab. Hal ini dikatakan terjadi kerana setiap bangsa memiliki bahasa dan gaya penyampaian yang berbeza-beza antara satu sama lain. Namun begitu, isi cerita atau tema cerita yang diketengahkan adalah sama iaitu untuk memberikan kesan pengajaran dan didikan moral kepada masyarakat yang membaca atau mendengar cerita-cerita tersebut. Ini dilihat selari dengan konsep atau fungsi asas dalam bidang kesusasteraan.

Selain itu juga, melalui cerita-cerita binatang ini juga dapat memberikan kesan positif kepada anak-anak melalui proses pembelajaran dan pengajaran mereka di sekolah mahupun di rumah. Justeru, hasil daripada pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji di sekolah tadika yang dipilih, pengkaji mendapati sememangnya 97% pelajar-pelajar di sekolah tadika berkenaan mendapat kesan positif seperti mudah mengingati cerita yang disampaikan, dapat memperkayakan pembendaharaan kata, mudah belajar dan senang menerima cara pengajaran guru di dalam kelas melalui penyampaian cerita-cerita kanak-kanak khasnya cerita binatang. Malahan, pengkaji mendapati kanak-kanak sememangnya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lebih tertarik dengan cara bercerita di dalam kelas berbanding dengan pengajaran dan pembelajaran secara formal yang diajar oleh guru-guru. Hal ini kerana melalui penyampaian cerita di dalam kelas, kanak-kanak dikatakan tidak bosan atau mengantuk untuk meneruskan sesi pembelajaran di dalam kelas. Bahkan itu juga, melalui penyampaian cerita-cerita terutamanya menerusi cerita binatang mampu membentuk keperibadian atau tingkah laku seseorang kanak-kanak itu melalui lambang atau watak cerita binatang yang diketengahakan menerusinya.

Bahkan itu juga, berdasarkan kepada hasil analisis yang dilakukan pengkaji, pengkaji mendapati sememangnya cerita-cerita binatang yang dihasilkan dalam sastera kanak-kanak Melayu-Arab bukanlah semata-mata berfungsi sebagai alat hiburan sepenuhnya tetapi masyarakat Melayu dan Arab dapat memahami jiwa dan pembentukan akhalak anak-anak mereka melalui penghasilan genre cerita ini. Cerita-cerita yang dihasilkan sebenarnya sarat dengan nilai-nilai murni dan sesuai sebagai wadah untuk mendidik kanak-kanak terutama membabitkan kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan bersistematik. Bersesuaian dengan saranan kerajaan yang mengutamakan sistem pembelajaran dan pengajaran yang mampu melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang dan gemilang tidak kira dari pelbagai aspek terutamanya melibatkan aspek kurikulum.

Tuntasnya, cerita-cerita binatang ini sebenarnya mengisahkan tentang aspirasi, nilai dan perjuangan hidup sesuatu masyarakat yang melahirkannya. Sehubungan itu, cerita binatang banyak menggambarkan tentang falsafah hidup serta mencerminkan nilai-nilai dan sikap sesuatu masyarakat yang lampau. Secara tidak langsung cerita-cerita binatang ini menganjurkan kepada masyarakatnya supaya tidak mengabaikan nilai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

budaya yang menjadi warisan bangsa dari zaman yang lampau (Ismail Hamid, 1988: 4). Malahan, tidak dapat dinafikan lagi bahawa cerita-cerita binatang ini masih lagi mendapat tempat dikalangan kanak-kanak Melayu dan Arab. Cerita-cerita ini masih terus disampaikan hingga kini dan menjadi warisan kebanggaan serta khazanah kedua-dua bangsa yang tidak ternilai harganya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB V

RUMUSAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji menerangkan secara keseluruhan mengenai perbincangan dapatan atau kesimpulan yang diperolehi hasil daripada analisis yang dibuat pada bab yang sebelumnya. Selain itu juga, pengkaji turut memberikan rumusan yang berkaitan dengan setiap bab iaitu dari bab 1 hinggalah ke bab 4. Melalui rumusan yang terhasil ini juga dapat memberi satu penilaian yang penting kepada kajian secara rasional, bernas dan intektual. Selain itu, di dalam bab ini pengkaji turut menyatakan batasan-batasan kajian dan juga memberikan beberapa cadangan serta pandangan yang berkaitan dengan kajian yang telah dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2 Ringkasan Kajian

Berdasarkan kepada tinjauan kesusasteraan, analisis terhadap enam buah cerita binatang yang dikaji dan hasil pemerhatian yang dijalankan di Sekolah Tadika Yayasan Islam Cawangan Chendering, Kuala Terengganu ternyata hasil kajian kepada kajian ilmiah ini telah tersurat di dalam bab 4. Namun begitu, dalam bahagian ini pula diterangkan secara terperinci mengenai rumusan bagi keseluruhan hasil kajian tersebut.

Di sini, setelah terhasilnya hasil kajian ini maka pengkaji dapat merumuskan bahawa cerita yang menggunakan watak-watak binatang terdapat dalam setiap masyarakat di dunia ini dan ianya memainkan peranan yang luas dalam masyarakat tersebut. Dalam masyarakat Melayu, cerita binatang juga menjadi salah sebuah cerita yang dapat menarik minat ahli-ahlinya untuk sama-sama mengikuti cerita tersebut. Cerita berwatak binatang ini sangat digemari terutamanya di kalangan kanak-kanak. Cerita ini berkembang dan diterima baik oleh masyarakat sejak zaman dahulu sehingga hari ini. Ianya menjadi kegemaran ramai kerana digunakan sebagai alat untuk mendidik dan mengajar kanak-kanak terutamanya melalui pengajaran moral yang terdapat di dalam cerita tersebut. Pengajaran yang diselitkan dalam cerita ini dijalin secara halus supaya mereka yang mendengarnya dapat megambil teladan dan tidak menyinggung perasaan seseorang. Cerita binatang yang terdapat dalam masyarakat Melayu merupakan cerita yang banyak membawa cerita nasihat, pertunjuk dan pengajaran. Namun begitu, tidak semua cerita binatang yang membawa unsur-unsur sedemikian.

Bahkan itu juga, setelah pengkaji meneliti dan membuat analisis mengenai kajian fungsi cerita binatang Melayu-Arab dalam pendidikan kesusasteraan awal kanak-kanak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

maka terungkailah bagi setiap objektif yang dikaji oleh pengkaji. Di sini dapat dinyatakan bahawa sememangnya cerita binatang Melayu-Arab dikatakan dapat memberikan kesan yang positif kepada kanak-kanak khasnya melalui proses pembelajaran dan pengajaran kanak-kanak di peringkat tadika/pra-sekolah. Hal ini turut diperakui sendiri oleh Fauziah Wan Jaafar (2011) yang menegaskan bahawa;

> "Dalam konteks kanak-kanak, pendidikan perlu dilihat sebagai satu proses yang berterusan berkembang serentak dengan perkembangan inidividu seseorang kanak-kanak yang mempelajari apa sahaja yang ada di persekitarannya (khasnya melalui cerita-cerita yang disampaikan) dan dengan ilmu atau kemahiran yang diperolehi itulah yang akan diaplikasikannya dalam konteks yang pelbagai sama ada dalam kehidupan sehariannya di ketika itu ataupun sebagai persediaan untuk kehidupannya di masa yang akan datang."

Justeru, dengan lebih jelas lagi dapat dirumuskan oleh pengkaji bahawa segala apa yang dilihat dan didengari oleh seseorang kanak-kanak itu khususnya dari persekitarannya adalah merupakan satu sistem pendidikan bagi mereka kerana yang nyatanya kanak-kanak di peringkat awal umur masih lagi tidak dapat membezakan yang baik dan buruk dalam dirinya sendiri. Tambahan pula, masyarakat Barat dan masyarakat Islam dilihat mempunyai perspektif yang sama mengenai sistem pendidikan awal kanak-kanak dalam melahirkan pembentukan jasmani, rohani dan intelektual kanak-kanak itu sendiri. Kedua-dua golongan ini bersetuju dan berpendapat bahawa pembentukan jasmani, rohani dan intelektual seseorang kanak-kanak itu haruslah dipupuk dan diamalkan sejak dari peringkat awal lagi.

Melalui kajian ilmiah yang dijalankan ini, pengkaji mendapati ketiga-tiga objektif pengkaji dapat dicapai dan terlaksana. Objektif pertama pengkaji iaitu mengkaji bentuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan struktur penceritaan cerita binatang Melayu-Arab dalam pendidikan kesusasteraan awal kanak-kanak. Di sini, pengkaji telah pun mengenalpasti bahawa cerita binatang Melayu-Arab khususnya enam buah cerita binatang yang dikaji sememangnya diakui mempunyai persamaan bentuk dan strukturnya antara cerita binatang Melayu dengan cerita binatang Arab yang disampaikan kepada masyarakat. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit perbezaan iaitu melibatkan bahasa dan gaya persembahan pada cerita binatang Melayu dan Arab. Hal ini dikatakan kerana penggunaan bahasa dan gaya persembahan dalam setiap negara adalah berbeza mengikut tradisi dan budaya masing-masing. Namun begitu, antara persamaan yang dapat dikenalpasti oleh pengkaji menerusi cerita binatang Melayu-Arab ialah melalui aspek struktur iaitu melibatkan aspek tema, plot, watak dan perwatakan, latar, dan juga fungsi atau peranan yang ingin disampaikan atau diketengahkan oleh penyampai/pengkarya melalui cerita-cerita yang dihasilkannya itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, melalui objektif kedua iaitu mengenalpasti peranan atau fungsi cerita binatang dalam memberikan kesan positif terhadap proses pembelajaran dan pengajaran kanak-kanak. Melalui objektif kedua ini, pengkaji mendapati bahawa sememangnya pengkaji telah berjaya mengenalpasti keberkesanan fungsi cerita binatang ke atas proses pembelajaran dan pengajaran kanak-kanak. Lantaran itu, dapat dirumuskan bahawa terdapatnya empat fungsi cerita binatang yang diselitkan dalam sastera kanak-kanak. Antara fungsi tersebut ialah; 1) sebagai alat hiburan, 2) untuk menyampaikan pengajaran dan didikan moral, 3) menjadi media atau saluran kritikan ataupun sindiran sosial dan 4) untuk mendekatkan kanak-kanak dengan bahasa sastera dan bagi menerangkan sesuatu. Oleh yang demikian, pengkaji merumuskan bahawa keempat-empat fungsi cerita

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

binatang ini mampu memberikan kesan positif dalam proses pembelajaran dan pengajaran kanak-kanak itu sendiri.

Selain itu, pengkaji mendapati terdapat lima kesan positif penyampaian cerita binatang ke atas proses pembelajaran dan pengajaran kanak-kanak di sekolah tadika/pra sekolah. Kesan positif tersebut ialah seperti 1) dapat mengamalkan tingkah laku baik dan menghindari tingkah laku buruk, 2) dapat menanam sikap rajin membaca dan kuat berusaha, 3) dapat menerima pelajaran dengan lebih mudah dan berkesan, 4) melatih dan mengajak kanak-kanak untuk mengingati dan berfikir dan 5) mampu memperkayakan pembendaharaan kata. Sejajar dengan itu, penggunaan cerita binatang sebagai sebuah cerita yang memberi pengajaran kepada kanak-kanak adalah kerana ianya merupakan sebuah cerita yang ringkas dan mempunyai jalinan plot yang mudah untuk difahami oleh kanak-kanak. Tambahan pula, kanak-kanak memang berminat dengan watak binatang yang terdapat dalam cerita-cerita itu. Jadi, sebagai daya penarik bagi kanak-kanak penggunaan cerita binatang untuk memberi pengajaran didapati amat berkesan. Kanak-kanak didapati cepat menjadi bosan dengan pembelajaran di sekolah yang lebih menekankan teknik pembelajaran secara terus iaitu penerangan terus kepada maksud. Namun, dengan cara bercerita terutama cerita yang menjadi minat kanak-kanak mampu menarik minat kanak-kanak dan sekaligus dapat mengelakkan kebosanan yang timbul dalam diri mereka.

Oleh itu, sebagai salah satu cara untuk mengelakkan kebosanan itu maka hari ini guru-guru di sekolah-sekolah telah menggunakan teknik bercerita untuk menyampaikan sesuatu pengajaran terutamanya pengajaran akhlak dengan mengemukakan cerita-cerita yang mampu menarik minat kanak-kanak itu terutamanya melalui cerita binatang. Dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR), pengajaran akhlak itu disampaikan dengan cara bercerita sama ada secara lisan ataupun dengan menggunakan bahan bacaan dari buku-buku. Cara ini didapati berkesan dan mengalakkan kanak-kanak untuk belajar dengan bersungguh-sungguh. Kanak-kanak juga didapati lebih cepat mengingati cerita yang disampaikan itu di mana mereka telah dapat menceritakan semula cerita-cerita tersebut kepada rakan-rakan mereka yang lain.

Sehubungan itu juga, cerita-cerita binatang yang digunakan untuk memberi pengajaran dan didikan pada kanak-kanak ini adalah menerusi cerita binatang yang berbentuk *fabel* di mana ditonjolkan watak-watak terpuji dan mempunyai nilai akhlak yang tinggi berbanding dengan cerita binatang yang berbentuk lain. Dengan penonjolan ini diharapkan kanak-kanak akan dapat meniru tingkah laku yang baik yang terkandung di dalamnya. Hal ini adalah kerana kehidupan dalam cerita itu didedahkan khas untuk kanak-kanak mengenai pelbagai jenis kehidupan dan juga sifat-sifat yang dipunyai oleh binatang semasa mereka berada dalam perseorangan dan berkumpulan. Dengan adanya unsur-unsur yang sebegini kanak-kanak akan dapat melihat dan mengetahui serta memahami dengan lebih optimis akan kehidupan binatang yang lebih nyata dan juga dengan mengambil pengajaran yang tersimpul di dalamnya.

Malahan, kanak-kanak dapat membentuk tingkah laku mereka berdasarkan kepada pengalaman mereka yang lalu tidak mengira pengalaman yang baik ataupun buruk. Bagi tingkah laku yang baik ianya akan terus diamalkan, namun sebaliknya jika tingkah laku yang buruk itu pula akan ditinggalkan atau dijauhkan. Oleh itu, penonjolan cerita binatang sama ada yang bertingkah laku baik ataupun buruk itu perlu bagi memberi pengajaran kanak-kanak itu. Berdasarkan kepada kajian pengkaji, pengkaji mendapati

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

cerita binatang sememangnya mempengaruhi tingkah laku dan pemikiran kanak-kanak. Hal ini telah dibuktikan melalui pemerhatian yang dijalankan oleh pengkaji dan juga pendapat dari guru-guru yang mengajar di sekolah berkenaan. Hasil pemerhatian yang diperolehi mendapati hampir kesemua pelajar di sekolah berkenaan menunjukkan pengaruhi tingkah laku dan pemikiran mereka yang baik setelah mendengar cerita-cerita binatang yang diketengahkan oleh guru mereka sewaktu sesi pembelajaran dijalankan. Malah, dari hasil kajian tersebut, pengkaji mendapati cerita binatang yang diketengahkan oleh guru-guru itu sebenarnya lebih banyak memberi penekanan terhadap tingkah laku yang baik seperti nilai kerjasama dan tolong menolong, berbudi pekerti dan lain-lain lagi. Hal ini dapat pengkaji rumuskan bahawa tingkah laku yang dibawa oleh cerita binatang melalui watak-wataknya telah berjaya mempengaruhi kanak-kanak, malah turut membantu proses perkembangan pembelajaran dan pengajaran kanak-kanak di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu juga, pengkaji turut berjaya mencapai objektif ketiga pengkaji iaitu memberi interpretasi simbol atau makna yang tersirat yang berkaitan dengan watak-watak binatang yang diketengahkan dalam cerita-cerita binatang Melayu-Arab yang dikaji. Melalui pemaparan simbol atau makna tersirat dalam keenam-enam buah cerita binatang yang dikaji maka pengkaji dapat menginterpretasikannya melalui sifat atau fizikal watak binatang. Justeru, melalui interpretasi simbol dan makna tersirat yang berkaitan dengan watak binatang dalam cerita binatang ini telah membolehkan pengkaji mengetahui mengenai kepercayaan animisme masyarakat Melayu, Buddha, Hindu dan sebagainya lagi yang dapat memberikan satu nilai pendidikan yang berguna kepada masyarakat mahupun kanak-kanak. Misalnya, melalui interpretasi pengkaji terhadap watak Kancil yang dikatakan memberikan lambang mengenai kebijaksanaan dan kepandaian. Malah,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melalui lambang inilah yang dapat membentuk keperibadian dan tingkah laku yang baik terhadap kanak-kanak apabila mereka membaca ataupun mendengar cerita ini. Justeru, inilah yang dikatakan sebagai satu bentuk pendidikan yang tidak formal yang dapat didedahkan kepada kanak-kanak khususnya diperingkat awal usia.

Rentetan daripada hasil kajian yang dilakukan oleh pengkaji maka didapati bahawa kesan positif yang ditinggalkan oleh cerita binatang telah berjaya mempengaruhi tingkah laku dan pemikiran kanak-kanak, malah ianya juga turut memberikan kesan yang positif ke atas proses pembelajaran dan pengajaran kanak-kanak. Hal ini dikatakan bersesuaian dengan teori pembelajaran iaitu menerusi model peniruan yang dikemukakan oleh Bandura; kanak-kanak lebih cenderung untuk meniru apa yang dibuat oleh orang lain dan juga meniru dari bahan bacaan ataupun menerusi cerita-cerita dari filem. Justeru, secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa setiap pencarian bagi objektif pengkaji telah menemui matlamat dan terlaksana dengan sepenuhnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3 Dapatan Kajian

Dalam bahagian ini, pengkaji menerangkan beberapa dapatan kajian sepanjang menjalankan kajian ini. Pengkaji melihat dapatan kajian diperoleh melalui hasil kajian secara berterusan sama ada dari segi temuramah lisan, kajian ilmiah dari buku-buku rujukan selain rujukan internet. Dapatan kajian ini seterusnya membantu pengkaji untuk lebih memahami kajian mengenai pendidikan kesusasteraan awal kanak-kanak khususnya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sastera kanak-kanak di Malaysia dan seluruh dunia amnya. Dapatan kajian ini seterusnya menjadi titik tolak kepada kajian pengkaji pada masa akan datang.

5.3.1 Teknik Pengajaran dan Pembelajaran Di Prasekolah.

Dapatan kajian pertama yang diperolehi adalah pemerhatian pengkaji terhadap teknik pengajaran dan pembelajaran di peringkat awal kanak-kanak. Hal ini sebenarnya berkaitrapat dengan proses pengajaran dan pembelajaran yang betul dan berkesan yang kebanyakannya telah dipraktikkan di negara-negara maju seperti Jepun dan Amerika Syarikat. Sepanjang pemerhatian dan kajian yang dibuat di Sekolah Tadika Yayasan Islam Cawangan Chendering, Kuala Terengganu, pengkaji melihat perlunya satu modul baru dalam menarik minat kanak-kanak untuk membaca. Kanak-kanak pada usia 4 hingga 6 tahun lebih banyak menggunakan otak kanan yang lebih cenderung memproses visual, alam fantasi dan sebagainya sesuai dengan usia dan fitrah kanak-kanak.

Teknik dan gaya penceritaan seseorang guru perlulah lebih menarik ketika bercerita dalam menarik minat kanak-kanak untuk terus duduk mendengar cerita hingga selesai. Lontaran suara yang jelas, gerak tubuh yang lucu, penggunaan suara yang pelbagai bersesuaian dengan pelbagai watak yang dibawa adalah salah satu cara yang berkesan dalam menjiwai jalan cerita yang dibawa seterusnya mengajak minda kanak-kanak berada di dalam 'alam' cerita tersebut.

Pengkaji juga mendapati kanak-kanak lebih gemar atau merasa tertarik dengan buku-buku cerita bersaiz besar dan mempunyai gambar-gambar yang cantik dan jelas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui saiz tulisan yang besar kanak-kanak dapat mengeja dan membaca dengan lebih lancar dibantu dengan imej-imej yang cantik dan besar yang boleh membantu kanak-kanak untuk mengenali sesuatu objek atau watak binatang. Selain itu, paparan gambar dan imej ini akan membantu kanak-kanak untuk lebih memahami sesebuah cerita. Hal ini dibuktikan apabila ada seorang kanak-kanak mengulang beberapa kali membaca sebuah buku kerana saiz buku cerita itu lebih besar dan mempunyai paparan gambar yang cantik dan jelas.

Seterusnya dapatan yang terakhir dalam skop teknik pengajaran dan pembelajaran adalah penyampaian cerita oleh guru. Kita sedia maklum apabila guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah arus perdana hatta di peringkat pengajian tinggi, proses pembelajaran dijalankan dengan guru berada di hadapan para pelajar. Berbeza dengan peringkat pembelajaran awal kanak-kanak, guru seharusnya menggunakan pendekatan yang berlainan untuk mengajar kanak-kanak. Dalam konteks penyampaian cerita, terdapat 2 cara yang boleh dipraktikkan. Pertama, guru haruslah berada di hadapan dan dikelilingi oleh kanak-kanak dan keduanya kanak-kanak membuat 2 barisan di hadapan guru mereka. Cara ini digunapakai untuk mengelak kanak-kanak bermain sesama mereka dan memudahkan guru bercerita dan berinteraksi dengan kanak-kanak ketika proses penceritaan berlaku. Di sini disertakan contoh gambar rajah kedudukan guru dan kanak-kanak semasa proses penceritaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 5.1: Kedudukan Guru dan Pelajar Ketika Sesi Bercerita Dijalankan di dalam Kelas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.2 Sastera Kanak-Kanak Di Malaysia Masih Belum Berkembang

Dapatan kajian seterusnya ialah pengkaji melihat sastera kanak-kanak di Malaysia masih jauh ketinggalan berbanding negara-negara maju yang lain. Sastera kanak-kanak di Malaysia sebenarnya telah lama bermula iaitu sejak kita diperintah oleh penjajah lagi. Kisah sastera Melayu kanak-kanak telah lama diperdengarkan oleh generasi terdahulu dan disampaikan dari turun temurun kepada ibubapa kita. Namun, generasi kini mungkin sudah tidak mengenal tentang 'cerita sebelum tidur' yang pernah disampaikan oleh nenek moyang kita kepada ibubapa kita dahulu. Generasi kanak-kanak kini telah melalui satu teknologi baru yang di bawa oleh arus media massa tempatan dan antarabangsa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Permainan video, televisyen dan program hiburan terus mengakis minat kanak-kanak terhadap sastera Melayu kanak-kanak itu sendiri.

Selain itu, pengkaji juga melihat kurangnya bahan-bahan rujukan, naskah-naskah ilmu malah buku-buku aliran sastera kanak-kanak di perpustakaan yang dilawati pengkaji. Malah, di kedai-kedai buku juga masih kurang dijual buku-buku seperti ini sedangkan sepanjang pemerhatian pengkaji di sekitar kedai-kedai buku yang disinggahi, novel-novel remaja yang lebih banyak dijual. Hal ini sedikit sebanyak menyukarkan pengkaji dalam proses menyiapkan kajian ini.

5.4 Saranan dan Cadangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di bahagian ini, pengkaji turut menyatakan beberapa cadangan yang dirasakan boleh dilakukan dan dilaksanakan oleh pelbagai pihak yang berkaitan. Berikut adalah cadangan yang dikemukakan untuk pihak-pihak terbabit;

5.4.1 Ibubapa

Sudah dibuktikan melalui kajian-kajian sarjana dalam dan luar negara bahawa kanak-kanak yang didedahkan dengan pembacaan di rumah akan lebih bersedia menerima instruksi pengajaran di sekolah kelak dan mereka mempunyai minat terhadap pembacaan. Oleh itu, ibubapa perlu memainkan peranan untuk memupuk minat membaca dalam kalangan anak mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seperti yang diketahui, anak-anak di zaman kini tidak berminat untuk membaca. Kebanyakan mereka lebih suka menghabiskan masa lapang mereka dengan bermain atau menonton televisyen daripada membaca bahan bacaan yang berfaedah untuk diri mereka. Sehubungan dengan itu, amatlah perlu bagi ibubapa membacakan buku kepada anak-anak sebagai rutin harian (seperti sebelum waktu tidur) semenjak anak-anak kecil lagi. Hal ini bertepatan dengan pendapat Cohen (1972: 29), mendapati *variabel* motivasi ibubapa mempunyai hubungan signifikan dengan aspirasi pendidikan anak. Sikap anak boleh dikatakan menyerupai sikap ibubapa, maka peranan ibubapa amat penting dalam menentukan pembelajaran anak yang berjaya. Pendapat ini sejajar dengan pandangan Wilkins (1981: 53) yang menyatakan bahawa;

> *"...the attitudes of children are almost always the attitudes of their parents also, so that it could be said that the parents do much to determine the lack of success of their children in learning..."*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu juga, ibubapa hendaklah menyemaikan tabiat suka membaca ke atas anak-anak mereka. Tabiat ini harus ditanamkan sejak kecil lagi bak kata pepatah, *"kalau hendak melentur buluh biarlah dari rebungnya"*. Dalam hal ini, ibubapa perlu menyediakan bahan bacaan untuk anak-anak. Sebagai contohnya, ibubapa hendaklah mewujudkan perpustakaan mini di rumah untuk menggalakkan anak-anak membaca. Apabila anak selalu membaca, mereka akan menjadi seronok lalu menjadikan amalan membaca sebagai hobi kerana alah bisa tegal biasa.

Seterusnya, ibubapa sendiri juga harus menanamkan sikap suka membaca kepada diri sendiri sebagai teladan kepada anak-anak. Apabila melihat ibubapa membaca, anak-anak juga akan terpengaruh untuk mengikut jejak langkah ibubapa mereka yang suka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membaca. Misalnya, ibubapa yang tidak suka membaca dan hanya menggalakkan anak-anak mereka membaca dianggap *bagai ketam mengajar anaknya berjalan betul.* Oleh yang demikian, ibubapa mestilah menjadi contoh kepada anak-anak dengan menjadikan amalan membaca sebagai hobi kerana bagaimana acuan begitulah kuihnya.

Malahan, ibubapa juga disarankan atau digalakkan untuk mengadakan program membaca bersama keluarga iaitu setiap ahli keluarga akan melakukan pembacaan masing-masing. Jika semua keluarga mempunyai masa menonton televisyen bersama, tetapkan juga sedikit masa untuk semua ahli keluarga membaca bersama-sama kerana aktiviti membaca adalah amat penting dalam kehidupan kita. Hal ini dilihat bersesuaian dengan kenyataan yang dinyatakan oleh Fauziah Wan Jaafar (2011) melalui temuramah yang dijalankan pengkaji.

> "Sastera kanak-kanak akan maju jika semua pihak bersama-sama terutama ibubapa melalui pendidikan di rumah. Berceritalah dengan anak-anak. Rekalah apa-apa cerita sekalipun kepada mereka."

Seterusnya ibubapa perlu mengambil masa terluang dengan membawa anak-anak ke perpustakaan khususnya pada hujung minggu untuk menarik minat anak-anak untuk membaca. Berilah kelonggaran kepada anak-anak untuk mencari sendiri buku kegemaran masing-masing walaupun dalam pada masa yang sama ibubapa haruslah memantau buku-buku yang bersesuaian dengan usia dan tahap pemikiran mereka. Dalam pada itu, ibubapa juga boleh membawa anak-anak ke pameran buku atau kedai-kedai buku berhampiran untuk membeli buku-buku yang diminati oleh anak-anak. Melalui amalan ini, minat anak-anak akan lebih terbuka untuk membaca. Kelak, anak-anak itu sendiri akan terbiasa untuk pergi ke kedai buku dan membeli buku-buku kegemaran mereka dan tidak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berbelanja kea rah perkara yang tidak berfaedah. Hal ini akan memberi keuntungan bukan sahaja kepada 'ketinggian' sastera kanak-kanak malah memberi kelebihan kanak-kanak itu sendiri dalam menimba ilmu pengetahuan melalui proses pembacaan.

Bukan itu sahaja, ibubapa juga hendaklah menggalakkan anak-anak untuk membaca buku dengan cara mendaftar anak mereka menyertai kelab buku. Melalui penyertaan dalam kelab buku, anak-anak akan menyertai pelbagai aktiviti dan mengetahui perkembangan buku yang terkini.Sebagai contohnya, anak-anak boleh menjadi ahli Kelab Buku Ilmiah yang ditubuhkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Apabila anak-anak menjadi ahli kelab buku, mereka didedahkan dengan pelbagai perkara yang berkaitan dengan buku dan mereka tidaklah menjadi seperti *katak di bawah tempurung*.

Sehubungan itu, ibubapa juga hendaklah memberikan galakan kepada anak-anak mereka untuk menyertai pertandingan bercerita, deklamasi sajak dan puisi-puisi kanak-kanak tidak kira diperingkat sekolah mahupun pertandingan di luar sekolah. Misalnya menerusi pertandingan bercerita semasa Hari Guru ataupun hari PIBG sekolah. Hal ini kerana melalui penyertaan ini maka dapatlah kita menyemaikan semangat untuk kanak-kanak mencintai buku terutamanya membabitkan sastera kanak-kanak. Malah melalui pendedahan ini juga, kanak-kanak akan dapat meningkatkan keyakinan diri mereka untuk berhadapan dengan orang ramai serta membolehkan mereka memperkayakan pembendaharaan kata.

Kesimpulannya, ibubapa harus sedar bahawa memupuk minat membaca di kalangan kanak-kanak amatlah penting kerana para pujangga sering mengingatkan kita bahawa "membaca adalah jambatan ilmu." Ibubapa juga harus menanamkan sikap suka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membaca dalam kalangan anak mereka kerana membaca sahajalah dapat menjadikan minda anak-anak mereka cerdas. Oleh yang demikian, ibubapa mestilah menjadi pendorong dalam menyemai minat membaca di dalam diri anak-anak mereka khususnya melibatkan bahan bacaan sastera kanak-kanak. Jika anak-anak sudah jatuh cinta dengan aktiviti membaca, kejayaan dalam bidang pelajaran akan terbentang luas di depan mereka pada masa hadapan.

5.4.2 Guru atau Pihak Sekolah

Guru prasekolah juga tidak terlepas daripada memainkan peranan penting terhadap perkembangan kanak-kanak. Mereka adalah antara orang yang paling awal berinteraksi dengan kanak-kanak selepas ibubapa. Oleh itu mereka adalah *role model* yang berupaya mempengaruhi dan membimbing kanak-kanak.

Faktor guru dan pengajaran merupakan aspek penting dalam pengajaran dan pembelajaran sastera kanak-kanak di sekolah. Guru yang mengajar dengan baik dapat mengubah persepsi pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran. Dalam mengubah persepsi pelajar, guru perlu memainkan peranan dalam membentuk minat pelajar serta lebih menumpukan perhatian bagi sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Oleh itu, guru harus sentiasa bersikap proaktif dan mengambil inisiatif untuk berusaha meningkatkan kemahiran dan menghasilkan teknik pengajaran berkesan yang mampu menarik minat pelajar, dan pada masa yang sama turut memenuhi keperluan sukatan pelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Minat dan kesungguhan yang mendalam pada guru itu membantu mempercepatkan proses penghayatan pelajar. Guru juga tidak seharusnya beranggapan mempelajari sastera merupakan sesuatu perkara yang mudah dan membiarkan pelajar membaca dan faham sendiri. Guru mesti mempunyai keupayaan untuk menarik hati pelajar dengan menyelami peristiwa yang berlaku sehingga pelajar benar-benar dapat merasakan sesuatu peristiwa itu. Bimbingan dan galakan daripada guru kepada pelajar amat penting agar pelajar dapat melibatkan diri dalam aktiviti bilik darjah. Pendapat ini juga disarankan oleh Charles (1985: 116), yang menyatakan bahawa:

> *" ...teachers are the decisive element in the classroom. Teachers posses power to make a chlid's life joyous or miserable. Teachers can be an instrument of inspiration or torture to a child's motivation to learn".*

Selain teknik pengajaran seperti membacakan buku, guru juga perlulah kreatif dengan mengadakan aktiviti-aktiviti lanjutan yang berkaitan dengan buku-buku yang dibaca tersebut bagi memanjangkan lagi perhatian dan minat kanak-kanak terhadap isi kandungan buku tersebut. Dengan adanya minat, kanak-kanak akan bermotivasi untuk membaca sendiri buku-buku tersebut berulang kali. Oleh itu, sebaik-baiknya guru meletakkan buku yang telah dibacakannya di sudut bacaan untuk diakses dengan mudah oleh kanak-kanak setelah mendengar pembacaan tersebut. Guru juga perlu mengadakan beberapa salinan buku tersebut di sudut bacaan agar tidak mendatangkan kekecohan apabila beberapa orang kanak-kanak ingin melihat buku yang sama selepas sesi bacaan oleh guru. Selain itu, guru-guru haruslah membenarkan kanak-kanak untuk mengunjungi sudut bacaan walaupun tanpa pengawalan guru. Hal ini dikatakan kerana mereka akan berasa lebih bebas untuk membuat pilihan terhadap bahan bacaan mereka, berbincang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sesama teman dan meneliti buku yang disukai dengan cara mereka sendiri. Suasana positif ini akan memberi makna kepada kanak-kanak dan juga memberi kesan yang berpanjangan terhadap minat membaca.

Malahan, bahan bacaan yang disediakan oleh guru perlulah menepati cita rasa dan minat kanak-kanak. Guru perlu bijak memilih buku yang dapat menarik minat, bersesuaian dengan usia kanak-kanak tersebut. Jikalau buku yang digunakan tidak mengambil kira pengetahuan sedia ada kanak-kanak, ini akan menghilangkan minat mereka untuk membaca buku tersebut. Guru juga harus mengambil kira penggunaan gambar yang menarik, *'font'* yang jelas dan besar yang boleh menarik minat kanak-kanak.

Malah, di zaman teknologi sekarang guru perlulah bijak menggunakan media teknologi yang terdapat di dalam bilik darjah agar dapat meningkatkan tahap pembacaan kanak-kanak. Media teknologi seperti komputer, buku interaktif dan televisyen boleh digunakan bagi memantapkan lagi pengajaran yang berkaitan dengan pembacaan kanak-kanak. Media ini boleh mendedahkan kanak-kanak kepada abjad, ejaan, membacakan perkataan bergambar dan membacakan buku kepada kanak-kanak. Kanak-kanak juga boleh melukis gambar dan mengarang cerita menggunakan komputer. Guru juga boleh menggunakan perakam suara untuk merakamkan cerita yang digemari dan kanak-kanak agar mereka dapat mendengar cerita tersebut tanpa kehadiran guru di dalam kelas. Selain itu, kanak-kanak boleh merakam suara mereka bercerita, menyanyi, membaca buku dan memperdengarkannya semula. Kanak-kanak tentu gemar dan seronok mendengar suara mereka sendiri dan ini dapat menggalakkan perkembangan bahasa mereka. Guru harus kreatif dalam memasukkan elemen sastera kanak-kanak contohya dalam bentuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penceritaan atau nyanyian. Hal ini disokong oleh Fauziah Wan Jaafar (2011) yang menyatakan;

> "Pendidikan di sekolah juga main peranan yang penting. Maksudnya, guru harus selitkan sastera kanak-kanak, teka-teki kanak-kanak, pantun Melayu dalam *poem English* dan nyanyian dalam sukatan pembelajaran di sekolah. Sastera kanak-kanak perlu diterap kepada kanak-kanak sejak awal lagi."

5.4.3 Penerbit Karya Sastera Kanak-kanak

Sejak kebelakangan ini, corak penerbitan buku kanak-kanak sedikit tersasar daripada matlamat asal untuk mendidik kanak-kanak. Apa yang kita lihat daripada pandangan orang dewasa adalah tidak sama dengan pandangan kanak-kanak. Persoalan tentang tajuk atau tema yang 'berpijak di bumi nyata' atau persoalan fantasi juga mengelirukan. Justeru, apa yang diketengahkan ialah aspek yang dikehendaki dan perlu ada dalam buku kanak-kanak ialah perkara-perkara yang difikirkan perlu dan sesuai mengikut kehendak orang dewasa, bukan keperluan kanak-kanak. Lantaran, dengan faktor inilah menjadi masalah kepada penerbitan bahan-bahan bacaan kanak-kanak. Oleh yang demikian, pihak yang terlibat seperti penerbitan karya sastera kanak-kanak, para pengarang, pelukis ilustrasi dan penerbit harus meninjau pendapat dan pemikiran kanak-kanak sebelum menerbitkan bahan sastera. Seiring dengan era teknologi maklumat, permintaan dan kehendak kanak-kanak kini adalah berbeza, beragam dan canggih berbanding zaman dahulu. Maka ketiga-tiga pihak tersebut perlu memikirkan karya sastera kanak-kanak yang akan dihasilkan harus memenuhi kehendak jiwa dan minda kanak-kanak itu sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam hal ini bahan sastera kanak-kanak luar negara khususnya Barat harus dijadikan contoh kepada pengarang, pelukis ilustrasi dan penerbit tempatan untuk mendapat idea atau gambaran dalam menghasilkan bentuk, isi dan pengajaran yang ingin diketengahkan oleh sesebuah karya sastera kanak-kanak itu. Sehubungan itu, kriteria-kriteria yang tertentu hendaklah dikemukakan agar membolehkan penulis atau pengkarya sastera kanak-kanak menjadikannya sebagai panduan untuk menghasilkan sastera kanak-kanak yang bermutu di Malaysia. Hal ini turut diperkatakan oleh Fauziah Wan Jaafar (2011) menerusi temuramah yang dijalankan oleh pengkaji;

> "Kalau kita pandang positif maka positiflah. Dan begitulah sebaliknya. Kalau kita tanya pada tokoh-tokoh budaya pun kebanyakan jawab mereka tidak kemana. Tapi bagi pendapat Kak Gie, sastera kanak-kanak tetap akan hidup dengan satu pendekatan daripada semua pihak terutama pendidikan awal dari rumah iaitu peranan ibubapa yang harus diterapkan sejak awal lagi. Contohnya permainan moden hari ini kena diselitkan juga dengan cerita kanak-kanak. Tapi kini orang dewasa sendiri yang tidak menerima dunia kanak-kanak dalam diri mereka. Suatu masa kita akan jadi balik macam kanak-kanak. Semakin kita berusia jiwa kanak-kanak akan ada dalam jiwa kita. Merajuk, menangis, nyanyuk dan sebagainya. Semakin berusia jiwa kanak-kanak kita akan terbuka. Kesimpulannya halatuju sastera kita atas pembawakan masyarakat dan masyarakat itu sendiri harus peka kepada sastera Melayu."

Malah, dalam kajian yang dilakukan oleh Faridah Shamsuddin (2003: 67), menyatakan bahawa masalah dalam penerbitan buku kanak-kanak disebabkan kekurangan bahan yang berkualiti dan menepati kehendak audiens sasaran. Kebanyakan penulis menghantar menuskrip mereka dengan mengikut pandangannya sebagai orang dewasa dan tidak menjiwai bahan yang diperlukan audiens sasaran. Sepatutnya, penulis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sastera kanak-kanak harus memikirkan audiens yang menjadi sasaran mereka dan juga menghasilkan karya tersebut dengan mengetengahkan bahan-bahan yang berkualiti agar kanak-kanak memperolehi pendidikan yang berkesan dan sistematik melalui penghasilan karya sastera kanak-kanak.

Selain itu, penulis sastera kanak-kanak juga seharusya terdiri daripada seseorang yang boleh memahami psikologi kanak-kanak dan tidak menganggap bahawa buku kanak-kanak itu mudah untuk dihasilkan. Bahkan itu juga, penulis kanak-kanak dikatakan jarang membuat penyelidikan sebelum menulis atau menghasilkan sesuatu karya sastera kanak-kanak. Misalnya, penulis mengambil mudah untuk menulis buku kanak-kanak kerana mereka beranggapan bahawa buku yang dihasilkannya itu tidaklah mementingkan kepada falsafah yang tinggi seumpama menghasilkan karya ilmiah, malah ianya dihasilkan adalah semata-mata sebagai alat hiburan kepada kanak-kanak. Oleh yang demikian, penulis buku kanak-kanak hendaklah berfikir kreatif dan kritis dalam menghasilkan bahan-bahan sastera kanak-kanak dan tidak hanya mementingkan keuntungan semata-mata.

Sehubungan itu, tajuk buku yang mengelirukan dilihat menjadi faktor kemerosotan sastera kanak-kanak. Kebanyakan penulis yang menggunakan tajuk yang menggelirukan sehingga kanak-kanak tidak dapat memahami tajuk tersebut dan sekaligus menyebabkan kurangnya minat untuk membacanya. Contoh tajuk buku yang mengelirukan kanak-kanak ialah "Aku di Persimpangan". Justeru, adalah penting bagi penerbit dan penulis sastera kanak-kanak untuk menghasilkan sesuatu karya sastera dengan menggunakan tajuk yang mudah serta dapat menarik minat kanak-kanak untuk menghayati cerita tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Malahan, sastera bahasa Melayu turut dikatakan lambat berkembang berbanding dengan negara-negara luar. Misalnya di Barat, karya sastera kanak-kanak sering mendapat perhatian masyarakat terutamanya ibubapa dalam mendidik anak-anak mereka. Malah, menerusi karya sastera kanak-kanak seperti cerita binatang telah diangkat hingga menjadi ikon utama bagi masyarakat mereka. Hal ini terbukti menerusi penghasilan karya animasi *Disney*. Namun, di Malaysia karya sastera kanak-kanak dikatakan tidak membangun dengan rancak kerana kebanyakan sastera kanak-kanak hanya diulang-ulang semula ceritanya dan jarang ada pembaharuan dalam jalan penceritaannya. Hal ini turut diperkatakan oleh Hadijah Rahman (2006: 163), "...karya sastera dalam bahasa Melayu agak lewat dihasilkan dan lambat pula berkembang. Biarpun pertumbuhan karya sastera untuk kanak-kanak sudah meningkat cepat, tetapi perkembangannya lebih pada aspek kuantiti berbanding dengan perkembangan aspek mutunya." Maksudnya di sini, sastera kanak-kanak Melayu juga belum bertindak dengan berkesan sebagai alat pendorong pencapaian atau motivasi ke arah taraf kecermelangan yang tinggi, sedangkan mutu karya sastera kanak-kanak akan menentukan bacaan dan tahap pemikiran kanak-kanak itu sendiri. Lantaran itu, penerbitan sastera kanak-kanak hendaklah memandang serius isu ini supaya dapat menghasilkan serta mengeluarkan karya-karya sastera yang bermutu tinggi dan berpotensi sebagaimana yang dihasilkan oleh penulis-penulis sastera kanak-kanak di Barat.

Secara rumusannya, para penerbit, penulis dan pelukis ilustrasi perlu memastikan bahawa buku-buku kanak-kanak terutamanya karya sastera yang diterbitkan bermutu dari aspek bahasa, cerita, kertas, nilai pengajaran, ilustrasi dan lain-lain agar fungsional dari segi pendidikan. Hal ini penting kerana bahan kesusasteraan kanak-kanak merupakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

teman paling rapat kepada kanak-kanak selain memupuk minat membaca sepanjang hayat di kalangan kanak-kanak.

5.4.4 Pihak Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO)

Untuk menolak tanggapan negatif masyarakat umum tersebut, mata pelajaran kesusasteran Melayu haruslah diletakkan pada kedudukan yang sama taraf dengan mata pelajaran sains dan teknologi. Pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran kesusasteraan harus menekankan faedah yang boleh diperolehi dengan meneliti kepentingannya sebagai satu cabang ilmu, dan ciri-cirinya yang dapat memenuhi matlamat pendidikan yang tidak berupaya diberikan oleh mata pelajaran lain.

Sebagai langkah asas yang utama, Dasar Pendidikan Kesusasteraan Kebangsaan perlu diwujudkan untuk menjadikan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu sama penting dengan sains, matematik dan teknologi. Mata pelajaran kesusasteraan juga harus diajar sebagai satu mata pelajaran wajib kepada semua pelajar dari peringkat pra sekolah hingga universiti yang meliputi semua aliran, dan bukannya hanya setakat sebagai sebahagian komponen daripada Bahasa Melayu (KOMSAS).

Dari segi kurikulum kesusasteraan, matlamat utamanya haruslah dirangka khas oleh badan kerajaan untuk melahirkan pelajar yang berkemahiran membaca secara kritis, mempunyai sahsiah yang tinggi, memiliki jati diri dan berbangga dengan warisan budaya sendiri serta menghargai tokoh-tokoh penulis negara dan karya mereka. Di samping itu, kurikulum sastera harus dinilai dari semasa ke semasa mengikut perkembangan zaman.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, bahan-bahan pengajaran sastera mestilah dipilih, disusun, dikawal dan digredkan. Bahan-bahan ini hendaklah sesuai berdasarkan tujuan dan tingkat pencapaian pelajar. Begitu juga dengan pemilihan buku-buku teks sastera, Biro Buku Pelajaran jarang sekali mengambil kira perkara-perkara berikut (Mohd. Taib Osman & Hashim Awang, 1971):

a) Umur, perkembangan jiwa, keadaan emosi dan pengetahuan pelajar-pelajar;
b) Mempertimbangkan keperluan pelajar, tuntutan sosial dan moral;
c) Bahan-bahan itu dapat mengembangkan daya imaginasi dan daya kreatif, menyuburkan pertumbuhan emosi yang sihat;
d) Bahan-bahan itu dapat memperkayakan pengertian terhadap keindahan, kehidupan, kemanusiaan dan kecintaan kepada Tuhan;
e) Memberikan kemungkinan untuk interpretasi; dan
f) Mengandungi amanat-amanat tertentu mempertajamkan daya fikiran dan daya kritis.

Justeru, penyediaan dan penyusunan buku-buku teks dan bacaan tambahan harus dipandang serius oleh Biro Buku Pelajaran untuk mengelakkan masalah terlalu bersifat falsafah yang tinggi kepada pelajar. Dalam pada itu, pemilihan teks karya sastera haruslah dilakukan oleh barisan Panel Penilai yang bukan sahaja pakar dalam bidang sastera, tetapi juga mempunyai pengalaman dalam sistem pendidikan negara.

Apa yang penting ialah isi kandungan teks sastera dengan mudah dapat dihayati dan difahami oleh pelajar sesuai dengan peringkat umurnya. Misalnya, karya sastera

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kanak-kanak yang dipilih sebagai sukatan pelajaran kanak-kanak di peringkat sekolah tadika/pra sekolah haruslah mewakili golongan kanak-kanak yang dapat membina sahsiah kanak-kanak yang cemerlang, nilai hidup kanak-kanak, beragama dan bermoral serta berwawasan. Karya-karya tersebut harus dipersembahkan dalam pelbagai versi, daripada yang mudah (sekolah rendah) kepada sederhana (sekolah menengah) dan akhirnya berbentuk asli (universiti). Selain itu, teks sastera juga harus meliputi sastera tradisional dan moden secara menyeluruh, dan bukannya secara pilihan.

Menyentuh berkenaan tenaga pengajar, Kementerian Pelajaran Malaysia haruslah melatih guru sastera yang mempunyai pengkhususan dalam bidang kesusasteraan, dan bilangan itu mestilah cukup untuk memenuhi permintaan dan tuntutan semasa. Untuk meningkatkan kemahiran dan penghayatan sastera di sekolah, para guru harus diberi pendedahan umpamanya menghadiri kursus dalam perkhidmatan, bengkel, seminar dan lain-lain. Sehubungan itu, guru pakar bidang harus diwujudkan agar menjadi insentif kepada guru yang berkecimpung dalam bidang ini.

Malahan, Kementerian Pelajaran Malaysia juga harus memantapkan lagi kurikulum pembelajaran dan pengajaran pendidikan Kesusasteraan Melayu di setiap sekolah. Maksudnya di sini, kurikulum pembelajaran dan pengajaran pendidikan Kesusasteraan Melayu harus diteliti dan dipinda dari semasa ke semasa bagi membangunkan lagi bidang sastera ini di kalangan kanak-kanak amnya. Contohnya, menghasilkan modul pembelajaran yang harus mengikut perkembangan arus pemodenan kini iaitu menerusi sastera siber, karya sastera yang diadaptasikan ke dalam bentuk cd, vcd dan sebagainya sebagai bahan utama dalam proses pembelajaran dan pengajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui perkembangan inilah yang dapat menarik minat pelajar untuk mempelajari sastera.

Dalam usaha menghidupkan kembali minat masyarakat kepada kesusasteraan, dukungan daripada semua pihak khususnya pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) sangat diperlukan agar usaha ini lebih berhasil. Dalam hal ini, kepakaran dalam bidang teknologi juga diperlukan. Bersesuaian dengan era teknologi maklumat (IT), pengajian kesusasteraan perlu dilengkapkan dengan kursus teknologi khususnya teknologi komputer memandangkan graduan-graduan yang mudah memperoleh pekerjaan yang baik terdiri daripada mereka yang mempunyai kemahiran IT dan komunikasi. Maka kursus-kursus yang berkaitan dengan IT seperti multimedia perlu dimasukkan ke dalam pengajian kesusasteraan. Pengajian kesusasteraan yang berbentuk tulen perlu dirombak supaya kursus-kursus yang berbentuk gunaan diwujudkan.

Dari segi lain, bentuk penilaian bagi mata pelajaran sastera perlu diubah supaya bersifat lebih menyeluruh dan bersesuaian dengan Falsafah Pendidikan Kesusasteraan. Oleh yang demikian untuk membangunkan sastera kanak-kanak tempatan, maka pihak kerajaan dan bukan kerajaan (NGO) dilihat dapat merealisasikan impian ini iaitu dengan membentuk semula sistem Pendidikan Negara. Misalnya, pihak kerajaan hendaklah memperkenalkan modul pembelajaran dan pengajaran Kesusasteraan Melayu diperingkat awal lagi iaitu di sekolah tadika/pra sekolah. Malahan, badan-badan bukan kerajaan (NGO) juga dapat merealisasikan impian ini iaitu membantu menghulurkan dana atau memberikan sumbangan buku-buku sastera kepada sekolah-sekolah yang memerlukan.

Selain itu, penggiat sastera juga harus memainkan peranan yang lebih kuat untuk memartabatkan kedudukan Kesusasteraan Melayu amnya sastera kanak-kanak di mata

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masyarakat dunia seumpama negara-negara Barat yang telah lama berjaya mengangkat sastera kanak-kanak ini di dalam institusi masyarakat mereka. Oleh itu, GAPENA sebagai salah satu badan sastera bukan kerajaan yang unggul, haruslah memikul tanggungjawab penting bersama-sama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka untuk cuba mempengaruhi minda para pemimpin negara agar menyedari kepentingan kesusasteraan dalam pembangunan insan dan pembinaan negara yang harus dititikberatkan pada peringkat awal pertumbuhan kanak-kanak lagi.

Jabatan-jabatan kerajaan dan agensi yang berkaitan juga boleh membantu dalam memartabatkan sastera kanak-kanak negara. Filem Negara Malaysia dengan kerjasama Jabatan Penerangan dan Radio Televisyen Malaysia (RTM) misalnya, boleh menerbitkan satu program tv pendidikan berbentuk sastera kanak-kanak seperti yang pernah diterbitkan pada tahun 90-an dahulu. Dengan cara ini kanak-kanak akan mendapat satu lagi akses yang cepat dan mudah apabila ia kembali ditayangkan di kaca tv. Lantaran banyak slot televisyen kanak-kanak lebih terarah kepada hiburan seperti pertandingan nyanyian, pihak penerbitan sepatutnya menerbitkan lebih banyak program kanak-kanak berbentuk pengajaran dan pembelajaran yang diketahui lebih banyak memberi manfaat kepada kanak-kanak. Malah, hari ini kita boleh lihat ramai kanak-kanak boleh menyanyi dan menari dengan baik namun masih kurang yang mampu berpantun, bersyair atau bergurindam. Hal ini sebenarnya bermula dari zaman kanak-kanak itu sendiri yang telah diajar untuk menyanyi dan menari tetapi tidak diajar tentang keunikan sastera kanak-kanak itu sendiri. Pembaharuan yang terbaik yang boleh dilakukan dalam bidang penyiaran negara adalah dengan mewujudkan satu slot khas di radio yang turut merancakkan perkembangan sastera kanak-kanak. Jika dahulu drama radio sering

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjadi perhatian dan menjadi ikutan pendengar-pendengar radio khususnya golongan dewasa, kini mungkin boleh diwujudkan satu drama kanak-kanak atau sitkom kanak-kanak yang dibawa sendiri oleh kanak-kanak berusia 4 hingga 6 tahun. Pengajaran-pengajaran berguna melalui cerita-cerita kanak-kanak, pantun, syair, gurindam, sajak dan sebagainya boleh diselitkan di dalam drama radio kanak-kanak tersebut. Hal ini sudah pasti akan menarik lebih ramai pendengar bukan sahaja di kalangan kanak-kanak, malah golongan ibubapa juga. Drama radio ini seterusnya boleh dijadikan satu modul khas yang boleh digunapakai untuk proses pembelajaran di prasekolah. Kanak-kanak di prasekolah boleh belajar secara langsung apabila slot drama kanak-kanak ke udara di radio.

Akhirnya, golongan pengkarya tempatan haruslah menggunakan platform terkini dalam mendekatkan sastera kanak-kanak kepada golongan sasaran. Penghasilan teater pentas misalnya boleh dijadikan satu platform dalam menaikkan kembali sastera kanak-kanak di Malaysia. Usahasama dengan pihak Istana Budaya boleh dijadikan sebagai satu tanda aras kepada kebangkitan sastera kanak-kanak. Teater ini boleh dijalankan semasa cuti sekolah untuk memudahkan kanak-kanak datang. Kehadiran ibubapa khususnya bukan sahaja dilihat sebagai pencetus era baru sastera kanak-kanak malah sebagai galakan kepada anak-anak mereka agar warisan turun temurun ini tidak tenggelam begitu sahaja. Pihak badan bukan kerajaan atau swasta boleh menghulurkan sumbangan dengan membeli siaran tersebut untuk dipancarkan di televisyen. Dengan cara ini, kanak-kanak di seluruh negara dapat menonton teater tersebut hanya di rumah.

Secara rumusannya, semua pihak tidak kira pihak kerajaan mahupun badan berkanun haruslah berkerjasama dalam memainkan peranan pentingnya untuk memartabatkan kedudukan Kesusasteraan Melayu amnya sastera kanak-kanak di mata

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masyarakat dunia seumpama negara-negara Barat yang telah lama berjaya mengangkat sastera kanak-kanak ini di dalam institusi masyarakat mereka.

5.4.5 Institusi Penyelidikan (IPTA/IPTS)

Bagi menghidupkan sastera kanak-kanak di negara kita, usaha dari pelbagai pihak haruslah dimainkan. Malah, sebuah institusi yang menjalankan usaha-usaha penyelidikan ke arah meningkatkan lagi mutu sastera kanak-kanak perlu ditubuh atau dilaksanakan. Hal ini dapat kita lihat di negara-negara Barat yang mana sastera kanak-kanaknya telah berkembang dengan adanya pusat penyelidikan atau dokumentasi seperti *International Institute for Children's Literature and Reading Research* di Australia dan *Library of Congress Children's Book Section*. Justeru, melalui institusi sumpama ini bukan sahaja dapat mengumpul sastera kanak-kanak negeri masing-masing tetapi juga mengumpulkan sastera dari luar negara bagi tujuan penyelidikan para penulis, ilustrator, penerbit, penuntut IPTA atupun IPTS.

Malah, melalui kajian ini pengkaji mengharapkan agar institusi penyelidikan dapatlah ditubuhkan di negara kita bagi memajukan serta mengembangkan lagi sastera kanak-kanak dimata dunia. Bahkan itu juga, pengkaji mencadangkan agar mahasiswa yang ingin melakukan kajian ilmiah pada masa akan datang bolehlah melihat dari aspek lain jika ingin menganalisis sastera kanak-kanak terutamanya melibatkan cerita binatang. Antara cadangan yang dapat dinyatakan kepada bakal pengkaji seterusnya ialah mengkaji kelebihan dan kekurangan sastera kanak-kanak apabila dimodenkan ke dalam medium

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

animasi. Mengkaji penerimaan masyarakat terhadap sastera kanak-kanak yang dimediumkan ke dalam bentuk animasi serta hala tujunya dan juga melihat kenapa sastera kanak-kanak di Malaysia tidak membangun pada masa kini.

5.5 Kesimpulan

Kesimpulan daripada kajian ilmiah yang telah dijalankan ini maka pengkaji ingin menyarankan agar seseorang kanak-kanak itu perlulah diasuh dan dididik dengan rapi memandangkan sifat semulajadi kanak-kanak yang mudah terdedah dan terpengaruh kepada bahaya persekitaran yang bukan sahaja dibimbangi mampu merosakkan fizikal malah dapat merosakkan akhlak kanak-kanak tersebut. Hal ini dilihat bertepatan dengan kata-kata yang diutarakan oleh Imam Al-Ghazali Rahimahullah yang menyebut;

> "Sesungguhnya anak-anak kita adalah permata. Dalam membicarakan soal pendidikan anak-anak ini suatu perkara yang perlu kita fahami bahawa mendidik adalah suatu kesenian yang datangnya dari jiwa yang halus dan pemikiran yang kreatif. Kasih sayang adalah elemen yang paling utama dalam proses mendidik kanak-kanak. Teguran dan nasihat yang lahir dari cetusan kasih sayang akan mencairkan hati yang keras sebaliknya kekasaran dan penojolan ammarah akan membekukan jiwa yang lembut. Apatah lagi bila yang dihadapan kita itu adalah kanak-kanak yang putih bersih, yang akan belajar apa sahaja yang ada persekitarannya melalui pemerhatian, peniruan dan seterusnya mengaplikasikannya ke dalam hasil pembelajaran."

